

*Naskhah belum disemak*

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

Bil. 17

Rabu

6 Disember 2017

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2018

(Halaman 36)

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA  
Rabu, 6 Disember 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam sehati sejiwa.

Pertama sekali ucapan terima kasih pada hari Rabu 6 Disember 2017, kita hendak mulakan dengan Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan.

Saya ingin rakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kita, Dato' Sri Ismail Sabri hadir pada pagi ini. Tahniah ya... *[Dewan tepuk]* Ramai Menteri, dan saya ucapkan terima kasih banyak atas keprihatinan dan kepentingan kita punya Dewan Negara. Saya mulakan dengan soalan nombor 1.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Hajah Azizah binti Haji Harun** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah komitmen MARA dalam meningkatkan kemasukan pelajar dari kumpulan B40 ke MRSM yang pada ketika ini hanya 53.3 peratus dan perincian sebenar pelajar yang menyertai Program IGCSE atau IB di seluruh negara mengikut kumpulan B40, M40 dan kumpulan khas.

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Saya mohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, nombor 56 bertarikh 7 Disember 2017.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Silakan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Untuk makluman Yang Berhormat, MARA sentiasa mengutamakan dan akan memastikan pelajar-pelajar cemerlang daripada keluarga berpendapatan rendah B40 di bandar dan di luar bandar diberikan keutamaan untuk mendapatkan pendidikan menengah terbaik di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Antara komitmen MARA untuk memastikan lebih ramai pelajar daripada kelompok B40 luar bandar dan bandar untuk memasuki MRSM, maka beberapa perkara telah pun kita perkenalkan.

Pertama, untuk menaikkan markah pemberat ataupun *weightage* yang lebih tinggi di dalam pengiraan merit berdasarkan status sosioekonomi bagi pelajar B40 untuk meningkatkan

lagi peluang mereka. Sebagai contoh, kalau dulu pelajar B40 mendapat 10 markah berdasarkan pendapatan ibu bapa mereka, sekarang kita tambahkan menjadi 20 markah.

Kedua, kita mengadakan kerjasama yang rapat dengan jabatan-jabatan dan juga agensi-agensi yang berkait rapat dengan B40 ini. Sebagai contoh bagi pelajar-pelajar masyarakat Orang Asli misalnya, kita MARA ataupun MRSM bekerjasama dengan JAKOA, juga bekerjasama dengan pejabat daerah dan Majlis Agama Islam bagi kita mengenal pasti pelajar-pelajar daripada kumpulan asnaf masyarakat Orang Asli dan sebagainya yang berkelayakan untuk memasuki MRSM.

Seterusnya adalah kita mengurangkan kelayakan minimum untuk memasuki MRSM ini bagi mereka ini. Kalau dulunya untuk memasuki MRSM, kelayakan minimumnya adalah 5A1B ataupun 6A. Akan tetapi bagi memberikan ruang yang lebih luas kepada golongan ini, maka kita mengurangkan kepada 3A3B. Maknanya kalau mereka dapat *result* ataupun keputusan 3A3B, kita beri peluang kepada mereka untuk memasuki MRSM dan sebagainya.

Bagi masyarakat Orang Asli dan juga penduduk-penduduk di kawasan pedalaman Sabah, Sarawak dan sebagainya, kelayakan minimum yang kita berikan adalah 3A2B1C. Bermakna ini juga supaya peluang yang lebih luas kita boleh buka kepada kumpulan B40 dan juga masyarakat luar bandar dan bandar sekali.

Seterusnya adalah program *outreach*. Kalau kita lihat hari ini untuk masuk ke MRSM misalnya, ramai yang bertanya saya bagaimakah masyarakat luar bandar hendak mendaftar ataupun *apply* ataupun membuat permohonan masuk ke MRSM kerana permohonan kali ini adalah melalui *online*.

Jadi untuk membantu masyarakat luar bandar yang miskin dan sebagainya, program *outreach* dilaksanakan oleh MRSM yang mana MRSM akan turun ke sekolah-sekolah di luar bandar dan sebagainya untuk mencari pelajar-pelajar miskin luar bandar ini untuk membantu mereka masuk ke MRSM. Saya hendak beri contoh, pada tahun 2017, program *outreach* telah pun dilaksanakan di 456 buah sekolah yang melibatkan 18,976 pelajar di seluruh negara yang dikendalikan oleh 54 buah MRSM.

#### ■1010

Kita mengadakan *outreach* di sekurang-kurangnya lima buah sekolah harian di luar bandar. Kita bekerjasama dengan pejabat daerah, dengan JKK bagi mendapatkan maklumat tentang senarai nama pelajar-pelajar yang mempunyai peluang untuk memasuki MRSM ini. Malah, kita juga bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat sebagai contoh. Misalnya, Yang Berhormat Senator, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator misalnya, boleh menghantar senarai nama-nama pelajar yang mempunyai potensi yang mendapat kelulusan 3A3B dan sebagainya untuk kita bantu memasuki MRSM dan sebagainya.

Memang sasaran kita sepertilah objektif penubuhan asal MRSM adalah untuk membantu pelajar-pelajar luar bandar, terutamanya yang miskin untuk belajar di MRSM. Terima kasih. Seterusnya, satu lagi. Rupanya ada dua soalan dalam satu soalan. Mengenai IGCSE ataupun *International General Certificate for Secondary Education*.

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada jumlah keseluruhan 10,987 pelajar MRSM sedia ada yang sedang belajar di 15 buah MRSM yang melaksanakan Program IGCSE, peratus pelajar MRSM dalam kalangan B40 ialah 43.9 orang. Ya, 43 peratus daripada kumpulan B40, 29 peratus di kalangan M40, manakala daripada T20 ialah 26.4 peratus. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Puan Hajah Azizah binti Haji Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan saya dengan padat dan tepat. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang sendiri datang menjawab soalan pada pagi ini...  
[Tepuk]

Soalan tambahan saya, MRSM ada mengadakan Program IGCSE iaitu *International General Certificate for Secondary Education* dengan sasaran agar ramai pelajar bumiputera atau akan melanjutkan pelajaran ke *top university* di luar negara. Soalan saya, sejauh manakah kejayaan dan prestasi output MRSM IGCSE dan sasarannya serta kumpulan manakah M40 atau B40 yang benar-benar mendapat penempatan di MRSM IGCSE dan perkongsian faedah kepada masyarakat luar bandar dan dalam program MRSM ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya sebutkan tadi, saya ulang sekali lagi. Bahawa apa pun program di dalam MRSM, tumpuan kita masih lagi kepada kumpulan B40 dan juga M40. Kalau kita lihat dari segi jumlah saya sebutkan tadi B40 sebanyak 4,827 orang iaitu 43.93 peratus, manakala M40 adalah 3,253 ataupun 29.61 peratus. Menjadikan keseluruhan pelajar-pelajar B40 dan M40 yang mengambil, yang berada di dalam Program IGCSE ini adalah sebanyak 73.54 peratus Jadi, inilah jumlah sebenar B40 dan M40. Bagi kita menambahkan, memang kalau boleh kita hendak meramaikan lagi yang terlibat di dalam Program IGCSE ini.

Berbagai-bagi program kita adakan bagi kita tarik lebih ramai lagi pelajar-pelajar B40 dan M40 ini untuk mengikuti Program IGCSE ini. Antara yang kita laksanakan adalah kita juga mengadakan program *outreach* di sekolah-sekolah di luar bandar ini. Seperti yang ditanyakan, apakah faedah kepada pelajar-pelajar ini? Program IGCSE ini adalah untuk membantu pelajar-pelajar, terutamanya daripada luar bandar untuk mendapatkan sistem pendidikan antarabangsa. Dalam Program IGCSE, pelajar-pelajar akan menduduki peperiksaan *International General Certificate for Secondary Education* semasa di Tingkatan 4. *Syllabus* IGCSE adalah *syllabus* yang dikeluarkan oleh *University of Cambridge*.

Sijil IGCSE ini diterima oleh seluruh negara di dunia ini. Sehingga tahun 2017, seramai 300 pelajar cemerlang dalam peperiksaan IGCSE telah ditaja oleh MARA untuk mengikuti program IB di Kolej MARA Banting, Seremban dan juga MKIC KETENGAH. Jadi Yang Berhormat, memang kita hendak ramaikan. Oleh sebab melihatkan kepada ruang dan peluang kepada pelajar-pelajar IGCSE ini yang mana sijil mereka bukan sahaja diterima di dalam negara tetapi di iktiraf di seluruh dunia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih dan soalan tambahan, saya meminta Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri KKLW yang juga memperkasakan MRSM. Saya melihat jawapan yang diberi tadi, di mana rakyat B40 yang berpendapatan rendah terbela dengan peningkatan markah daripada 10 peratus kepada 20 peratus. Jadi, anak-anak di pedalaman dapat diangkat kecemerlangan, dilonjakkan kecemerlangan ke lebih yang tinggi, malah MRSM juga melahirkan banyak pelajar-pelajar yang cemerlang.

Jadi, soalan saya apakah MRSM ataupun KKLW dapat membantu pelajar-pelajar yang ibu bapanya berpendapatan rendah? Sudah pastilah bila tawaran MRSM, kita melonggarkan syarat untuk anak-anak pedalaman, luar bandar, B40, berpendapatan rendah, penoreh, semuanya, sudah pastilah mereka ini merasakan rendah diri untuk masuk MRSM. Oleh sebab pendapatan yang rendah dan tak mampu untuk membiayai kos-kos kemasukan juga termasuk yuran, makan di asrama dan lain-lain kos yang berkaitan untuk kemasukan di MRSM. Apakah ianya dapat dibiayai ataupun perlu pelajar ataupun ibu ayah ini meminjam di mana-mana untuk kemasukan pelajar yang miskin dan susah ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Dari segi peluang kita sudah beri, surat tawaran kita keluarkan. Akan tetapi mungkin kalau tidak ada bantuan, ramai yang tidak mampu untuk masuk ke MRSM. Oleh sebab itulah kita mempunyai program khusus untuk membantu pelajar-pelajar yang miskin supaya mereka diberikan ruang untuk masuk ke MRSM tanpa risau tentang kewangan mereka. Ini kerana seperti yang kita tahu, untuk masuk ke asrama penuh, berbagai-bagai perkara asas yang diperlukan.

Termasuklah, pakaian dan sebagainya selain daripada wang saku untuk masuk. Maknanya, bukan setakat masuk tetapi untuk terus berada di MRSM daripada Tingkatan 1 hingga ke Tingkatan 5 tentulah agak sukar bagi keluarga yang miskin. Jadi, sebenarnya kita mempunyai program untuk membantu mereka. Ada dua program iaitu Program Bantuan Untuk Pendidikan ataupun Budi MARA dan keduanya, bantuan pengecualian wang caruman dan wang saku.

Untuk Budi- ataupun Program Bantuan Untuk Pendidikan, Budi MARA iaitu program pemberian bantuan sepenuhnya, bantuan penuh yang melibatkan wang saku, wang caruman, pakaian seragam MRSM, pakaian sukan, alatan persekolahan dan buku teks serta keperluan lain seperti sabun, berus gigi, tuala dan juga segala yuran-yuran yang lain, yang ditanggung akan dibayar kesemuanya oleh MRSM.

## ■1020

Cuma yang saya hendak sebutkan adalah dari segi pendapatan keluarga. Walaupun saya sebut tadi kita fokus kepada B40 tetapi untuk mendapat sepenuhnya ini adalah pendapatan keluarga RM2,500 ke bawah. Mulai tahun 2017, RM2,500 ke bawah. Dulu, kita perkenalkan tahun 2008, waktu itu RM850 ke bawah tetapi dengan keadaan ekonomi dan sebagainya, hari ini kita tetapkan RM2,500 ke bawah berhak untuk mendapat bantuan

sepenuhnya daripada MRSM dan bilangan tanggungan dalam keluarga termasuk ibu bapa, tiga orang. Maknanya, ibu bapa campur tiga anak yang lain.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah Budi MARA yang terdapat di MRSM hari ini untuk tahun 2013 misalnya, sebanyak 905; tahun 2014 sebanyak 810; tahun 2015 sebanyak 805; tahun 2016 sebanyak 1,051; manakala tahun 2017 sebanyak 1,356. Ini adalah untuk yang ditanggung sepenuhnya.

Manakala mereka yang tidak mendapat Budi, mungkin pendapatan ibu bapa mereka lebih tinggi daripada RM2,500 tetapi masih lagi mereka di dalam kelompok B40, maka mereka berpeluang untuk bantuan wang caruman dan wang saku ataupun wang caruman sahaja. Jadi mereka boleh dapat juga sebahagian daripada apa yang diperoleh oleh Budi tadi. Jadi kita juga membantu dari segi bayaran-bayaran lain. Kita mengecualikan dari segi wang caruman dan sebagainya. Jadi, ada dua kategori tetapi bermakna tidak timbul lagi isu seperti kata Yang Berhormat Senator Dato' Salim tadi bahawa mereka yang mendapat tawaran kerana tidak ada kemampuan ibu bapa akhirnya terpaksa berhenti ataupun tidak meneruskan pengajian ke MRSM.

Seperti saya kata, objektif asal kerajaan menuju MRSM adalah untuk memberikan peluang yang terbaik bagi *environment* pendidikan kepada anak-anak luar bandar dan juga kumpulan miskin. Jadi, *insya-Allah*, MARA akan meneruskan objektif kerajaan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kalau kita tengok penubuhan MRSM pada tahun 1968 dulu, konsep awal kalau tidak salah saya yang keluar dalam *paper* pada ketika itu ialah kerana ramai Bumiputera, anak-anak Melayu yang kurang dalam bidang sains dan teknologi. Oleh sebab itu diwujudkan MRSM. Tidak adupun, pada ketika itu, B40 ataupun M40. Tidak ada bandar ataupun luar bandar. Cuma difahamkan bahawa MARA pada ketika itu membantu orang-orang luar bandar.

Akan tetapi, kalau kita melihat pada ketika ini, Yang Berhormat Menteri, kemiskinan bandar itu sekarang telah melebihi kemiskinan di kawasan-kawasan luar bandar khususnya di kawasan-kawasan flat, kawasan-kawasan rumah-rumah pangsa. Di Cheras contohnya, ramai yang miskin, Yang Berhormat Menteri. Kalau kita tengok pada penerangan Yang Berhormat Menteri tadi, saya rasa dia B40 dan 70:30 saya ingat *ratio*-nya begitu.

Jadi kalaulah, Yang Berhormat, begitu banyaknya orang-orang di dalam bandar ini hendak masuk ke dalam MRSM ini, apakah ada kemungkinan untuk MARA menuju MRSM lagi, memperbanyak lagi MRSM? Apakah Yang Berhormat Menteri selaku Menteri ingin hendak mengadakan MRSM *private*? Kerana banyak sangat hendak masuk. Orang kaya pun hendak masuk, orang miskin pun hendak masuk, yang *dok lobi* pun hendak masuk. Kita gunakan kurikulum, kita gunakan *the best teacher from MRSM, open the private school*, dengan izin, supaya mereka ini dapat bayar dan dengan cara tidak langsung MARA juga akan mendapat

keuntungan daripada situ dan dapat membantu MRSM-MRSM yang lain. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya setuju dengan Yang Berhormat. Bila saya sebutkan tadi B40 dan M40, ia termasuk bandar, anak-anak miskin bandar yang berada di rumah-rumah murah, flat ataupun PPR dan sebagainya. Memang keutamaan tetap diberikan kepada mereka untuk masuk ke MRSM.

Sejak awal lagi penubuhan MRSM, kita tahu dulu bukan setakat hendak menumpukan kepada matematik dan sains, untuk sains dan teknologi dan sebagainya, tetapi waktu itu pelajar-pelajar luar bandar berada di sekolah yang serba kekurangan. Sebagai contoh, api pun tidak ada pada waktu itu. Di sekolah saya, waktu saya Darjah 1 hingga Darjah 6, api pun tidak ada, air pun tidak ada, minum air pergi dan sebagainya. Jadi, *environment* itu mungkin tidak memberi peluang yang banyak kepada pelajar-pelajar luar bandar untuk lebih cemerlang. Jadi, kita hantar ke MRSM yang ada disiplinnya dengan *environment*, persekitaran pelajaran yang baik dan sebagainya boleh menyebabkan pelajar-pelajar yang mampu cemerlang boleh menjadi lebih cemerlang. Akan tetapi kali ini, seperti saya kata, kita buka juga kepada pelajar-pelajar bandar.

Kita sentiasa ingin menambahkan lebih banyak MRSM. Pertamanya, kita mendapat bantuan terus, bajet terus daripada pihak kerajaan. Terbaru ada lima MRSM baru yang akan dibuka yang telah pun diluluskan. Selain daripada yang mendapat bantuan penuh bajet kerajaan, kita juga mengadakan kerjasama dengan kerajaan negeri, agensi-agensi ataupun jabatan-jabatan yang mana mereka mengeluarkan kewangan dan kita menyediakan guru, *syllabus* dan sebagainya kita di bawah MRSM.

Sebagai contoh, MRSM Trolak bersama dengan FELDA misalnya, FELDA yang membinanya. MRSM bersama dengan pihak PDRM. MRSM Petronas baru-baru ini dibuka dua di Sabah dan juga di Sarawak, di Bintulu dan juga di Ranau kalau tidak silap saya, MRSM bersama Petronas. Kerajaan Negeri Terengganu misalnya, memberikan kita satu kolej di Terengganu dan kita mengadakan kerjasama dengan IMTIAZ di Terengganu. Jadi kita menyediakan semua sekali dan mereka menyediakan bangunan. Kalau banyak lagi negeri-negeri lain yang mengikuti apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Terengganu, lebih banyak MRSM dapat kita buka.

Akan tetapi seperti Yang Berhormat sebut tadi, oleh kerana tumpuan saya kali ini adalah untuk memberikan ruang yang banyak kepada pelajar-pelajar miskin bandar dan luar bandar, mungkin peratus pelajar-pelajar yang di luar daripada M40 tadi, peluang mereka akan semakin berkurangan. Maknanya mungkin jadi 90 peratus pelajar-pelajar B40 dan M40. Mungkin akhirnya akan menjadi 100 peratus untuk tempat pelajar-pelajar M40 dan B40. Jadi tidak ada ruang langsung untuk pelajar-pelajar daripada keluarga berada dan sebagainya.

Saya faham mereka marah. Mereka kata kenapa mereka tidak diberi ruang, bapa mereka juga pembayar cukai, kenapa sekolah ini hanya untuk B40 dan M40. Jadi mereka *demand* bahawa mereka juga berhak sebagai warganegara untuk mendapat tempat di MRSM. Bagi mereka, ya, mereka kaya tetapi anak mereka tidak boleh disekat hak mereka.

**■1030**

Jadi, sebab itulah saya pernah mencadangkan, pernah membuat cadangan supaya kita wujudkan MRSM swasta ini. MRSM yang biasa yang sudah ada, kita khaskan untuk kumpulan M40 dan B40 yang mempunyai kewangan yang mencukupi mereka boleh bayar untuk belajar di MRSM yang berbayar ini. Jadi kita tidak ambil ruang sesiapa, mereka ada duit mereka boleh hantar ke *private school* yang lain sampai beribu-ribu sebulan mereka bayar, Sri Cempaka dan sebagainya. Kenapa mereka tidak boleh hantar ke MRSM berbayar dan sebagainya.

Memang dari segi cadangan itu memang ada Yang Berhormat, cuma dari segi pelaksanaan itu kita sedang membuat kajian. *Insya-Allah* kalau tidak ada aral dan sebagainya suatu hari nanti tidak ada mustahil kita akan ada MRSM berbayar, cuma namanya mungkin berbeza dan sebagainya, itu *insya-Allah* kita akan umumkan nanti. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita sudah dengar ya. Lain-lain sekejap, saya bagi peluang sama dia. Sila, ringkas ya.

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri penjelasan yang begitu baik. Saya juga ucapan terima kasih dan juga syabas kepada Kerajaan Malaysia yang telah pun memberikan peluang kepada anak-anak muda kita mengikuti satu program kurikulum antarabangsa...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat soalan, soalan ya.

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram:** Ya, antarabangsa bagi- Jadi soalan saya adalah walaupun MRSM ini bagi peluang kepada semua pihak soalan saya ialah berapa banyak tempat kah yang disediakan untuk pelajar-pelajar bukan bumiputera di MRSM yang mengikuti atau menyertai program ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Untuk makluman Yang Berhormat, MRSM walaupun saya sebutkan tadi bahawa majoritinya adalah untuk Melayu dan bumiputera tetapi kita juga menyediakan 10 peratus untuk bukan Melayu. Jadi di kalangan bukan Melayu itu saya difahamkan ramai di kalangan mereka adalah daripada kaum India, jadi kita masih buka kepada bukan Melayu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Satu perjuangan yang diwarisi daripada Allahyarham Tun Abdul Razak ini, perjuangan Tun Abdul Razak pembangunan luar bandar. Sebentar tadi kita ada dengar begitu cantik sekali jawapan-jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri kita. Itu dia punya tugas menabur budi, tugas Yang Berhormat adalah untuk menabur budi, itu ingat. Bak kata orang tua tadi.

*Laut Hindi airnya dalam,  
Kapal berlabuh di tengah hari,  
Budi umpama padi segenggam,  
Tidak ku tabur apakan jadi... [Tepuk]*

Terima kasih, sila.

**2. Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, matlamat kementerian agar semua pihak memainkan peranan yang sama dalam mencari sumber tenaga boleh diperbaharui.

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif, Yang Berhormat begitu minat dengan perkara tenaga boleh diperbaharui.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mencapai matlamat bagi meningkatkan pencarian dan penggunaan sumber tenaga boleh diperbaharui ataupun TBB bagi penjanaan elektrik di negara ini. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah seperti berikut.

Pertama, menggubal Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 bagi tujuan melaksanakan mekanisme *feed-in tariff* ataupun FiT untuk sumber-sumber tenaga yang boleh baharui seperti biogas, biojisim, tenaga solar, *photovoltaic*, *mini hydro* dan *geothermal*. Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) telah ditubuhkan untuk melaksanakan inisiatif ini.

Kedua, melaksanakan Program Net Energy Metering (NEM) yang dilaksanakan oleh SEDA. Melalui program ini pengguna akan memperoleh penjimatan di dalam bil elektrik bulanan hasil daripada penjanaan tenaga elektrik melalui panel solar *photovoltaic* untuk kegunaan sendiri tentunya dipasang di atas bumbung rumah sendiri.

Ketiga, melaksanakan Program Solar Berskala Besar atau dengan izin, *large scale solar* (LSS) melalui Suruhanjaya Tenaga (ST) dan program ini dilaksanakan oleh ST menerusi proses bidaan kompetitif, *open bidding*, dengan izin. Selain membuka peluang kepada syarikat komersial untuk menyumbang kepada pembangunan Tenaga Boleh Baharu atau TBB, kerajaan turut memperkenalkan inisiatif-inisiatif untuk membolehkan individu dan komuniti turut serta dalam pembangunan TBB. Antaranya melaksanakan Program MySuria yang memberi peluang kepada 1,620 peserta dalam kumpulan isi rumah berpendapatan rendah RM3,860 dari 11 negeri untuk menjana pendapatan daripada tenaga solar. Melalui program ini mereka dijangka memperoleh pendapatan tambahan sebanyak RM250 sebulan, hasil jualan tenaga elektrik kepada syarikat utiliti iaitu mahupun TNB, SESB atau SESCO di Sarawak.

Keempat, menubuhkan Yayasan Hijau pada tahun 2014 untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan kesedaran orang awam terhadap teknologi hijau termasuk Tenaga Boleh Baharu. Di antara aktiviti yang dilaksanakan ialah:

- (i) mempromosi melalui acara seperti pameran dan karnival taklimat dan bengkel khusus;
- (ii) pertandingan teknologi hijau;
- (iii) *roadshow*;
- (iv) teknologi hijau; dan

- (v) karnival hijau serta penglibatan aktif dalam program-program yang dianjurkan oleh agensi kerajaan atau swasta.

Sehingga kini seramai 32 ribu orang telah mendapat manfaat dan pendedahan daripada aktiviti-aktiviti ini. Begitu juga mempromosi melalui media seperti televisyen, radio, media sosial dan media cetak dan juga melaksanakan audit hijau di sekolah-sekolah dan seterusnya membangunkan pengekalan data sukarelawan hijau dan portal yayasan hijau.

Kelima, menyediakan kuota solar komuniti bermula pada tahun 2014 untuk memberi peluang kepada entiti bukan komersial membangunkan projek-projek solar *photovoltaic* bawah mekanisme *feed-in tariff* (FiT) tanpa perlu bersaing dengan syarikat-syarikat komersial. Mereka yang telah mengambil bahagian dalam program ini adalah pemasangan solar *volta* di atas masjid, surau, di atas balai raya, kuil dan juga sekolah-sekolah bantuan kerajaan.

Seterusnya, melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif secara bersepadan dengan berlandaskan dasar yang ditetapkan oleh kerajaan, kementerian yakin matlamat dan sasaran kerajaan untuk meningkatkan sumbangan Tenaga Boleh Baharu bagi penjanaan elektrik dengan melibatkan semua golongan akan dapat dicapai. Malah sehingga kini sumbangan Tenaga Boleh Baharu dalam kapasiti terpasang, *installed capacity*, dengan izin, telah meningkat kepada 21.5 peratus berbanding dengan sasaran negara-negara ASEAN iaitu 23 peratus menjelang tahun 2025. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila.

**Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri datang menjawab pada hari ini. Saya melihat jawapan yang diberikan sudah cukup lengkap tetapi cuma saya hendak menambah sedikit tentang apakah kerajaan memberi kuota khas kepada penjanaan tenaga solar kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Kita tahun di kawasan FELDA terutamanya rumah generasi kedua sudah pastilah rumah generasi kedua ini mereka anak-anak muda ataupun anak peneroka disiapkan perumahan generasi kedua tetapi dalam soal bayaran balik dan juga pendapatan dari segi sumber yang di dapat tidak dapat ada kalanya tidak dapat membayar bulanan.

#### ■1040

Jadi dengan adanya projek di bawah tenaga solar ini, adakah kementerian memberi kuota keutamaan kepada projek tersebut dan juga ia melangkaui kawasan selain daripada masjid, surau dan gereja yang disebut tadi, adakah kawasan-kawasan kampung juga. Ini kerana dasar kerajaan ingin membela nasib mereka yang berpendapatan rendah, di mana kerajaan baru-baru ini juga memperkenalkan bantuan musim tengkujuh kepada penoreh getah dan juga pesawah padi dan juga nelayan laut. Jadi, mereka ini juga menduduki perumahan yang mungkin boleh gunakan solar bagi sumber baru pendapatan mereka.

Keduanya, bagaimanakah kementerian memastikan TNB berada dalam siap siaga bagi menyediakan menaik taraf infrastruktur membolehkan pembekalan tenaga boleh diperbaharui ke grid sekiranya permintaan ataupun *load* elektrik sesuatu lokasi tidak mampu menyerap penjanaan, yang mana kita dapat tahu bahawa ada setengah-setengah kilang sawit yang melepaskan gas *methane* yang mana boleh di *generate* untuk jadikan sumber tenaga dan

ia dapat kita mengawal ataupun dapat kita mencegah pencemaran udara. Di mana pelepasan gas *methane* ini banyak kilang-kilang sawit di kawasan-kawasan FELDA, kawasan-kawasan perladangan, sudah pastilah ia boleh diguna pakai sebagai tenaga boleh diperbaharui. Apakah langkah penyediaan infrastruktur oleh pihak TNB sendiri bagi menyediakan infrastruktur pada kawasan-kawasan yang dimaksudkan? Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih sekali lagi Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim atas pertanyaan yang begitu mencerminkan pengetahuan yang banyak mengenai dengan perihal tenaga.

Dari segi soalan pertama, saya telah sentuh kan tadi bahawa program yang julung kali dimulakan pada tahun ini dan seterusnya pada tahun hadapan ialah *MySuria* yang akan melibatkan saya katakan tadi 1,620 peserta bagi semua anggota-anggota keluarga di bawah B40. Ini sudah dalam proses pelaksanaan, mengikut 11 negeri yang telah dipilih. Setelah ini dilaksanakan, saya rasa pihak kerajaan boleh meneliti seperti mana yang disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim, untuk melihat kepada kawasan perkampungan FELDA dan kampung-kampung lain khususnya mereka yang tidak terlibat di bawah B40. Boleh dipertingkatkan di garis-garis bantuan.

Lagipun 1,620 peserta itu adalah baru fasa pertama dan jika diperluaskan kepada tempat-tempat yang lain apabila dibuktikan ini berjaya, saya yakin pihak kerajaan dengan kementerian boleh meneliti untuk memperluaskan program ini kepada kawasan-kawasan perkampungan, bukan sahaja untuk kawasan FELDA tetapi di Sabah dan Sarawak. Seperti saya katakan tadi, hasil daripada penjanaan ini, setiap keluarga dijangka boleh memperoleh RM250 sebulan.

Bagi kami ini adalah satu *exciting project* yang memastikan supaya penjanaan elektrik tenaga melalui tenaga boleh diperbaharui, bukan sahaja untuk syarikat-syarikat tetapi untuk orang-orang kampung, mudah-mudahan.

Kedua, mengenai dengan perihal TNB. Adakah bersedia untuk membina, menaik tarafkan infrastruktur tenaga untuk membolehkan supaya lebih luas pihak swasta ataupun umum untuk terlibat dalam penjanaan tenaga boleh diperbaharui, mahupun melalui kilang-kilang kelapa sawit, melalui biogas, bio jisim ataupun dalam bentuk-bentuk lain. Betul seperti mana Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim katakan tadi, antara yang kita beri perhatian pada saat ini, adalah pengeksplorasi gas yang dikeluarkan daripada kilang-kilang sawit mesin khususnya dan *methane* ini 40 kali lebih *polluting*, mencemar daripada CO<sub>2</sub>, daripada karbon dioksida. Jadi dalam sokongan yang diberi oleh SEDA pun, kami telah putuskan supaya prioriti adalah untuk memastikan penggunaan biogas itu diperluaskan.

Masalahnya seperti Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim katakan, banyak kilang-kilang ini jauh daripada *injection point*, jauh daripada *point* untuk menghantarkan tenaga tersebut yang dijana kepada TNB, SESB dan SESCO di Sarawak. Ini telah menjadi perhatian kita, bagaimana mencari jalan untuk membantu dari segi *facilitation* sebab pada saat ini, semua ini ditanggung sendiri oleh pihak penjana. Jadi, kalau dia jauh daripada *injection point*, daripada *nearest*, katakanlah *substation*, dia tanggung sendiri. Ini boleh mencapai puluhan *million* dan

inilah banyak dia orang ini sekadar menjana tenaga untuk kegunaan sendiri *off-grid* kerana begitu mahal untuk membina sambungan. Jadi, kami sedang dalam proses perbincangan ini, bagaimana kerajaan ataupun pihak TNB dan kementerian dan kerajaan keseluruhan membantu barangkali melalui *facilitation* supaya lebih banyak yang boleh dijana khususnya daripada kilang-kilang kelapa sawit yang sememangnya mencemar dia punya efluen dari segi gas.

Apatah lagi untuk makluman pihak Dewan yang mulia ini, pihak Kementerian Perladangan, MPOB telah mewajibkan supaya bagi kilang-kilang baru, mereka mesti memproses efluen termasuk *biomass* dan biogas dalam apa jua bentuk tenaga ataupun dalam bentuk lain supaya daripada konsep kita katakan *waste to wealth* dapat dicapai. So, terima kasih atas soalan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** [Bangun]

**Datuk Ng Chiang Chin:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila. Bagi ini.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya bagi peluang wanitalah, wanita.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Maaf, wanita [Ketawa]

**Seorang Ahli:** Belakang.

**Laksamana Tan Sri Dato' Setia Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B):** Belakang?

Oh! Orang belakang.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, bagaimakah kita memanfaatkan pengguna dari segi dasar, insentif, tarikh cukai import, duti eksais terutama produk-produk teknologi hijau seperti kereta elektrik atau alatan kelengkapan rumah yang menggunakan teknologi solar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Shahanim atas soalan tersebut. Pada saat ini ada peruntukan-peruntukan yang ditentukan oleh Kementerian Kewangan untuk insentif-insentif produk-produk yang bertaraf hijau dan digunakan khas untuk penjanaan tenaga. Walau bagaimanapun, dalam perkara ini dalam senarai-senarai tersebut belum lagi begitu sempurna dan pihak kami sedang kemas kini dengan pihak Kementerian Kewangan.

Dari segi penggunaan teknologi-teknologi elektrik yang bertaraf *energy efficient* yang kami dikatakan *energy efficient*, sebenarnya pada masa-masa lampau, pihak kementerian bersama dengan Suruhanjaya Tenaga telah pun membuat skim-skim di mana penggunaan alat-alat elektrik yang efisien ataupun penggunaan tenaga dia kurang, mahupun dia itu adalah

peti ais, *aircond* dan seterusnya. Pernah kita beri khususnya beberapa diskaun dari segi harga dengan kupon-kupon.

Saat ini pihak kementerian bersama dengan Suruhanjaya Tenaga sentiasa memantau untuk mempromosikan produk-produk yang *energy efficient* dan berbentuk hijau. Jika Yang Berhormat minat barangkali senarai-senarai itu boleh saya bekalkan nanti. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat kita.

**Datuk Ng Chiang Chin:** Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Ng Chiang Chin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rasanya saya hendak sambung sedikit daripada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim punya *statement*.

#### ■1050

Saya hendak tahu sama ada kementerian boleh membantu pekebun-pekebun yang sedang mengusahakan tanaman pokok buah-buahan. Dalam tanaman buah-buahan itu, sekarang ada macam-macam musuh. Ada tupai, ada monyet, ada yang sodok dan ada yang lompat. Adakah kementerian boleh tololng pasangkan atau beri subsidi atau sebarang pertolongan kepada pengusaha ini dari segi pagar atau *fencing electrical* memakaikan solar atau lampu dipasang dalam kebun supaya solar itu boleh tololng kurangkan kos menghalaukan atau menghalangkan serangan binatang-binatang liar ini? Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin atas soalan tersebut. Ini begitu spesifik sekali tetapi memang realitinya yang biasa dihadapi oleh pihak petani. Saya pun ada ladang sedikit, Tuan Yang di-Pertua, dan banyak penyerang-penyerang seperti ada tupai dan ada juga yang berjalan dua kakilah, *you know*, iaitu orang yang datang menyerang juga.

Dari segi memasang pagar dengan penggunaan teknologi boleh diperbaharui seperti solar dan sebagainya, teknologi-teknologi ini sebenarnya memang *available*, dengan izin, walaupun secara kecil-kecilan untuk tujuan lampu ataupun secara *integrated*. Akan tetapi, pihak kementerian tidak terlibat dari segi pembekalan tetapi dari segi pengamalan teknologi dan pengedaran, pihak kementerian terlibat. Dari segi dana itu, barangkali perlu kita bincang dengan Kementerian Pertanian ataupun pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Akan tetapi, memang teknologi ini ada dan pihak kita boleh menghubungi pihak Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin untuk membuat teknologi yang digunakan di China dan seterusnya yang menggunakan tenaga boleh diperbaharui ini. Akan tetapi, dengan bayaran koslah. Barangkali kita boleh telitian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili atas jawapan yang padat dan senang tadi.

3. **Tuan Haji Muhamad bin Mustafa** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) sejauh manakah keprihatinan kerajaan terhadap hak para pekerja Muslim terutamanya golongan wanita yang bekerja di bawah majikan bukan Islam dan sebaliknya; dan
- (b) adakah undang-undang yang sedia ada sudah cukup untuk menjaga hak beragama yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa, terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua, Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (C111) ataupun di bawah tajuk *Discrimination (Employment and Occupation) Convention 1958* (No. 111) dan juga Dasar Buruh Negara tidak mengizinkan mana-mana pekerja didiskriminasikan atas alasan apa-apa sekalipun sama ada agama, keturunan, warna kulit, bahasa dan lain-lain latar belakang.

Selaras dengan gagasan 1Malaysia, kerajaan dan Kementerian Sumber Manusia dalam konteks perburuhan akan memastikan majikan juga menggunakan pendekatan dan konsep 1Malaysia dalam konteks pengambilan pekerja dan kenaikan pangkat walaupun ia tertakluk kepada banyak faktor seperti kelulusan, pengalaman, prestasi, kemahiran dan kepakaran bagi satu-satu jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada peruntukan khas dalam undang-undang buruh mengenai hak pekerja Muslim atau Islam terutama wanita yang bekerja di bawah majikan bukan Islam atau sebaliknya. Namun demikian, pihak majikan mestilah menjaga sensitiviti agama para pekerja mereka selaras dengan peruntukan di bawah Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan mengenai kesamarataan, begitu juga kalau kita kaitkan dengan Perkara 11 mengenai kebebasan beragama dan Perkara 3 mengenai agama bagi Persekutuan iaitu agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kebijaksanaan Kerajaan Barisan Nasional yang lebih mementingkan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat, nilai perpaduan kaum dan saling hormat-menghormati ditanamkan dan dipupuk di seluruh warga Malaysia. Mewujudkan Jabatan Perbadanan umpamanya dan lain-lain agensi adalah ke arah matlamat yang dituju iaitu keselamatan kesejahteraan negara. Pihak kementerian akan memastikan para majikan mematuhi undang-undang perburuhan dan peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan melalui undang-undang tersebut. Kementerian Sumber Manusia sentiasa memantau syarikat-syarikat swasta supaya tidak melakukan diskriminasi pekerja dalam apa bentuk sekalipun terutama menjurus kepada keadaan perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, tindakan juga diambil menerusi penguatkuasaan di bawah Akta Kerja 1955. Pekerja-pekerja yang terlibat boleh memfailkan tuntutan di Mahkamah Buruh dan majikan telah diberi notis pematuhan serta tindakan pendakwaan telah diambil bagi pelanggaran di bawah peruntukan Akta 265.

Di samping itu, kementerian ini juga melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan (JPP) telah mengendalikan kes-kes pertikaian perusahaan di bawah seksyen 18, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177] yang berkaitan isu pertikaian perusahaan yang melibatkan isu pekerjaan, bukan pekerjaan, terma-terma pekerjaan dan suasana pekerjaan. Aduan tersebut boleh dibuat oleh majikan atau kesatuan sekerja majikan atau kesatuan sekerja pekerja. Sekiranya tiada penyelesaian dapat dicapai melalui proses runding damai di peringkat jabatan, kes ini akan dilaporkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk suatu keputusan sama ada kes tersebut boleh dirujuk atau tidak ke Mahkamah Perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga mengambil inisiatif untuk memberi perlindungan terhadap pekerja wanita mengandung agar tidak mendiskriminasikan melalui pindaan Akta Kerja 1955 [Akta 265] seperti meminda takrif waktu bersalin daripada 28 minggu kepada 20 minggu.

Sekiranya pekerja tidak berpuas hati terhadap penamatkan kerja tanpa sebab dan alasan yang munasabah, boleh memfailkan representasi pemulihan kerja ke jawatan asal dalam tempoh 60 hari di bawah seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177]. Sekiranya tiada penyelesaian diperoleh semasa proses rundingan damai, maka kes dimaklumkan kepada Menteri Sumber Manusia untuk menentukan sama ada kes tersebut berkenaan wajar atau tidak wajar dirujuk ke Mahkamah Perusahaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih pada jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya berkenaan dengan pekerja-pekerja Muslim yang bekerja di tempat-tempat yang dilarang oleh Islam. Apakah ada suatu langkah kerajaan untuk mengatasi masalah ini demi kesejahteraan rakyat dunia dan akhirat sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini?

Kedua, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap pekerja-pekerja wanita yang bertudung yang dilarang bertugas di bahagian hadapan hotel di Kuala Lumpur baru-baru ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Sebenarnya, pemilihan kerja ini adalah terserah pada individu. Sebab itulah, bagi orang Islam, pemahaman yang mendalam tentang agama mesti diberikan. Sebab itulah kita menggalakkan, menghendaki supaya anak-anak kita diberikan didikan Islam yang jelas dan yang faham sebahagiannya. Sebab itulah, mereka tahu halal haram dan sebagainya. Jadi, ini lebih banyak, Tuan Yang di-Pertua, pergi kepada mungkin JAKIM dan sebagainya. Saya tidak menghuraikan perkara ini dengan lebih luas dalam konteks agama kerana kita boleh memikirkannya.

Di negara kita jelas, Islam sebagai Agama Persekutuan. Keutamaan diberikan. Sebab itulah atas kesedaran kerajaan kita atas keprihatinan kerajaan, setakat ini, *alhamdulillah*, negara kita berada dalam suasana yang cukup harmoni kerana adanya seksyen 8, seksyen 11 dan juga seksyen 3 dalam Perlembagaan di mana kita saling hormat-menghormati dalam

mengamalkan agama. Walaupun agama Islam sebagai Agama Persekutuan tetapi agama lain bebas untuk diamalkan di negara kita ini.

■1100

Jadi, ibu bapa bertanggungjawab bukan sahaja kepada pekerjaan-pekerjaan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tetapi pekerjaan-pekerjaan yang lain yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada mereka. Ada banyak pekerjaan-pekerjaan yang boleh mendatangkan kemudaratan, sebab itulah kita menggalakkan supaya anak-anak ini diberikan pendidikan duniawi dan ukhrawi dan juga diberikan pendidikan kemahiran supaya mereka mendapat memilih pekerjaan yang sesuai dan boleh mendatangkan faedah kepada mereka bukan sahaja dari segi fizikal, bahkan juga dari segi spiritual, duniawi dan ukhrawi.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tudung tadi. Sebenarnya dalam- kita tidak ada akta khusus tentang masalah bertudung ini tetapi kita tidak ada. Setakat ini tidak ada kes yang dilaporkan kepada kita laporan bahawa hotel-hotel dan sebagainya, syarikat-syarikat lain melarang orang Islam bertudung.

Cuma yang baru-baru ini sebenarnya ia ada standard operasi dia. Sebenarnya sesetengah hotel dia mengehendaki supaya pekerja-pekerja dia memakai uniform, sebab itulah sekarang kita ada rekod kita dan kita telah mengambil tindakan di negara kita dalam rekod kita ada lebih kurang kalau pergi *website* Tuan Yang di-Pertua, kita ada 11,583 hotel semua sekali dan hotel yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia sehingga 12 September ialah 2,321 hotel.

Kita telah membuat tinjauan ke hotel-hotel ini dan sebenarnya tidak ada dilaporkan larangan ini, cuma mungkin salah faham dan sebagainya. Cuma kita sudah bersetuju supaya dasar tidak melarang umat Islam memakai tudung ini diteruskan dan kita harap majikan-majikan termasuk hotel mesti memahami dan menjaga sensitiviti agama kita terutamanya yang berdasarkan Perlembagaan, Perkara 8, Perkara 11 dan juga Perkara 3, Agama Islam sebagai Agama Persekutuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tengok jawapan kepada soalan asal tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyentuh sedikit berkenaan dengan Konvensyen 111, iaitu *Convention on Discrimination (Employment and Occupation) ILO Convention* dan juga bahawa buat masa sekarang tidak ada undang-undang khususnya berkenaan dengan diskriminasi. Semasa menjawab soalan tambahan, Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri juga telah menyentuh Artikel 8.

Berdasarkan kepada jawapan, ini soalan tambahan saya ialah kalau kita tengok bahawa baru-baru ini ada pengumuman daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ada cadangan untuk memperkenalkan satu *Gender Equality Act* tetapi soalan saya lebih luas. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyentuh pasal diskriminasi dari semua aspek, dari segi agama, bahasa, bangsa, gender dan sebagainya. So, soalan saya sama ada Kementerian Sumber Manusia dengan lain-lain kementerian bercadang untuk memperkenalkan satu akta seperti di UK, *Equality Act*. Kalau kita tengok konvensyen

111 itu, berlarutan dari konvensyen itu UK telah mengintroduce *Equality Act* yang melarang segala bentuk diskriminasi, sama ada kita ada cadangan macam itu atau tidak.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Mohan di atas keprihatinan tentang isu ini. Seperti yang saya sebutkan tadi bahawa kita bersyukur kerana diskriminasi di negara kita tidaklah menjelaskan perpaduan dan keselamatan negara. Ini adalah hasil daripada pemupukan dan kesedaran di kalangan kaum yang melibatkan berbagai-bagai kaum tidak kiralah Melayu, Cina, India, bumiputera Sabah dan Sarawak, Orang Asli dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, selepas isu bertudung agak tersebar dalam akhbar Berita Harian dan sebagainya, sebenarnya kita telah mengadakan perjumpaan antara beberapa kementerian untuk melihat apakah pendekatan yang terbaik yang boleh kita cari dari segi *equality* yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Setakat ini dalam konteks bertudung tadi, kita masih dan kita bersetuju bahawa kebenaran mesti diberikan kepada orang-orang Islam untuk bekerja di *frontliner* ini dan memakai tudung.

Bahkan untuk makluman juga, kita telah membuat waktu terdekat sehingga 30 November, kita telah membuat sebanyak 2,940 pemeriksaan berkanun dijalankan oleh jabatan di sektor perhotelan. Pemeriksaan ini melibatkan pekerja tempatan dan pekerja asing seramai 32,736 orang. Daripada jumlah ini seramai 16,628 orang pekerja tempatan lelaki; 12,484 pekerja tempatan perempuan; 3,285 pekerja asing lelaki; dan '2,800' pekerja asing perempuan, terlibat dengan pemeriksaan tersebut.

Di samping itu pada 21 November, KSM telah membuat lawatan ke enam buah hotel di sekitar Putrajaya iaitu Hotel Pullman Putrajaya, Hotel Dorsett Putrajaya, Hotel Shangri-La, Hotel Everly, Hotel Marriott dan Hotel Le Méridien- hasil daripada, secara umumnya kesemua hotel yang telah dilawati tidak mempunyai polisi yang jelas melarang pekerja bertudung di tempat bekerja. Bagaimanapun terdapat hotel yang meletakkan supaya pekerja mereka bertugas di *front liner* untuk memakai pakaian seragam hotel.

Maknanya tidak ada larangan sebenarnya. Jadi cadangan Yang Berhormat agak baik, mungkin kita lihat mana yang baik untuk negara, mana yang baik untuk pekerja, untuk rakyat yang tidak menimbulkan masalah terutama dari segi perkauman dan unsur-unsur sensitif ini, saya ingat kita boleh bincangkan selanjutnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia memberi jawapan yang jelas dan terang. Terima kasih Yang Berhormat ya.

Saya hendak beralih kepada soalan nombor 4 iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan Harun, dipersilakan.

4. **Dato' Sri Khairudin Samad [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah program rehabilitasi dadah semasa. Adakah kerajaan bersedia untuk memberi latihan-latihan baru seperti kelas perniagaan, *coding* dan kemahiran komputer.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Masir Kujat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mempunyai pelbagai pendekatan bagi memberi rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah seperti pendekatan psikososial dan juga psiko spiritual. Pendekatan *evidence-based* dalam program rawatan dan pemulihan dadah juga diperkenalkan bagi memastikan program tersebut dilaksanakan berasaskan bukti ataupun dalam bahasa Inggeris, *evidence-based treatment and rehabilitation* agar dapat mengelakkan penagih dadah kembali menagih selepas keluar dari pusat pemulihan.

AADK juga mempunyai keyakinan terhadap program keagamaan dan kerohanian dalam rawatan dan pemulihan dadah. Oleh itu AADK telah memperkenalkan dan memperluaskan modul *Islamic Spiritual Rehabilitation Approach* ataupun nama singkatannya ISRA dengan pemantauan rapi secara empirikal dan juga pengujian klinikal.

Klien-klien AADK yang menjalani program pemulihan dalam institusi *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC), dan Klinik *Cure & Care 1Malaysia* turut mengikuti program kemahiran vokasional yang menerapkan elemen pengetahuan, kemahiran dan sikap. Selain itu, AADK juga menujuhkan *Cure & Care Vocational Centre* (CCVC) di Sepang yang menawarkan kursus-kursus kemahiran sepanjang selama enam bulan di bawah pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia atau SKM bagi membantu klien-klien menceburi bidang pekerjaan berkemahiran dan juga mengekalkan kebolehan.

Pada tahun 2016 CCVC di Sepang telah berjaya melatih seramai 252 orang klien dalam tujuh bidang iaitu elektrik, jahitan, kimpalan, landskap, pastri, binaan dan juga automatif. AADK juga turut mengadakan kerjasama dengan *Malaysian Digital Economy Corporation* (MDEC), Kementerian Komunikasi dan Multimedia dengan memberi kursus keusahawanan digital. Manakala kursus dalam bidang pengkomputeran akan dilaksanakan kepada klien-klien yang menjalani rawatan dan pemulihan pada masa akan datang. Terima kasih.

#### ■1110

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu, apakah modul-modul ISRA yang dikendalikan oleh AADK? Terima kasih.

**Dato' Masir Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya sempat menyebut tentang Program ISRA yang melibatkan pendekatan agama dan juga *psychosocial*. Sudah pasti modul ini agak berkesan untuk memulihkan klien-klien yang telah menagih dadah.

Jadi di dalam modul ISRA, kita mempunyai tiga modul ataupun tiga peringkat. Pertama, orientasi yang melibatkan modul induksi, penilaian dan juga pengenalan kepada Program ISRA. Manakala yang kedua iaitu modul *psychospiritual*, ini melibatkan teras agama seperti kerohanian, Islam dan sebagainya. Manakala modul yang terakhir iaitu modul ketiga ialah *psychosocial*. Modul ini melibatkan program seperti bimbingan, kaunseling, pendidikan, kesihatan, disiplin, latihan berkawad dan juga vokasional selain daripada integrasi sosial dan lain-lain yang difikirkan sesuai untuk AADK. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih,Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya pernah melawat pusat AADK di beberapa tempat dan saya ucapan tahniah di Sepang kerana cukup berjaya dalam memperoleh anak-anak penyakit dadah ini keluar dengan mendapat kemahiran. Cumanya bila saya berjumpa dengan mereka, mereka ini tidak mahu keluar Yang Berhormat Menteri. Mereka lebih suka duduk di dalam pusat latihan, jadi susahlah kita. Hal ini kerana mereka mengatakan kalau mereka keluar, mereka akan jadi *relapse* balik.

Cuma saya hendak mengatakan kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kementerian *realize* atau menyedari bahawa seluruh Malaysia hanya ada enam orang pakar sahaja di bahagian *psychiatrists* dan penagihan ini? Dengan angka penagih dadah yang begitu banyak, apakah cukup dengan enam orang sahaja pakar ini? Satu yang ditempatkan di Klang, Kajang, Kuala Pilah. Dua orang yang sedang mengajar di UKM dan Universiti Malaya dan seorang lagi di *private*. Ada enam orang sahaja.

Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kementerian akan membanyakkan lagi kerana angka penagihan ini semakin meningkat, *psychiatrists* semakin berkurangan. Jadi, apakah kerajaan akan menghantar lebih banyak lagi pelajar-pelajar kita yang berminat dalam bidang ini supaya ke luar negara dan belajar dari segi penagihan ini dan dapat dibawa pulang untuk mengawal ataupun membimbing anak-anak ini?

Terima kasih. Satu lagi, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. Pada 24 November lepas, 20- saya tidak ingat tahun berapa. Kementerian Sains dan Inovasi ada menawarkan kepada AADK supaya AADK dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mengadakan kerjasama untuk buat *research* bahagian cara pemulihan berteknologi tinggi. Saya hendak bertanya kepada kementerian, adakah AADK telah pun mengambil inisiatif untuk bersama-sama dengan kementerian ini mengadakan kajian tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Masir Kujat:** Terima kasih, pakar PEMADAM ini. Jadi sudah pasti kalau kita lihat *psychiatrists* memang kita kekurangan, tetapi saya harap dengan bajet yang ada untuk tahun hadapan, AADK akan mengambil langkah yang positif untuk menambahkan bilangan *psychiatrists* yang kita perlukan untuk membantu AADK memulihkan masalah-masalah remaja yang terlibat dengan dadah.

Kedua, memang saya ambil maklum perkara ini Yang Berhormat kerana perkara ini pun kita bincang dengan AADK dan kita pun telah menghantar pegawai-pegawai kita semasa persidangan dadah di Vienna baru-baru ini untuk mencari ilmu macam mana kita hendak membimbing mereka untuk melatih dan juga menjaga klien supaya mereka dapat dipulihkan sepenuhnya. Terima kasih.

**Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada kementerian tentang Program *Methadone* yang kita buat di klinik-klinik kesihatan kepada penagih-penagih ini.

Sepanjang ia berjalan yang bermula pada tahun 2007, apakah kesan yang kita peroleh? Adakah penagih-penagih yang mengambil *methadone* ini telah dikurangkan kadarnya? Berapakah kos yang kita telah belanjakan daripada ia bermula sehingga

sekarang? Hal ini kerana saya hendak tahu sebab ada rungutan-rungutan juga diterima di kawasan-kawasan pedalaman, ramai yang mengambil *methadone* ini tetapi tidak hilang lagi ketagihan dia. Contohnya di Larut, ada banyak kes. Akan tetapi yang berjaya hanya seorang yang betul-betul hilang ketagihan tetapi yang lain itu masih lagi menggunakan *methadone*, tetapi masih mengambil dadah dalam masa yang sama. Jadi saya minta perincian daripada kementerian.

**Dato' Masir Kujat:** Yang Berhormat, saya tidak ada maklumat tentang detil statistik untuk mereka yang menggunakan rawatan *methadone*. Akan tetapi pada setakat ini, *methadone* itu memang satu jenis rawatan yang paling mujarab untuk penagih-penagih. Sudah pasti kita pun tidak boleh mengharapkan mereka akan pulih sepenuhnya apabila kembali ke masyarakat, mungkin mereka di bawah pengaruh kawan-kawan dan sebagainya dan akan *relapse*. Jadi kalau saya ada maklumat terperinci statistik, saya akan minta pegawai di belakang untuk memberikan maklumat kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat dan Yang Berhormat Dato' Masir Kujat, Timbalan Menteri Dalam Negeri, jawapan yang baik.

Saya mahu beralih pula kepada soalan nombor 5. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, dipersilakan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua,

*Kayu seraya, permata delima,  
Soalan saya, nombor lima.*

Terima kasih.

5. **Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, bilangan MARA Digital yang telah dibuka setakat ini dan nyatakan langkah kerajaan bagi terus meningkatkan lagi penyertaan usahawan bumiputera dalam penjualan gajet dan peralatan teknologi maklumat (IT).

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob]:**  
Terima kasih Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, MARA Digital telah ditubuhkan pada Disember 2015 dan sehingga kini terdapat empat MARA Digital iaitu MARA Digital, Menara MARA di Kuala Lumpur yang dibuka pada 8 Disember 2015. MARA Digital Anggerik Mall, Shah Alam yang dibuka pada 21 Julai 2016. MARA Digital Ipoh, Perak yang dibuka pada 12 Oktober 2017 dan juga MARA Digital Kuantan pada 26 Oktober 2017. Kerajaan memang mempunyai perancangan untuk menambahkan lagi penyertaan usahawan Bumiputera di dalam penjualan gajet dan peralatan teknologi maklumat ataupun IT ini.

Kita akan terus membuka lebih banyak MARA Digital supaya membuka lebih peluang kepada usahawan digital. Antaranya kita telah pun mengenal pasti empat MARA Digital baru yang akan kita buka iaitu di Melaka, di Johor, di Kelantan dan juga di Terengganu sendiri.

Sasaran kita untuk jangka pendek adalah setiap negeri akan mempunyai sekurang-kurangnya satu MARA Digital. Dari segi jangka panjangnya, kita akan memperluaskan sehingga ke peringkat daerah iaitu di arked-arked MARA dan sebagainya. Hal ini supaya Arked MARA kita akan ubah dari segi strategi perniagaan mereka bukan sahaja setakat tertumpu kepada apa yang mereka niaga hari ini iaitu pakaian, jualan-jualan herba dan sebagainya, tetapi juga kita akan ada pusat jualan untuk produk-produk IT dan sebagainya. Jadi dengan cara ini, kita akan memberikan lebih banyak peluang kepada usahawan-usahawan bumiputera untuk terlibat di dalam peralatan teknologi ataupun IT dan juga penjualan gajet. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang saya kira ini adalah idea yang dilahirkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri untuk mewujudkan perniagaan MARA Digital ini.

#### ■1120

Saya ucapkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada Menteri. Di samping kita dapat melahirkan usahawan-usahawan bumiputera dan juga dalam keadaan negara kita sekarang ini, anak-anak muda kita perlu kita isi dengan peluang-peluang perniagaan.

Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang melahirkan pengedar dan pemborong serta *champion* usahawan bumiputera bagi barang telekomunikasi dan ICT bagi memastikan bekalan yang berterusan dan mencukupi kepada usahawan di MARA Digital ini? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat yang kita tidak boleh terhad kepada *retail* sahaja iaitu jualan gajet IT, produk-produk IT dan sebagainya. Seperti kita tahu, apabila kita buka MARA Digital ialah kerana melihat kepada ruang untuk usahawan bumiputera yang terlibat dalam IT, dalam bidang gajet dan IT terlalu kurang sekali. Sedangkan penggunaanya- ini Menteri Komunikasi dan Multimedia lebih tahu iaitu terlalu ramai yang menggunakan produk-produk ataupun gajet IT ini di negara kita terdiri daripada bumiputera. Sedangkan kita hanya merupakan pengguna semata-mata. Oleh sebab itu, kita membuka ruang untuk *retail* daripada segi jualan.

Akan tetapi, itu tidak mencukupi. Bagi kita di MARA, di KKLW, kita tidak mahu usahawan bumiputera terlibat dalam peringkat *retail* sahaja tetapi perluaskan kepada pemborongan, pengedar dan sebagainya.

Untuk setakat hari ini, melalui MARA Digital, kita lahirkan *supplier* ini ataupun pengedar ini di setiap MARA Digital. Sebagai contoh, *anchor tenant* di setiap MARA Digital yang kita wujudkan hari ini terlibat sebagai pengedar. Daripada segi jangka panjangnya, kita bercadang untuk mewujudkan satu pemborong yang mungkin *direct* daripada *source*, boleh dapatkan daripada *sourceny*a. Akan tetapi untuk menjadi pemborong, *volumenya* kena besar. Produk yang hendak dibeli itu mesti mempunyai *volume* yang besar, baru boleh mereka dilantik sebagai pemborong utama. Jadi, sebab itulah saya sudah sebutkan tadi bahawa kita hendak

perbanyakkan MARA Digital ini di setiap daerah, di setiap negeri. Jadi, dengan besarnya *volume* ini, tentu sahaja akhirnya kita akan dapat melahirkan pemborong dan juga pengedar.

Daripada segi kita di MARA, melalui institut-institut kita di bawah IPMa ini, Institut Pendidikan Mara ini, kita juga memperkenalkan subjek-subjek yang berkaitan dengan digital ini iaitu di UniKL, Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Kolej Universiti Kemahiran MARA (IKM), termasuk GiatMARA. Antara kursus yang kita perkenalkan ialah *Bachelor of Multimedia Technology in Computer Animation, Bachelor of Information Technology in Software Engineering, Bachelor of Information Technology in Computer System Security, Bachelor of Technology in Computer Networking*. Semuanya ijazah sarjana muda.

Di Kolej Kemahiran Tinggi MARA, kita ada Diploma Reka Bentuk Media Digital, Diploma Filem dan Animasi Digital, Sijil Teknologi Kejuruteraan Komputer dan di GiatMARA, ada kursus membaiki telefon dan gajet lain. Maknanya, kita hendak pastikan bahawa keseluruhan rantai nilai di bawah teknologi maklumat dan gajet ini dapat kita kuasai sepenuhnya akan datang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada? Sila.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdapat aduan ataupun maklum balas mengatakan gajet dan alatan ICT yang dijual di kedai-kedai ini lebih mahal daripada produk ICT di pasaran. Jadi, saya ingin bertanya, bagaimana Yang Berhormat Menteri dapat atasi masalah ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Yang Berhormat. Harga adalah kompetitif. Ada yang mahal, ada yang murah dan sebagainya. Akan tetapi yang lebih diberikan penekanan di MARA Digital adalah ketulenan. Mungkin kita boleh dapat harga murah, kita beli di tepi-tepi kedai-kedai kecil ataupun di sesetengah kompleks jual IT tetapi akhirnya kena tipu, akhirnya kena paksa beli. Jadi, kita menawarkan produk yang original. Itu yang lebih penting.

Sebagai contoh, kita mempunyai jawatankuasa pemantau untuk MARA Digital ini yang ahlinya terdiri daripada wakil KPDKKK, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, yang mana kementerian ini menjaga ketulenan produk-produk ini.

Jadi, apabila kita ke MARA Digital, mungkin kita bayar lebih RM10 daripada tempat lain tetapi yang pasti, kita dapat produk yang tulen. Kita mungkin beli RM10 lebih murah di tempat lain tetapi akhirnya pakai dua bulan, atau tiga bulan, tidak boleh pakai kerana produk yang tidak original dan sebagainya. Jadi, fokus kita adalah ketulenan dan kita cuba memberikan harga yang berpatutan dan kompetitif berbanding dengan produk-produk daripada tempat-tempat lain. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri. Jawapannya yang kedua pada pagi ini. Saya tanya, "Yang Berhormat hendak jawab?". "Ya, sebabnya amanah", dia kata. Tanggungjawab dia dan dia jalankan dengan penuh kesetiaan... [Tepuk] Budi baik kamu dikenang. Terima kasih Yang Berhormat ya.

6. **Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta Perdana Menteri menyatakan, punca banjir besar di Pulau Pinang baru-baru ini serta nilai kerosakan harta dan kehilangan nyawa.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, jawapannya agak panjang. Kalau tidak ada soalan tambahan pun tidak apa sebab soalan nombor tujuh, Menteri juga sedang menunggu.

Berhubung dengan punca banjir ya. Jabatan Meteorologi Malaysia telah mengesan tekanan udara rendah pada 26 Oktober 2017 di Laut China Selatan. Kemudian ia telah bergerak dari Segenting Kra pada 1 November 2017 yang mana Jabatan Meteorologi Malaysia telah mengeluarkan amaran kuning. Tekanan udara rendah berkenaan diramalkan menuju ke Laut Andaman dan reda di sana.

Malangnya pada 4 November 2017, angin tersebut telah bertukar arah ke sempadan Kedah dan Pulau Pinang dan berada di sana selama 16 jam. Pada jam 6.10 petang, 4 November 2017, Jabatan Meteorologi Malaysia telah mengeluarkan amaran di tahap jingga. Pada jam 9.30 malam pula, amaran merah telah dikeluarkan. Keadaan ini diikuti dengan angin ribut dan hujan lebat secara berterusan yang mengakibatkan banjir besar berlaku di Pulau Pinang. Kemudian, angin tersebut telah bergerak ke utara negeri Perak pada 5 November 2017 pada waktu pagi, sebelum bergerak semula ke Laut China Selatan.

Fenomena ini sama seperti Ribut Greg yang berlaku di Sabah pada tahun 1996. Bacaan hujan di *sea station* Jabatan Meteorologi dan Jabatan Pengairan dan Saliran menunjukkan jumlah hujan yang tinggi bermula jam 2 petang pada 4 November 2017 hingga jam 5 petang pada 5 November 2017. Rekod penerimaan hujan mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Jumlah Penerimaan Hujan (mm)
Timur Laut	289
Barat Daya	237
Seberang Perai Utara	372
Seberang Perai Tengah	327
Seberang Perai Selatan	165

Sedangkan, purata hujan bulanan negeri Pulau Pinang adalah 150 milimeter sahaja sebulan. Manakala Jabatan Meteorologi telah merekodkan kekuatan angin dengan kelajuan 40 kilometer hingga 60 kilometer sejam melanda Pulau Pinang ketika itu. Jadi, tidak hairanlah kenapa bencana banjir berlaku.

Seterusnya, banjir diburukkan lagi dengan bacaan air pasang laut di Pulau Pinang yang kebetulan berlaku semasa fenomena bulan penuh iaitu setinggi 2.66 meter pada 4 November 2017. Manakala bacaan air pasang pada 5 November 2017 ialah 3.07 meter. Keadaan ini telah menyebabkan air sungai tidak dapat keluar dengan lancar ke laut kerana pertembungan dengan air pasang.

#### ▪ 1130

Dari segi natijah perbuatan manusia pula. Pembangunan yang terlalu rancak selepas tahun 2008 telah memusnahkan ekosistem dan ekologi di Pulau Pinang dan perairan di sekitarnya melalui pembangunan di cerun atau lereng bukit serta penambakan laut. Pembangunan yang rancak akan meningkatkan litupan tepu bina seterusnya mengurangkan

kawasan hijau yang berfungsi menyerap air permukaan secara semula jadi ketika berlakunya hujan lebat.

Pengurangan kawasan tадahan hujan kerana pembangunan juga mengurangkan keupayaan tanah untuk menyerap air. Ini menyebabkan air larian bertambah. Didapati infrastruktur seperti parit dan saliran juga tidak di naik taraf seiring dengan pembangunan dan tidak dapat menampung kapasiti yang makin meningkat. Infrastruktur parit dan saliran ini perlu di naik taraf dengan sewajarnya. Pembangunan cerun atau lereng bukit yang berleluasa juga menyebabkan aliran sedimen terus memasuki dan mengakibatkan saliran-saliran utama seperti parit dan sungai menjadi cetek.

Sistem perparitan bandar yang lama serta substandard tidak dapat menampung air larian yang banyak. Halangan-halangan seperti perpaipan utiliti yang melintang di tengah sungai telah menyekat sampah sarap yang terapung dan ini mengurangkan kapasiti sungai mengalirkan lebihan air hujan ke laut pada kadar yang cepat.

Masalah juga timbul apabila kurang atau tidak ada mitigasi di peringkat pembangunan yang menyebabkan air bersama selut turun ke bawah. Sekiranya projek diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui *Environmental Impact Assessment* (EIA) sepatutnya ada langkah-langkah untuk mengurangkan impak kegagalan cerun dan pencemaran air.

Tindakan ini perlu dilaksanakan oleh pemaju dan kontraktor dengan kawalan oleh perunding dan juga kerajaan negeri. Bagi banjir yang melanda Seberang Perai, ingin saya memaklumkan di sini bahawa kawasan tersebut asalnya merupakan tanah pertanian iaitu kawasan tanaman padi. Kebanyakan infrastruktur yang dibina ketika itu mengambil kira untuk menampung sistem saliran pertanian.

Kini tebus guna dan perubahan guna tanah kepada perindustrian dan perumahan telah menukar corak kegunaan saliran. Saluran keluar utama kawasan Seberang Perai ialah Sungai Perai. Antara tадahan Sungai Perai merangkumi Sungai Kulim dari Kedah. Sekiranya hujan lebat di Kedah maka Sungai Perai perlu menampung aliran yang lebih dan akhirnya membanjiri Pulau Pinang.

Nilaian kerosakan. Setakat ini Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) masih belum menerima laporan nilaian kerosakan harta daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana peringkat negeri dan juga peringkat daerah. Kerugian kepada sektor perkilangan berdasarkan anggaran awal Pihak Persatuan Kilang-kilang Malaysia di Pulau Pinang menganggarkan sebanyak 1,000 buah syarikat yang majoritinya di kalangan perusahaan kecil dan sederhana mengalami kerugian sebanyak RM300 juta berikutan tenaga kerja yang terjejas, gangguan logistik dan kerosakan kepada harta benda.

Bagi membantu menyelesaikan masalah ini, kerajaan melalui *Small and Medium Enterprise Corporation* (SME Corp.) telah menawarkan Dana Kecemasan PKS yang menawarkan pembiayaan sehingga RM100,000 dalam bentuk *hybrid* untuk perkara-perkara seperti berikut:

- (i) geran yang melibatkan kos pengubahsuaian premis, kelengkapan elektrik, perabot, lantai, dinding, pintu dan pemberian mesin peralatan; dan
- (ii) modal kerja termasuk bahan mentah dan juga pembelian mesin dan peralatan.

Geran disediakan oleh SME Corp manakala pinjaman mudah disediakan oleh Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF). Kemudahan kewangan ini telah diambil maklum oleh Persatuan Kilang-kilang Malaysia Pulau Pinang.

Kerugian kepada sektor pertanian. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menganggarkan kerugian sebanyak RM21.27 juta untuk sektor pertanian di Pulau Pinang. Dari segi perincian, seramai 5,278 petani terlibat yang menguruskan 11,463.8 hektar tanaman padi, buah-buahan dan juga sayur-sayuran. Kerajaan terus memberi perhatian dengan meneruskan peruntukan sebanyak RM10 juta sebagai bantuan awal kepada petani, penternak dan peladang di Pulau Pinang yang terjejas. Sebagai penyelesaian jangka panjang, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan melaksanakan projek menaik taraf saluran air untuk tebatan banjir kawasan pertanian yang telah diluluskan untuk pelbagai kawasan Parlimen di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.

Kehilangan nyawa. Terdapat tujuh kes kematian yang dikaitkan dengan kejadian banjir telah dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Ada soalan?

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Soalan tambahan saya. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri yang begitu lengkap. Cuma soalan tambahan saya ialah jika kita lihat kepada antara faktor banjir berlaku antaranya adalah faktor cuaca ataupun angin yang berubah begitu cepat sekali sehingga membawa hujan yang begitu lebat dengan cepat ke Pulau Pinang.

Soalan saya ialah, apakah mekanisme pemberitahuan yang diguna pakai oleh pihak Jabatan Meteorologi yang lebih cepat, segera kepada pihak khususnya kerajaan negeri bagi memastikan kerajaan negeri bersedia dengan jentera-jentera yang sesuai, kakitangan yang sesuai untuk bertindak bagi menangani masalah ini. Saya kira mekanisme ataupun medium yang diguna pakai bagi pemberitahuan yang begitu segera ini hendaklah dikenal pasti bagi memastikan keberkesanannya.

Kedua, saya melihat kepada faktor fizikal ataupun faktor pembangunan di tempat tersebut terutamanya daripada sudut geografi. Saya mohon kerajaan ataupun bagaimana tindakan kerajaan apabila sebagai contoh antara punca banjir di satu kawasan adalah kuala sungai yang tertutup. Apakah tindakan proaktif kerajaan bagi mengelakkan banjir yang berpunca daripada kuala sungai yang tertutup ataupun kalau di Rantau Panjang masalahnya ialah limpahan air Sungai Golok apabila tiada benteng menambahkan lagi masalah banjir ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat masih ada masa. Okey yang pertama sekali ialah tentang mekanisme. Mekanisme ini semua sekali pengerusi, jawatankuasa pengurusan banjir, setiausaha kerajaan peringkat negeri dan juga pegawai daerah akan mendapat maklumat ini.

Apa yang telah Kerajaan Persekutuan uar-uarkan kepada semua pihak apabila berlaku amaran jingga kita kena bersiap siaga untuk pindah. Sesetengah kawasan, mereka pindah masa itu juga. Kita bagi tidak ada masalah. Pusat perpindahan akan dibuka. Kita akan bagi makan, minum dan sebagainya.

Apa yang menjadi masalah apabila orang pindah waktu banjir. Itu sebabnya kita terpaksa menggunakan pelbagai logistik untuk pindahkan orang. Amaran jingga itu sudah cukup untuk kita bersiap siaga membuat perpindahan. Kalau sekiranya mereka pindah, banjir tidak jadi, *no problem*. Kerajaan Pusat akan menanggung sepenuhnya semasa mereka berada di tempat perpindahan. Akan tetapi kalau kita pindah sebab amaran merah masa kita pindah, inilah masalah yang berlaku.

Mekanisme meteorologi. Meteorologi sendiri menggunakan model antarabangsa yang hebat. Akan tetapi apabila angin itu sepatutnya daripada Laut China Selatan bergerak ke Segenting Kera, sepatutnya pergi Andaman. Selepas itu dia *bye-bye* sebab dia akan lemah di sana. Akan tetapi tiba-tiba dia berpusing balik, dia datang. Perlis pun kena tempias sedikit tetapi angin yang bergerak di atas itu telah turun di selatan Kedah dan terus masuk Pulau Pinang pada 4 hari bulan.

Pada pukul 6.10 petang, amaran masih amaran jingga. Akan tetapi masa itu kita boleh membuat perpindahan. Akan tetapi apabila pukul 9.30 malam, inilah kehendak Allah SWT yang berlaku. Pukul 9.30 malam amaran merah. Maknanya sudah dan dia tunggu di situ pula. Selalunya angin selepas dia singgah di situ, dia akan bergerak ke tempat lain tetapi dia tunggu di Pulau Pinang 16 jam. *Wallahuaklam*.

Jadi model yang digunakan adalah model yang terbaik. Akan tetapi semua pihak mesti menerima hakikat kena pindah waktu amaran jingga. Jadi pukul 6.10 petang amaran jingga patut kita berpindah. Akan tetapi apabila kita berpindah selepas pukul 9 malam, jadi kami pun kelam kabut. Walau bagaimanapun, jentera kami sudah berada di sana. Menteri pun ada di sana. Jadi saya telah mengerahkan yang terbaik untuk memindahkan orang.

Keduanya ialah tentang mendapan di kuala sungai. Yang Berhormat kena sebut juga bahawa kenapa mendapan berlaku di kuala sungai. Ini kerana sumber air telah hilang. Hutan itu hilang. Akhirnya yang dibawa selut. Kita boleh korek di situ tetapi mendapan akan terus berlaku kecuali kita pulihkan semula hutan kita supaya apabila hujan turun ia memperlakukan pergerakan.

#### ■1140

Kereta yang turun bukit kalau kita hendak bagi *brake* kita tidak boleh biarkan dia turun laju dia akan timbulkan masalah, kita kena *brake*. Jadi *brake* untuk semula jadinya adalah pokok-pokok. Tanam hutan semula Yang Berhormat, negeri-negeri yang telah memusnahkan

hutan untuk pembangunan, pulihkan hutan semula boleh selesai benda ini. Kalau kita kata kita hendak korek memang boleh korek tetapi mendapan akan berjalan terus.

Tentang yang berlaku di Rantau Panjang, untuk pengetahuan Yang Berhormat di Thailand telah bina benteng dan banjir berlaku tetapi mereka tersilap membuat saluran cuma ada 19 saluran. Akhirnya banjir di sana masih menghadapi masalah kerana air yang hendak keluar lambat. Di sebelah kita banjir berlaku kerana tidak ada benteng, besar berlaku tetapi dengan izin Allah, air pun turun dengan lajunya dan sekarang kita dapati penurunan mangsa banjir di Kelantan. Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat telah umumkan pembinaan benteng banjir, tebatan banjir di Rantau Panjang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tentang masalah banjir di Pulau Pinang. Akan tetapi ada dua soalan yang saya hendak kemukakan di sini.

Pertama, Kerajaan Pusat telah memperuntukkan RM2.57 bilion untuk menangani masalah banjir di Pulau Pinang tetapi setakat ini hanya RM1 bilion sahaja yang diserahkan kepada kerajaan negeri. Kalau saya ikut apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri, dengan izin, *Penang needs new flood mitigation system*. Akan tetapi ini perlukan bantuan kewangan dan tidak boleh ditanggung hanya oleh kerajaan negeri. Maka bilakah Kerajaan Pusat akan meluluskan wang RM1 bilion lagi?

Kedua, soal banjir di Pulau Pinang bukan hanya masalah di Pulau Pinang tetapi kadangkala Kedah pun banjir dan air banjir pun tempias masuk ke dalam Pulau Pinang. Maka dalam masalah banjir ini saya fikir Kerajaan Pusat harus tengoklah masalah ini dari segi menyeluruh. Bukan sahaja dari segi Pulau Pinang tetapi masuk jugalah Kedah dan lain-lain negeri yang berhampiran dengan negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya bajet ini Yang Berhormat bukan untuk Pulau Pinang untuk seluruh negara, untuk Kelantan yang sekarang ini teruk dilanda banjir dan untuk Terengganu. Kita tahu kalau berdasarkan pergerakan ini akan ada pergerakan sedikit akan berlaku ke negeri-negeri lain termasuk pada 8 hari bulan ini kita jangka hujan ini berterusan dan akan bergerak ke Sarawak dan juga Sabah.

Yang Berhormat, ini adalah untuk keseluruhan. Itu sebab kita minta dahulu supaya Ahli-ahli Dewan Rakyat menyokong bajet ini supaya bajet ini... [Tepuk] Kita boleh tambahkan atau minta tambah dan sebagainya. Akan tetapi bila Yang Berhormat Pembangkang semua menolak bajet inilah masalahnya. Apabila duit yang ada ini kita minta hantar dekat Pulau Pinang sahaja itu pun salah. Kita kena bagi kepada semua negeri untuk tujuan bencana.

Kemudian yang keduanya tentang- yang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan bincang dengan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ini kerana sekali lagi saya sebut *flood mitigation* ini bukan penyelesaian masalah. Oleh sebab akhirnya sungai itu akan cetek lagi kerana pembangunan yang dibuat berleluasa tanpa mengambil kira kajian EIA, akhirnya kita akan hadapi masalah. Bukan sahaja di Pulau Pinang bahkan di seluruh negara.

Berhubung dengan air daripada Kedah yang datang melimpah, air daripada Kedah juga telah memberi sumber air kepada Pulau Pinang. Jadi sumber air daripada mana-mana itu kita patut bersyukurlah, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat cara orang Islam ini dia bersyukur. Macam Sungai Nil, Sudan, Sungai Nil, Mesir bukan air daripada mereka air daripada *central Africa*. Air daripada Kedah juga datang ke Perlis, syukur *alhamdulillah*.

Jadi kalau berlaku banjir di Perlis tidak ada masalah. Ini ialah- kita tidak boleh pula *pitahan* sumber air nanti air tidak ada langsung. Jadi tentang di mana air datang itu kita harus terima hakikat bahawa kita terimalah keadaannya, lagipun Pulau Pinang pun dahulu duduk bawah Kedah. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Shahidan.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Boleh tanya, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ringkas sahaja.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan jawapan Yang Berhormat Menteri, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim. Cuma dalam bajet baru ini pembangkang semua tolak kecuali PAS berkecuali. Dari satu segi pula dia minta bajet dengan kementerian. Boleh atau tidak kerajaan panggil Ketua Menteri Pulau Pinang dalam Parlimen itu hari tolak bajet, sekarang dia hendak. So, panggil dia biar dia minta bajet *direct* dengan kementerian. Oleh sebab hendak tahu lah hari itu dia tolak bajet dalam Parlimen, sekarang dia minta pula duit- '*pitih*'. Jadi panggil *direct* biar dia *declare*, "Okey sekarang saya *hendak bajet, hendak peruntukan dengan kementerian*". Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Jawapannya boleh, tidak ada masalah. Kita akan panggil Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang dan sebelum kita memulakan tajuknya kita akan tanyalah- lain kali jangan tolak bajet sebab sebahagian daripada bajet ini adalah untuk menguruskan rakyat. Rakyat harus diberi pembelaan. Apa yang Kerajaan Barisan Nasional buat Tuan Yang di-Pertua ialah untuk memberi kasih sayang kepada rakyat. Seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut semalam, Perdana Menteri sebut semalam bahawa rakyat mesti dijaga dengan kasih sayang. Itu sebab saya turun merata ceruk ini adalah tanda kasih sayang kerajaan kepada rakyat. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri iaitu Yang Berhormat Menteri yang paling sibuk waktu tengkujuh. Tidak tidur siang malam. Jadi tahniahlah atas usaha Yang Berhormat Menteri. Saya hendak beralih kepada soalan yang ketujuh. Silakan.

7. **Dato' Chai Kim Sen** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, kadar penebusan jalur lebar internet berkelajuan tinggi ataupun *high speed broadband* (HSBB) yang menggunakan gentian optik di negara mengikut negeri dan apakah usaha kementerian dalam mengurangkan harga HSBB supaya boleh dinikmati oleh rakyat terutamanya golongan B40.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang untuk menjawab. Saya pohon keizinan untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada

Yang Berhormat Senator YBM. Engku Naimah binti Engku Taib pada 11 Disember 2017 kerana menyentuh isu yang sama berkaitan perkhidmatan internet jalur lebar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dan rangka kerja kawal selia yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), kadar penembusan jalur lebar tetap berkelajuan tinggi ataupun *high speed broadband* (HSBB) isi rumah setakat suku pertama tahun 2017 bagi negara adalah 81.8 peratus. Perincian kadar penembusan jalur lebar isi rumah bagi setiap negeri akan saya serahkan selepas ini.

Kerajaan dengan kerjasama pemain industri sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif yang berasaskan pembangunan infrastruktur komunikasi bagi memastikan 95 peratus perluasan kawasan liputan jalur lebar berpenduduk dapat dicapai pada tahun 2020. Teknologi satelit telah pun digunakan dalam penyediaan perkhidmatan jalur lebar dengan menggunakan VSAT di kawasan-kawasan terpencil di pedalaman Sabah, Sarawak dan di Semenanjung Malaysia.

Berdasarkan kepada pengalaman tersebut, kementerian mendapati teknologi satelit bukanlah penyelesaian jangka masa panjang dalam meningkatkan perkhidmatan jalur lebar negara. Ini kerana perkhidmatan jalur lebar yang disediakan melalui teknologi satelit mempunyai beberapa kelemahan termasuk kemampuan berdasarkan kepada kapasiti yang terhad, kos operasi dan kos penyelenggaraan yang tinggi serta masalah kestabilan perkhidmatan sekiranya terdapat gangguan cuaca dan bekalan kuasa.

Dalam membangunkan perkhidmatan dan prasarana telekomunikasi negara, pihak kerajaan melalui SKMM sedang berusaha menyediakan perkhidmatan jalur lebar *terrestrial* seperti perkhidmatan 3G dan 4G yang lebih murah dan stabil berbanding satelit untuk kegunaan pelanggan pada masa-masa akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga kerajaan telah mengumumkan semasa Bajet 2017 bahawa kelajuan perkhidmatan jalur lebar akan digandakan dengan kadar harga yang sama. Ini bermakna harga perkhidmatan jalur lebar untuk setiap satu *megabytes per second* akan mengalami penurunan harga sebanyak 50 peratus. Rakyat juga dapat menikmati kelajuan jalur lebar yang lebih tinggi.

Di samping itu, untuk membolehkan rakyat terutamanya golongan B40 turut menikmati perkhidmatan jalur lebar, kementerian melalui SKMM memastikan bahawa syarikat-syarikat telekomunikasi menawarkan pakej-pakej asas pada harga yang rendah.

#### ■1150

Sebagai contohnya, pakej asas jalur lebar mudah alih yang bermula daripada RM20 sebulan manakala TM juga menawarkan pakej jalur lebar asas berkelajuan *satu megabit sesaat* pada harga RM38 sebulan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan.

**Dato' Chai Kim Sen:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut laporan terhadap kelajuan HSBB ini, kedudukan negara kita berada di belakang negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Vietnam. Manakala

harga *megabyte per second* (mbph) ini jauh lebih tinggi kalau berbanding negara-negara jiran ini. Soalan saya, apakah langkah yang sedang diambil untuk menambah baik kelajuan sambungan ini? Di samping itu, bagi membantu golongan B40, apakah langkah yang diambil untuk menggalakkan penduduk luar bandar supaya dapat menikmati kemudahan HSBB dengan lebih luas lagi? Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat itu adalah daripada kajian yang telah dilakukan oleh satu badan tetapi ada juga badan-badan yang lain mempunyai kajian yang berbeza kerana kajian ini adalah berdasarkan metodologi yang kita gunakan. Kalau kajian *International Telecommunication Union* (ITU) di Rantau Asia Pasifik, kita adalah nombor sembilan daripada 34. Di peringkat global pula, kita adalah nombor 63 daripada 193.

Saya memahami apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Itulah sebabnya kerajaan ingin memberi tumpuan untuk menentukan agarnya kita boleh menyelesaikan. Pertamanya, seperti yang saya katakan, pada tahun 2017 dalam belanjawan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahawa kita akan berusaha untuk menentukan, melaksanakan agar kita boleh menentukan kelajuan itu dilipat gandakan dengan harga yang sama.

Pada tahun 2019, pula kita ingin tentukan agar kita mempunyai kelajuan yang *double* dan harga separuh. Kita juga dalam perancangan iaitu Pelan Fiber Negara di mana kita ingin pastikan agar pelan ini dapat dilaksanakan. Jika ia dilakukan, *insya-Allah*, kita akan dapat menembusi antara lima hingga tujuh juta *household* agar kita menikmati kelajuan tinggi dalam *fixed line* dan sudah tentulah ia juga melibatkan kawasan-kawasan luar bandar. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

**Dato' Shahanim binti Mohamad Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya pada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah dapat MCMC meletakkan satu formulasi baru agar *telco* lebih bertanggungjawab dalam memberi rebat akibat kegagalan, gangguan operasi teknikal yang mana pelanggan yang terjejas mengalami kerugian dari segi perkhidmatan dan mungkin kerugian dalam menjalankan urus niaga berasaskan ekonomi digital? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita juga menerima laporan sedemikian. Sudah tentu lah sebagai *regulator*, MCMC mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu. Kita sentiasa melihat perkembangan *telcos* yang berada di negara kita ini dan mengadakan kerjasama yang baik bersama mereka untuk menentukan ia tidak berlaku. Kadangkala kita membayar, contohnya RM10, kita harus pastikan kita juga mendapat faedah yang bernilai RM10. Akan tetapi, kadangkala kita mendapat maklumat bahawa ia tidak berlaku. Bagaimanapun, kita perlu penyiasatan yang lanjut agar apa pun yang kita lakukan, ia memberi manfaat kesemuanya kepada rakyat kita di Malaysia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya makin lama makin mencabar tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia dan dapat mengatasi dengan paling baik dan tenang.

8. **Dato' Dr. Hou Kok Chung** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, bagaimanakah kerajaan mempelawa dan memilih syarikat induk untuk melaksanakan program Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0, termasuk syarat-syarat utama terpenting yang dikenakan kepada syarikat induk untuk dipilih menyertai KRIM 2.0

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Hou Kok Chung di atas soalan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan lima pertanyaan lain iaitu daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan pada 7 Disember, Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin, Yang Berhormat Dr. Zaiedi Haji Suhaili dan Yang Berhormat Dato' Chai Kim Sen pada 13 Disember dan Yang Berhormat Datuk Rabiyah binti Ali pada 14 Disember 2017. Ini kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang sama iaitu Kedai Rakyat 1Malaysia (KRIM) 2.0.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Silakan.

**Dato' Henry Sum Agong:** Tuan Yang di-Pertua, pembangunan semula inisiatif KRIM melalui KRIM 2.0 akan ditambah baik melalui pelaksanaan model perniagaan baharu yang berkonseptan kepada, pertama, kerjasama strategik antara kerajaan dengan pengeluar atau pengilang dan pengedar, dan kedua, operasi perniagaan kendalian pemilik- *owner operator*, dan yang ketiga, penjenamaan bersama- *co-branding*.

Konsep KRIM 2.0 yang lebih terbuka ini akan memberi peluang kepada lebih ramai pemilik perniagaan runcit termasuk koperasi-koperasi yang mampan dan mampu untuk mengendalikan perniagaan berkonseptan sebegini untuk menyertai rangkaian *outlet* KRIM 2.0. Ini berbeza dengan konsep moden perniagaan KRIM sebelum ini yang diuruskan di semua peringkat operasinya oleh sebuah pengendali tunggal. Pengendali utama operasi pengedaran dan pembekalan KRIM 2.0 serta *operator outlet* KRIM 2.0 yang akan dipilih nanti perlu berkeupayaan untuk melaksanakan operasi KRIM 2.0 dengan baik serta mematuhi aspirasi dan polisi kerajaan.

Buat permulaan, KRIM 2.0 ini akan ditumpukan kepada empat barang keperluan asas dengan harga rendah iaitu beras, gula, minyak masak dan tepung. Manakala bagi LPG atau gas memasak, kerajaan sedang memperhalus kaedah pelaksanaan yang sesuai. Selain itu, KRIM 2.0 juga akan menjual sekurang-kurangnya 50 SKU produk berjenama di *outlet* KRIM 2.0 pada harga yang kompetitif dengan menggunakan bungkusan yang sama bagi produk berkenaan di pasaran. Melalui cara ini, secara tidak langsung akan membuang persepsi negatif terhadap kualiti produk KRIM 2.0.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, semasa pembentangan

Belanjawan 2018 yang lalu, sekurang-kurangnya 3,000 buah KRIM 2.0 akan dibuka dalam masa tiga tahun dan sekurang-kurangnya 50 buah kedai KRIM 2.0 akan dibuka pada tahun 2018. Pelaksanaan KRIM2.0 secara mobil atau dengan menggunakan kenderaan bergerak akan diperhalusi semula setelah pelaksanaan KRIM 2.0 berjalan dengan lancar. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila.

**Dato' Dr. Hou Kok Chung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah dia atas keprihatinan dan usaha pihak kerajaan khususnya KPDKKK dalam memperkenalkan inisiatif-inisiatif yang dapat membantu rakyat meringankan beban kos sara hidup.

■1200

Soalan tambahan saya ialah apakah faktor-faktor nyata dalam modul perniagaan KR1M yang gagal melestarikan dan menjadikannya pilihan rakyat dan mengatasi faktor-faktor berkenaan, apakah lagi pemberian-pemberian yang akan diperkenalkan dalam modul perniagaan KR1M 2.0 kelak, dan apakah sebab-sebab kedai-kedai di bawah Program Transformasi Kedai Runcit tidak digembleng untuk menjual barang-barangan KR1M. Terima kasih.

**Dato' Henry Sum Agong:** Tuan Yang di-Pertua, kesangsian masyarakat terhadap kualiti produk-produk tertentu yang dijual di KR1M adalah faktor negatif yang dikaitkan dengan KR1M sebelum ini. Sebagaimana telah dinyatakan sebentar tadi bahawa perkara ini akan ditangani dengan menjual barang berkualiti tersebut dengan mengekalkan pembungkusan standard sedia ada produk sebagaimana jika ia dijual di kedai ataupun pasar raya lain. Sehubungan dengan itu, operasi KR1M 2.0 juga tidak akan diuruskan oleh sebuah syarikat pengendali sahaja seperti sebelum ini dan ini adalah termasuk setiap *outlet* KR1M 2.0.

Pemilik-pemilik kedai atau perniagaan runcit juga boleh menjadi operator *outlet* KR1M 2.0 melalui konsep penjenamaan bersama ataupun *co-branding*. Ini secara langsung membuka peluang perniagaan kepada ramai pengusaha kedai runcit di seluruh negara termasuk pekedai yang berdaya maju di bawah Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) sedia ada. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih, tidak ada soalan lagi. Jadi terima kasih kepada Dato' Henry Sum Agong iaitu Timbalan Menteri KPDKKK, terima kasih Yang Berhormat kerana menjawab dengan tepat dan bernes.

Saya jemput pula soalan nombor sembilan, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, dipersilakan.

9. **Dr. Zaiedi Haji Suhaili** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, bahawa apakah usaha yang telah dibuat oleh kementerian atau agensi-agensi Kerajaan untuk membangunkan industri tanaman nanas di Sarawak yang pada satu ketika dulu terkenal dengan pengeluaran nanas.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Nogeh anak Gumbek]:**

Selamat pagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili atas soalan mengenai pembangunan industri tanaman nanas di negeri Sarawak.

**[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) telah dan akan terus melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif dalam membangunkan tanaman nanas di Sarawak. Antaranya seperti berikut. Pertamanya, membuka tiga pejabat cawangan LPNM di Sarawak iaitu di Kuching, Samarahan dan Sibu; dengan pembukaan pejabat cawangan ini akan memudahkan petani nanas tempatan untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai LPNM.

Kedua, memperkenalkan dan menggalakkan petani di Sarawak untuk menanam nanas menggunakan kaedah dan sistem agronomi yang terkini agar dapat meningkatkan pengeluaran nanas. Sekiranya sebelum ini mereka menanam nanas secara tradisional dan untuk sara diri, keluarga serta menanam dengan kepadatan rendah iaitu kurang daripada 10,000 pokok satu hektar, kini petani digalakkan untuk menanam secara komersial dengan sistem agronomi yang sesuai seperti menanam dengan kepadatan 43,000 pokok per hektar dengan sistem agronomi yang betul seperti sistem tanaman, pengairan dan pembajaan, pengeluaran akan dapat dipertingkatkan dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan petani.

Ketiga, menggalakkan petani di Sarawak untuk mempelbagaikan sumber pendapatan dengan menceburi industri asas tani berasaskan nanas. Petani digalakkan bagi memproses nanas untuk dijadikan pelbagai produk seperti jus, kordial, jem nanas dan pelbagai lagi produk hiliran yang mendapat permintaan tinggi di pasaran. Pelbagai inisiatif telah disediakan oleh pihak kerajaan untuk membantu petani bagi melibatkan diri dalam bidang industri hiliran ini.

Keempat, menggalakkan petani di Sarawak untuk menanam tanaman nanas jenis MD2 berikutan nanas jenis ini mempunyai jangka hayat yang lebih panjang setelah dituai. Selain itu nanas MD2 juga dapat permintaan yang tinggi di pasaran eksport.

Kelima, menggalakkan petani di Sarawak untuk menanam nanas dalam skala yang besar untuk tujuan eksport, ini disebabkan pasaran eksport menjanjikan harga yang lebih baik kepada petani daripada kalau kita jual di pasaran tempatan.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, ada soalan tambahan?

**Dr. Zaiedi Haji Suhaili:** Ada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan kepada soalan saya tadi. Bagaimanapun saya hendak mengetahui lebih lanjut lagi apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh petani-petani dan juga agensi-agensi kerajaan yang hendak memasarkan buah-buah nanas ini supaya boleh dipasarkan di pasaran tempatan dan juga di pasaran luar negara.

Keduanya, saya difahamkan bahawa ramai petani berhasrat untuk mencebur diri dalam tanaman nanas ini tetapi adakah benih-benih buah nanas yang disebut tadi mencukupi? Suka juga saya hendak tahu berapakah keluasan tanaman yang ada pada masa ini di Sarawak. Saya ingin juga hendak mengetahui bahawa apakah bentuk kerjasama yang wujud di antara Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia dengan sebuah agensi penyelidikan di Sarawak iaitu CRAUN Sdn. Bhd. bagi pembangunan industri ini untuk menjadikan tanaman nanas itu menjadi satu tanaman yang popular bukan sahaja untuk negeri Sarawak tetapi juga untuk negara kita Malaysia ini.

Apakah Lembaga Perindustrian Nanas ini mempunyai satu perancangan untuk melibatkan sektor swasta secara besar-besaran untuk membuka kilang-kilang nanas dan seterusnya mengeluarkan produk-produk hasil daripada pengilangan ini untuk kita seperti kata tadi bukan sahaja untuk pasaran tempatan tetapi juga untuk pasaran antarabangsa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terdapat banyak soalan tambahan.

**Dato' Nogeh anak Gumbek:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat Senator dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi sebelum saya menjawab soalan tambahan, saya ingin mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kebajikan dan Sosial Aspirasi 1Malaysia ke Dewan Negara... [Tepuk] Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

Tadi ada beberapa soalan tambahan yang telah dikemukakan, saya menjawab yang paling cepat dulu iaitu keluasan hektar yang sudah ditanam di Sarawak. Setakat ini sudah mencapai 826.89 hektar, kurang lebih 800 lebih hektar ya. Kalau Yang Berhormat ingin tahu lebih *particulars*, we can have a coffee, I have Betong, Bintulu, Kapit, Kuching, tidak payahlah saya baca di sini ya.

Mengenai tadi benih-benih anak nanas ini ya. Kita dulu menghadapi cabaran kerana Jabatan Pertanian Negeri Sarawak tidak membenarkan kita membawa sulur nanas ke Sarawak, kita cuma dapat membawa dalam bentuk *tissue culture*, dengan izin. Akan tetapi selepas perundingan beberapa kali, sekarang kita dah mula membawa dan sudah pun ada membuat satu *shipment of the* sulur anak nanas jenis MD2 ke Sarawak. Jadi sudah ada nurserinya di sana dan kita harap dapat berkembanglah selepas ini.

Mengenai cabaran untuk memasarkan produk-produk ini, buah-buah nanas ini, FAMA ada *collection centre* di beberapa bandar dan mereka akan *collect* buah nanas itu untuk dijual di gerai tani ataupun di pasar tani FAMA di bandar-bandar di Sarawak.

## ■1210

Yang satu lagi tadi mengenai kerjasama dengan pihak swasta, CRAUN Sdn. Berhad. Yang sebenarnya bukan CRAUN Sdn. Bhd yang ada membuat tisu kultur itu di Buso, di Bau adalah kerjasama antara Jabatan Pertanian Negeri Sarawak dan juga kumpulan swasta yang mengeluarkan benih nanas MD2, tisu kultur tetapi buat masa ini *the quantity that they produce*, dengan izin, tidak mencukupilah. Kita kena bawa juga dari Semenanjung Malaysia.

Jadi, satu lagi soalan tadi mengenai penjualan nanas ini ke luar negara, saya ingin mengumumkan di sini, kepada *this August House* bahawa pada masa ini negeri China pun sudah menerima pengeksportan nanas kita ke negeri Chinalah. So dengan itu, maka pasarannya begitu luas tetapi kita menggalakkan petani-petani kita menanam nanas jenis MD2 ini kerana dia tahan lama selepas menuai, *it can last about three weeks so to speak*, dengan izin. Jadi kalau kita eksport ke negara luar, ia mestilah tahan lama sikit.

Yang terakhir tadi mengenai, saya rasa saya sudah menjawab semua soalan yang dikemukakan dan kalau Yang Berhormat ingin tahu lebih terperinci, bila-bila kita boleh berbincang dan saya mengalu-alukan *your assistant for us to really* membangunkan industri tanaman nanas di negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Walaupun masa dah terlalu panjang untuk soalan tapi kerana Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, menteri dia sudah hadir untuk menjawab.

**10. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, bilangan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang telah menerima kamera litar tertutup (CCTV) di bawah program bandar selamat dan nyatakan kesannya dalam membendung kegiatan jenayah di kawasan PBT.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, secara ringkas.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hari ini saya pakai warna *purple*, saya dengar ini warna kegemaran Tuan Yang di-Pertua.

Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mat Yasin kerana tahu betul pasal Parlimen Tenggara. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mat Yasin bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Dr. Zaiedi Haji Suhaili bertarikh 19 Disember 2017 yang turut bertanya berkaitan dengan isu pemasangan CCTV di bawah Program Bandar Selamat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, silakan.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak berkuasa tempatan, lepas ini saya sebut sebagai PBT. Melalui inisiatif *National Key Result Area* ataupun NKRA, mengurangkan jenayah di bawah Program Bandar Selamat telah pun melaksanakan projek pemasangan kamera litar tertutup atau CCTV bagi fasa satu dan fasa dua bermula pada tahun 2010 sehingga pada tahun ini, 2017 di seluruh Malaysia. Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga beberapa pihak berkuasa tempatan Yang Berhormat, di seluruh negara yang turut sama memasang sendiri CCTV di kawasan-kawasan pihak berkuasa tempatan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada jumlah yang ditanyakan oleh kedua-dua Yang Berhormat. Bagi fasa 1, sebanyak 472 CCTV telah dipasang di 25 pihak berkuasa tempatan dan bagi fasa dua, sebanyak 496 CCTV dipasang di 25 pihak berkuasa tempatan dan pada pihak berkuasa tempatan yang memasang sendiri CCTV melibatkan 37 pihak berkuasa tempatan yang telah pun berusaha, berupaya memasang 3,329 CCTV yang dipasang sendiri oleh pihak berkuasa tempatan.

Jadi jumlah keseluruhan Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan bilangan CCTV sama ada yang telah dipasang melalui kementerian kepada 25 PBT pada fasa pertama dan 25 lagi PBT pada fasa kedua dan bersama-sama dengan 37 pihak berkuasa tempatan tadi, jumlah keseluruhan pemasangan CCTV adalah berjumlah 4,297 yang melibatkan 25 PBT fasa satu dan 25 PBT fasa dua dan 37 pihak berkuasa tempatan. Jumlah keseluruhan ialah 58 termasuk 25, 25 dan 37 pihak berkuasa tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa PBT telah pun memohon bantuan peruntukan. Ini yang melibatkan 37 buah PBT tadi yang saya sebutkan yang telah pun memasang CCTV masing-masing yang berjumlah 3,329. Jadi, PBT-PBT yang berkenaan ini ada buat permohonan kepada pihak kementerian untuk menyelenggarakan CCTV kerana kos untuk pemasangan CCTV ini dia bukan satu jumlah yang murah, ia melibatkan kos yang besar termasuk penyelenggaraan dan sebagainya.

Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, mulai pada tahun 2018 ini dengan bajet yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, KPKT telah pun menyediakan peruntukan bagi penyelenggaraan sebanyak RM2 juta kepada PBT-PBT yang berkenaan. Ada di antara 37 bilangan PBT itu telah pun membuat permohonan untuk kita bantu tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, dan bersabit tentang keberkesanan pemasangan CCTV ini, berkesan ke pemasangan CCTV sebanyak 4,297 unit ini?

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman dan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi, secara amnya Tuan Yang di-Pertua, pemasangan CCTV ini berkesan di dalam mengurangkan jenayah dan tingkatkan lagi tahap keselamatan bandar dan kesejahteraan rakyat. Maknanya rakyat rasa selamat, safe. Kalau dia hendak pergi ke mananya, dia rasa selamat. Ada CCTV, dia nampak polis ada, dia nampak keadaan terang dan sebagainya, mereka rasa selamat. Bukan sahaja untuk mereka bergerak pada hari siang tetapi termasuk hari malam.

Mengikut laporan yang terkandung Tuan Yang di-Pertua, dalam Laporan Program Transformasi Kerajaan GTP pada tahun 2016 yang dikeluarkan sendiri oleh pihak PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri, sepanjang tempoh tahun 2010 sehingga 2016, jenayah indeks telah pun menurun pada kadar purata 9 peratus setahun dengan jumlah penurunan keseluruhan sebanyak 47 peratus. Jadi kadar pengurangan jenayah secara tahunan ini menunjukkan bahawa amat berkesan CCTV itu dipasang dan saya ingin memaklumkan kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat kita, pengurangan jenayah ini antara sebahagian daripada kesan program pemasangan CCTV.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kita sokong lagi dengan langkah-langkah yang lain seperti rondaan pihak polis, pengasingan laluan bagi pejalan kaki daripada laluan bermotor, penyediaan cermin keselamatan di lorong-lorong belakang dan sebagainya untuk lebih membantu menyediakan suasana yang lebih selamat kepada rakyat yang ada terutama di kawasan bandar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan selesai.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]**

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2018**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua**

*Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, “Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [5 Disember 2017]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung perbahasan. Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook. Silakan.

#### **12.19 tgh.**

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya dapat 15 minit, hari ini dapatlah sikit lagi untuk habiskan perbahasan saya. Jadi semalam saya telah menyebut sedikit tentang kementerian-kementerian yang saya akan rangkum. Saya harap saya boleh *recap* sedikit tentang apa yang saya sebut semalam iaitu pertama sekali dengan KDN iaitu bagi masyarakat Siam yang telah berumur lebih daripada 60 tahun, mereka belum lagi mendapat warganegara. Jadi setiap kali persoalan ini timbul, saya pun ingin timbulkan kepada Kementerian Dalam Negeri. Tidakkah ada cara yang terbaik untuk kita berikan ataupun luluskan taraf kewarganegaraan kepada mereka dan sekiranya boleh, bilakah itu boleh dilakukan? Itu satu.

#### **■1220**

Kedua, sekiranya mereka telah memohon, saya harap permohonan mereka dimaklumkan kepada mereka. Saya rasa ini sepatutnya menjadi piagam kepada kementerian untuk memaklumkan kepada pemohon apakah kedudukan permohonan mereka pada kala-kala tertentu. Mungkin tiga bulan sekali, enam bulan sekali, setahun sekali dan sebagainya.

Satu lagi tentang KDN yang saya hendak ringkaskan yang saya sebut semalam ialah tentang permohonan daripada *Malaysian Siamese Buddhist Monk Organization (MSBMO)*,

dengan izin, untuk menjadi penyokong kepada permohonan untuk mendapat Pas Lawatan Ikhtisas bagi pikuk ataupun sami yang datang daripada negara Thailand untuk membantu mengajar bahasa Thai di kampung-kampung di perkampungan orang-orang Siam. Jadi, bolehkah cadangan saya itu dilaksanakan? Sekiranya tidak boleh, apakah yang kita perlu lakukan bagi membolehkan? Sekiranya boleh, saya harap benda ini dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Kemudian, saya juga sentuh tentang Kementerian Pendidikan iaitu tentang pelajar-pelajar yang belum mendapat taraf kewarganegaraan tetapi telah bersekolah dan ada yang telah tamat sekolah. Pada kiraan saya, kira-kira 100 orang akan tamat persekolahan setiap tahun. Selepas SPM, mereka tidak dapat ke mana kerana mereka bertaraf bukan warganegara. Akan tetapi persoalannya, apa akan jadi dengan mereka? Adakah mereka tidak berpeluang untuk mendapat pekerjaan kerana tidak ada kad pengenalan? Kemudian, apa akan jadi dengan mereka? Saya khuatir mereka ini akan menjadi masalah kepada negara. Sekiranya kita biarkan ini berlaku, bak kata pepatah Inggeris, dengan izin, ialah satu '*elephant in the room*' yang kita tidak patut abaikan. Kita perlu ambil tindakan kerana kalau kita biarkan, dia tidak akan ke mana, dia akan ada di situ, cuma semakin hari semakin besar. Kita tidak perlu tunggu sehingga dia telah terlalu besar baru kita selesaikan. Masa itu susah hendak buat.

Jadi, carilah jalan terbaik untuk menyelesaikan masalah ini agar mereka boleh menjalani hidup kerana mereka tidak ada tempat lain untuk pergi. Mereka bukan warganegara asing. Mereka adalah lahir di sini, bapa mereka orang sini. Cuma masalah mereka ialah semasa ibu dan bapa berkahwin dulu, mereka tidak mendaftar perkahwinan. Jadi mengikut peraturan negara, apabila anak dilahirkan daripada perkahwinan yang tidak didaftarkan, taraf kewarganegaraannya akan mengikut ibunya. Jadi kalau ibunya Myanmar, dia akan- kalau pergi ke Myanmar, bolehlah jadi warganegara Myanmar nanti. Akan tetapi, dia tidak boleh, tidak dapat taraf warganegara Malaysia.

Satu lagi yang saya hendak sebut di sini ialah tentang peningkatan jati diri murid keturunan Siam kerana saya hendak tumpukan kepada masyarakat Siam sekarang ini. Rata-rata masalah sosial ini, di mana ada, tidak mengira kaum dan bangsa. Sekiranya kita terjerumus kepada perkara tentang dadah, jadilah kita penagih dadah, tidak kiralah keturunan apa ataupun bangsa apa.

Jadi salah satu cara yang saya nampak boleh membantu mengurangkan unsur-unsur yang negatif masalah sosial ini ialah apabila kita cuba mendampingi mereka dengan ilmu-ilmu yang lebih baik iaitu ilmu berkaitan dengan keperibadian diri, jati diri, sayangkan keluarga, sayangkan ibu bapa dan sebagainya. Saya dapati bahawa sesetengah sekolah sekarang ini, walaupun ada pelajaran Moral sekarang ini, saya nampak macam tidak dapat membantu meningkatkan tahap jati diri murid-murid ataupun sayang mereka kepada keluarga dan sebagainya.

Ada setengah sekolah, atas inisiatif Penolong Kanan ataupun guru Moral, menjemput penceramah luar untuk memberikan ceramah motivasi, ceramah macam-macamlah, tentang kebudayaan masing-masing dan sebagainya. Akan tetapi, itu bergantung kepada budi bicara

dan juga inisiatif Penolong Kanan sekolah berkenaan. Dia tidak sistematik. Jadi, ada sekolah buat, ada sekolah tidak buat.

Jadi saya cadangkan, kalau boleh kementerian menyelaraskan perkara ini supaya setiap sekolah dapat merasai perkhidmatan yang diberikan oleh penceramah dari luar ini. Walaupun penceramah tidak ramai, tetapi kalau sekiranya ada arahan yang jelas daripada kementerian bahawa setiap sekolah yang ada murid-murid Siam lebih daripada 10 orang, Penolong Kanannya perlu mengadakan ceramah sebegini untuk katakanlah dua atau tiga kali setahun, jadi benda ini perlu dilaksanakan oleh sekolah-sekolah yang telah memenuhi syarat tersebut. Jadi semua murid di sekolah-sekolah yang berkenaan akan dapat menikmati kemudahan yang disediakan ini. Jika tidak, dia akan berlaku, ada yang tidak berlaku.

Seperkara lagi tentang Kementerian Pendidikan ialah tentang pengiktirafan sijil kelas Bahasa Siam. Jadi untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli dalam Dewan ini, sekarang ini masyarakat Siam ada 65 buah wad yang menganjurkan atau mengadakan kelas Bahasa Siam. Kita ada guru-guru- bukan guru, saya boleh katakan tenaga pengajar. Mereka bukan layak jadi guru. Mereka adalah orang yang pernah belajar Bahasa Siam, Bahasa Thai kemudian telah tamat, mereka kembali untuk membantu, mengajar adik-adik. Jadi kita ada 65 buah wad yang menganjurkan kelas ini.

Akan tetapi apabila mereka keluar, mereka tidak ada bentuk pengiktirafan, bentuk sijil yang diiktiraf oleh kerajaan. Jadi saya harap kita adakan satu usaha dengan Kementerian Pendidikan bagaimana kita hendak iktiraf sijil-sijil yang dikeluarkan oleh pihak pengajur kelas Bahasa Thai ini kerana mereka yang telah tamat kelas Bahasa Thai ini, mereka boleh membaca, menulis dan bertutur dengan sempurna mengikut dialek, cara yang betul. Mereka telah diterima bekerja dengan syarikat-syarikat yang memerlukan orang yang fasih dalam Bahasa Thai. Contoh, syarikat *Shell* atau syarikat perakaunan yang ada hubungan dengan pelanggan mereka di negara Thai. Jadi, ini menjadi aset kepada syarikat berkenaan. Jadi mereka yang telah belajar dan lulus temu duga dengan syarikat berkenaan telah diterima bekerja. Ini satu faedah kepada pelajar-pelajar berketurunan Siam.

Jadi untuk kelas-kelas ini, saya hendak rakamkan ribuan terima kasih, penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah meluluskan peruntukan sebanyak RM650,000 untuk kelas-kelas ini untuk tahun ini. Akan tetapi oleh kerana kelas ini memerlukan lebih kurang RM20,000 satu kelas satu tahun, saya juga telah memohon kepada Yang Amat Berhormat supaya peruntukan ini disalurkan sepanjang tempoh sekurang-kurang lima tahun untuk membolehkan kelas ini berjalan dengan lancar tanpa risau tentang kewangan. Tahun ini dapat, tahun depan tidak tentu. Nanti bila tidak ada kewangan, mungkin kelas itu tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Jadi saya harap sekiranya Kementerian Pendidikan boleh mengiktiraf sijil-sijil ini, saya harap dapat dilaksanakan. Sekiranya tidak dapat, boleh kita bincang untuk membolehkan. Itu jalan yang terbaik.

Tentang Kementerian Pendidikan juga, semalam semasa taklimat oleh Kementerian Pendidikan tentang bajet yang diterima pada tahun 2018, saya juga menyebut tentang keadaan bilik guru di sekolah-sekolah. Sekali lagi saya hendak ulang di sini supaya Kementerian

Pendidikan mengambil tindakan sewajarnya kerana kita lihat bilik-bilik guru sangat-sangat menyediakan. Profesional guru adalah kadang-kadang dia fikir yang diabaikan oleh pihak berkuasa kerana guru kebanyakannya di sekolah menengah, bukan kebanyakannya, semuanya adalah lulusan ijazah. Pegawai-pegawai di kementerian juga lulusan ijazah. Akan tetapi guru dalam keadaan yang sempit, panas dan sebagainya.

■1230

Jadi, mungkin mempengaruhi motivasi guru untuk mengajar murid. Dia juga nampak macam dipandang rendah oleh murid kerana sesetengah murid itu bapa dia pegawai, duduk dalam *aircond*, pakai *tie*, pakai kot setiap hari. Akan tetapi guru bila masuk kelas berpeluh kan, bila peluh banyak kali itu sudah lain sudah baunya.

Jadi, ia jadi macam menjatuhkan status profesion guru, jadi murid-murid kata, tidak payahlah jadi guru, guru macam ini, baik jadi pegawai kan? Jadi, eloklah kita jadikan contoh yang baik kepada murid-murid, guru adalah satu profesion yang mulia tetapi kalau kita tidak jaga kemuliaannya itu, ia tidak dimuliakan oleh murid. Saya harap Kementerian Pendidikan tengok-tengok lah kebijakan guru kerana baik guru, baiklah muridnya. Tidak baik guru, tidak tahu apa jadi dengan muridnya. Terima kasih.

Satu lagi semalam saya juga sebut tentang kementerian lain tapi sebelum pergi ke KPKT sorry- Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Saya ingin mengaitkan dengan satu perkara iaitu saya dulu pernah menjadi Ahli Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Jadi, sering kita bincang tentang hasil R&D daripada MPOB, daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Kita dapat bahawa kadar mengkomersialkan hasil R&D tersebut agak memberangsangkan.

Akan tetapi ada juga hasil R&D yang tidak dapat dikomersialkan langsung. Kita tidak pasti apa puncanya. Jadi, saya nak kaitkan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kerana mereka yang bertanggungjawab tentang hasil R&D ini. Apakah yang dibuat oleh MOSTI untuk membantu mengkomersialkan hasil-hasil R&D yang dihasilkan oleh pelbagai agensi R&D ini macam MPOB, MARDI dan sebagainya. Kita ada berpuluh lagi institusi penyelidikan, termasuk universiti.

Apakah MOSTI buat, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bahawa pengkomersilan hasil ini diperluaskan bukan saja dalam negara tapi ke luar negara? Kita tidak tahu apa potensinya. Kemudian kemungkinan tindakan diambil selama ini tidak berkesan kerana tidak cukup peruntukan. Jadi, apakah kementerian berusaha untuk dapat peruntukan tambahan ataupun ada cara lain untuk memastikan bahawa ada ruang, di mana hasil R&D yang terperap di kabinet-kabinet penyelidik itu dikeluarkan dan dikomersialkan. Oleh kerana kita dapat ada orang menuduh bahawa saintis ini kerjanya buat R&D tapi R&D untuk tujuan memanjangkan resumenya sahaja, tidak dapat dikomersialkan. R&D nya syok sendiri sahaja.

Jadi, saya harap MOSTI dapat menjalankan apa saja tindakan yang sesuai untuk mencungkil keluar hasil R&D ini dan dikomersialkan dengan cara yang betul. Dalam masa yang sama kita dapat bahawa saya pernah terjumpa satu kumpulan kawan yang bekerja di MOSTI dulu. Ada satu program di mana mereka pergi ke luar bandar mencari inovasi hasil inisiatif orang kampung untuk mengadakan satu produk hasil daripada daya cipta mereka sendiri, yang

ini pun ada nilai komersialnya. Saya tidak pasti sama ada adakah pihak MOSTI mengambil tindakan sewajarnya untuk mengetengahkan daya cipta luar bandar ini? Supaya dapat mendatangkan hasil kepada mereka yang mencipta dan juga kepada negara.

Saya nak menyentuh tentang Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, terutama sekali ialah tentang petunjuk prestasi utama JKK. Pada sesi yang lepas saya ada bertanya dengan Kementerian KKLW tentang petunjuk prestasi JKK ataupun JKKP di Kelantan dan sebagainya. Salah satu KPI atau petunjuk prestasi utama ialah menyediakan profil kampung. Akan tetapi saya dapat bila saya pergi di lapangan, kadang-kadang bila tanya ada tidak profil kampung? Ada setengah itu rasa macam kelabu tengok mata saya, macam tidak pernah dengar apa itu profil kampung. Bila tanya lanjut lagi ada berapa ramai penduduk lelaki yang umur lebih daripada 60 tahun di kampung ini, lagi kelabu dibuatnya.

Saya tidak pasti apakah tindakan yang diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa JKK yang bertanggungjawab di kampung berkenaan tahu apa yang berlaku di kampung, ada maklumatnya dan boleh menyalurkan maklumat yang berkenaan kepada agensi-agensi yang terlibat. Contoh, sekiranya ada orang di kampung tersebut yang umurnya 70 tahun, 80 tahun yang memerlukan bantuan. Sekiranya pihak JKK tidak ada data, apabila jabatan tertentu mohon untuk mendapatkan maklumat, mereka tidak dapat salurkan. Jadi, orang yang sepatutnya dapat bantuan, tidak mendapat bantuan tersebut.

Jadi, saya harap kementerian dapat laksanakan KPI tersebut. Sekiranya mereka yang telah memenuhi KPI yang ditetapkan itu, bagilah imbuhan yang setimpal sebagai insentif. Satu lagi ialah tentang kementerian ini adalah tentang pembiayaan pendidikan di bawah MARA. Terima kasih kepada pihak MARA kerana memberi peluang kepada masyarakat Siam, pelajar-pelajar Siam mendapat bantuan di bawah pembiayaan MARA. Saya cuma satu perkara yang saya nak minta MARA tolong tengok kan, apabila pelajar Siam memohon untuk mendapat bantuan ini, mereka nak pastikan mereka yang memohon itu betul-betul Siam.

Diletakkan, dikepilkkan Sijil Lahir, dalam Sijil Lahir tertulis bapa Siam, anak Siam, mak Siam. Akan tetapi masih lagi pihak MARA memohon atau minta supaya orang berkenaan disahkan Siam oleh Senator yang mewakili masyarakat Siam. Jadi, saya ini kadang-kadang saya bukan kenal semua, saya kata minta tengok Sijil Lahir. Sijil Lahir itu nyatakan anak status Siam, bapa Siam, mak Siam, saya pun sahlah Siam. Oleh kerana saya kalau tidak ada itu, saya pun tidak nak sah, sebab kalau sah, saya pula yang menipu. Akan tetapi persoalannya pegawai MARA pun boleh baca sijil itu, saya pun boleh baca sijil itu, semua tiga-tiganya Siam, kenapa perlu saya lagi sah?

Jadi, kadang-kadang kalau kita buat macam itu, bila orang tengok itu, ia buat macam *centre* ini kurang cerdik sedikit. So, saya harap pihak MARA tolong tengok-tengokkanlah. Kalau katakan orang itu sangsi dari segi kedudukannya, perkataan "Siam" ditulis "Sia" sahaja, mungkin saya boleh tolong sahkan itu. Satu perkara lagi, yang ini nak merangkum banyak kementerian. Ini tentang pengisaran oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa masyarakat Siam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, banyak lagi?

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Agak, sebab saya minta sampai 10 minit lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Aknan A/L Ehtook:** Terima kasih. Tentang pengisaran oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Februari 2012 bahawa masyarakat Siam berstatus bumiputera. Saya rasa benda ini telah dibangkit banyak kali tetapi banyak kementerian masih lagi belum buat. Untuk rekod, untuk memudahkan ada Menteri yang tidak pernah dengar ini, ada yang belum tahu.

Saya bacakan dua para yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, semasa beliau pergi ke Kedah pada 2012. Saya tidak pandai nak ajuk BN punya cakap tapi saya bacakanlah, *“Apa yang telah pun dizahirkan secara terbuka oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama yang secara kebetulan ada juga darah Siam yang mengalir dalam badannya. Perdana Menteri yang pertama telah pun menzahirkan orang-orang Siam di Malaysia ini sebagai status bumiputera. Maka, hari ini kerajaan kita dan saya sebagai Perdana Menteri...”*, bukan saya, itu cakap Perdana Menteri, *“...mengisyiharkan komitmen kita kepada hakikat bahawa orang Siam adalah berstatus bumiputera. Bererti bahawa Saham Amanah Bumiputera, kemasukan ke UiTM, pinjaman MARA dan lain-lain lagi yang berhak untuk bumiputera, orang Siam pun berhak menerimanya”*. Itu dinyatakan oleh Perdana Menteri.

Jadi, saya nak bangkitkan di sini ialah apakah yang telah dilaksanakan oleh Kementerian KKLW untuk merealisasikan kenyataan Perdana Menteri tersebut? Oleh kerana apabila saya pergi ke lapangan, mereka akan tanya saya.

#### ■1240

Eh! Apa sudah jadi dengan apa yang diisyiharkan oleh Perdana Menteri? Tidakkah benda ini dilakukan, tetapi jika dilakukan kenapa tidak ada benda itu terbukti di mana-mana? Ini kerana apabila mereka contohnya dengan Kementerian KPPT, apabila mereka mohon untuk mendapat diskaun bumiputera di projek-projek perumahan, mereka sering ditolak kerana syarikat perumahan tidak mengiktiraf apa yang dinyatakan oleh Perdana Menteri.

Jadi, saya hendak tanya kepada kementerian KPPT. Tidakkah boleh kementerian sebagai pembuat dasar mengeluarkan satu arahan atau pekeliling kepada semua pemaju-pemaju perumahan ini menyatakan bahawa masyarakat Siam ini ialah bumiputera dan layak untuk menerima diskaun bumiputera. Jadi, apabila masyarakat Siam memohon untuk mendapat diskaun, mereka akan menikmati tanpa perlu ada *tape merah* lagi. Ada sesetengah itu minta surat daripada Pejabat Daerah. Ada sesetengah itu minta buku ASB. Macam-macam. Jadi benda ini tidak selari.

Kemudian menyentuh perkara ini juga, saya hendak sentuh tentang Kementerian Pengajian Tinggi. Apabila pelajar-pelajar Siam memohon untuk masuk ke universiti awam, ada universiti awam mengiktiraf pelajar Siam sebagai bumiputera, ada yang tidak. Ada yang hanya menganggap pelajar Melayu dan juga kaum bumiputera Sabah Sarawak sahaja sebagai bumiputera. Tidak menerima masyarakat Siam. Jadi ada yang buat ada yang tidak buat. Saya tidak pasti yang mana betul yang mana tidak betul. Ada yang boleh masuk UPM, ada yang boleh masuk UKM, tetapi UM tidak dapat program asasi. Jadi interpretasi tidak sama.

Saya harap Kementerian Pengajian Tinggi tolong ambil tindakan. Apakah tidak boleh kita buat sesuatu supaya apa yang dicakap oleh Perdana Menteri ini dikotakan. Kalau tidak nanti orang kata Perdana Menteri cakap tidak serupa bikin. Kita bikin tidak serupa Perdana Menteri cakap. Dan juga dalam borang-borang permohonan universiti awam (UA). Ada yang ada medan yang ada tulis "Siam", ada medan tulis "Thai", ada medan yang tulis "Siam/Thai". Kita pun tidak tahu mana satu kerana kalau ikut definisi oleh Jabatan Pendaftaran, "Thai" adalah untuk orang Thailand yang datang ke sini. "Siam" adalah orang Siam yang bapanya Siam, emaknya Siam dan lahir di Malaysia.

Untuk Kementerian KPKT juga saya hendak bangkit satu perkara lagi. Ini tidak berkaitan dengan Siam, tetapi kepada umum. Kita pergi ke kedai makan. Kita nampak ada sijil penarafan 'A', 'B', 'C'. Akan tetapi bila kita tengok di dinding dia letak jauh 'A' itu besar, A4 nampak. Akan tetapi rupa-rupanya tulis tarikh itu, tarikh kuat kuasa dengan pen kecil sahaja. Jadi ada yang pandai ini, yang cerdik sedikit ini dia ambil sijil tahun lepas tahun dulu dia dapat 'A' dia letak situ. Sijil yang kemudian ini dia tidak letak situ. Dia letak tempat lain. Jadi kita masuk kita kata, "*Oh! Kedai ini 'A', bagus*". Bila kita tengok, "*Oh! Ini tahun 2013*". Jadi tidak ada itu. Jadi kalau boleh tolonglah buat supaya kita tengok ini kita tahu 'A' itu bila. Jangan dia guna yang lepas-lepas.

Kemudian satu lagi ialah ini kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya hendak sebut sedikit tentang Bukit Broga. Jadi kepada mereka yang minat untuk mendaki bukit, Bukit Broga ialah bukit yang di Semenyih sana. Ramai orang pergi. Akan tetapi mereka telah tutup Bukit Broga tersebut kerana ada pembangunan berlaku. Saya tidak pasti siapa punya tanah, tetapi tanah bukit tersebut telah diteres kan dan telah ditanam dengan getah. Kemudian diberhentikan kerja tersebut.

Kemudian sekarang ini ada satu pihak letakkan geotekstil di tepi di teres-teres yang telah dipotong. Jadi saya hendak kepastian sama ada adakah ini meletakkan geotekstil itu telah dilakukan oleh kementerian dan kalau dilakukan oleh kementerian siapakah yang menanggung kos. Ini kerana saya dapati bahawa tempat itu dahulu sebagai satu daya tarikan pelancong untuk datang dan memanjat bukit. Kita perlukan sebih kurang satu setengah jam untuk naik atas. Pemandangannya cantik, tetapi sekarang sudah hilang dia punya tarikan. Orang sudah tidak pergi lagi. Jadi hilang satu daya tarikan di kawasan tersebut. Jadi saya harap Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tolong tengok kan perkara ini. Jika tidak kita akan hilang satu lagi tempat yang boleh kita berkelah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya rasa yang akhir ini. Saya hendak sebutkan di sini ialah tentang jawapan-jawapan yang diberikan oleh kementerian. Saya dapati bahawa di sesi yang lepas, jawapan yang tidak sempat dijawab secara lisan oleh Menteri kita ada dapat salinan jawapannya atas meja pada hari yang sama. Akan tetapi hari ini dan juga semalam. Semalam saya ada dua soalan, tetapi sampai pengakhir hari semalam dan juga hari ini belum ada jawapan yang disediakan untuk diberikan kepada kami.

Ini kerana itu pun penting kerana kita perlukan untuk rujukan. Kadang-kadang apa yang kita cakap nanti telah dijawab. Jadi tidak payah kita ulang banyak kali. Saya harap kita

boleh dapat jawapan tersebut pada hari yang sama soalan itu ditimbulkan. Jadi saya harap tindakan diambil bagi memastikan bahawa sebelum pengakhir hujung sesi hari tersebut ada jawapan-jawapan yang tidak sempat dijawab oleh Menteri. Dengan itu saya mohon menyokong Belanjawan 2018. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Datuk Lihan Jok. Silakan.

#### 12.46 tgh.

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan peluang ini untuk saya terlibat dalam perbahasan Bajet 2018. Saya rasa tengok masa ini saya hendak mula begini lah Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai mewakili negeri Sarawak, elok juga pada permulaan ini saya hendak cakap bahawa kita di Sarawak sangat-sangat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berdasarkan satu bajet yang begitu meluas dan baik. Seolah-olah kita Sarawak ini rasa kita nampak pada dewasa ini acap kali kita dalam bajet yang Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib ini kemukakan. Kita Sarawak ini lah selalu ataupun Sabah diketengahkan.

Jadi, mewakili negeri Sarawak dalam ucapan saya yang terakhir sebagai Ahli Dewan yang mulia ini, elok juga saya hendak mengatakan isi hati Kerajaan Negeri Sarawak terhadap pemimpin yang kita rasa agung pada masa kini. Dalam waktu Malaysia menghadapi cabaran yang besar. Tepatlah Dato' Sri Mohd. Najib yang menakhodai negara ini sehingga kita berjaya. Walaupun banyak tohmahan dari dalam dan di luar, tetapi pemimpin ini teguh, mampan dan segak selalu yang membuat kita yakin di belakang beliau.

Negeri Sarawak sebagai salah satu tiang atau *pillar* negara kita Malaysia ini. Jadi kalau kita lihat untuk direkodkan, Kerajaan Negeri Sarawak memang merasakan pemimpin Perdana Menteri dan kepimpinan negara sangat dekat pada hati Sarawak. Kalau kita lihat juga dari segi peruntukan, sejak beliau memegang tumpuk pemimpin kerajaan lapan hingga sembilan tahun dahulu, besarlah peruntukan negeri Sarawak supaya dapat mengejar pembangunan. *Rate* pembangunan, kadar pembangunan supaya setaraf dengan Semenanjung Malaysia.

Ini kerana tiga tahun ataupun lima tahun yang lepas sebelum Yang Amat Berhormat sekarang ini menjadi TYT Negeri Sarawak bersara, dia melihat bahawa Sarawak ketinggalan 20 tahun dari segi pembangunan. Jadi, dengan adanya kepimpinan Dato' Sri Mohd. Najib, kita Sarawak dan Sabah melihat cahaya yang jelas dan terang untuk sama-sama membangun dalam negeri negara Malaysia yang tercinta ini.

#### ■1250

Pertama juga, kita melihat, kita bangga di Sarawak bahawa Dato' Sri Mohd. Najib adalah pemimpin dunia. Dia boleh mempengaruhi sedikit sebanyak arah tuju politik dunia dengan konsep yang diketengahkan oleh beliau iaitu *the concept of moderation*. Saya pernah mewakili Dewan ini ke *United Nation*. Saya telah diberi satu teks untuk berucap dalam satu persidangan. Jadi yang penting, yang dihormati sangat, yang suka didengar, yang suka ditanya

oleh dunia luar ialah konsep *wasatiyyah* itu, konsep *moderation*. *This is our Prime Minister, a world leader.*

Perkara kedua juga, kalau kita lihat dari segi Perdana Menteri kita menangani semangat pembangkitan MA63, *The Malaysian Agreement 1963*. Walaupun sesetengah pihak menyatakan bahawa benda ini tidak ada keberatan legalnya, tidak sesuai pada masa sekarang tetapi perkara yang remeh temeh ini sudah menjadi besar sehingga perkara ini pun sudah disentuh oleh sesetengah pemimpin negara. Ini adalah tidak sesuai pada hemat Sarawak. Biarlah perkara tuntutan hak-hak kita di negeri Sarawak ini kita letak dalam tangan Ketua Menteri dan Perdana Menteri yang bijaksana untuk menguruskan.

Jadi elok supaya pemimpin-pemimpin yang lain, pemimpin politik kah ataupun pemimpin komuniti, jangan menggembor-gemburkan perkara ini. Biarkan proses ini berjalan dengan senyap, dengan teratur, dengan hormat-menghormati satu sama lain. Ini supaya kalau perkara ini di-*take out of proportion*, dengan izin, akan mungkin menimbulkan rasa tidak puas hati yang tidak patut.

Jadi, itu dalam mukadimah saya yang pertama berhubung dalam pembentangan saya dengan bajet ini, bahawa bajet ini telah dibikin, telah disempurnakan oleh seorang pemimpin yang berwibawa. Kita di pihak Sarawak sangat menghormati bajet ini.

Perkara yang saya hendak sentuh dalam bajet ini ialah istilah ibu segala bajet. Ibu segala bajet ialah *the mother of all budget*. Ini istilah yang bagus. Perdana Menteri yang mempelopori bajet ini, dia sendiri yang menyatakan. Apa yang penting, dua minggu yang lepas, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat Sarawak, dia menyatakan bajet pada kali ini telah dia sediakan setelah mendengar dan melihat pelosok semua negara di Malaysia ini. Dia kata, mendengar denyutan hati rakyat. Inilah asas pembikinan bajet ini.

Memang benar. Kalau kita lihat, tidak salah kalau saya katakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah melawat- Sabah saya kurang pasti. Kalau di Sarawak, tidak kurang dari 50 kali, kalau tidak silap, dalam lapan atau sembilan tahun yang sudah lampau ini, sebagai Perdana Menteri. Dalam kawasan saya sendiri, dua kali. Walaupun dalam tahun 2003, mantan Perdana Menteri dahulu iaitu Tun Mahathir melawat kampung saya, pun satu kali sahaja tetapi Dato' Sri Mohd. Najib, Perdana Menteri kita ini, dalam kawasan berhampiran dengan daerah kita di Sarawak sana, ada dua kali sudah.

Demikianlah keprihatinan Yang Amat Berhormat sebagai Perdana Menteri melawat dan melihat dengan mata sendiri cara mana hendak membangunkan negara ini. Inilah hasil lawatan itulah bajet ini, kata beliau. Saya pun memang setuju.

Kalau kita lihat ibu segala bajet ini, peruntukan sebanyak RM280.25 bilion bagi semua peruntukan. Untuk mengurus RM234.25 bilion dan untuk tujuan pembangunan sebanyak RM46 bilion sahaja. Jadi kalau sesuatu bajet yang dikatakan ibu segala bajet, soalan saya kepada kerajaan ini ialah apakah kerajaan sudah siap siaga mempunyai semua sistem *delivery* ataupun sistem penyampaian yang cukup supaya ibu segala bajet ini boleh sampai kepada sasarannya? Ini kerana kita tidak mahu ibu segala bajet ini akan mengundangkan pembaziran.

Kita tidak mahu. Ada satu kajian di sesetengah negara di Eropah, dalam setiap satu bilion pembangunan, ada sahaja sekurang-kurangnya EUR96 juta hilang, lesap begitu sahaja.

Jadi dalam menjalankan atau supaya bajet ini dalam tahun 2018 dapat dijalankan dengan sepenuhnya, walaupun tidak sepenuhnya, pembaziran itu kita dapat kurangkan. Kita tidak mahu ada projek yang terbengkalai. Kita tidak mahu projek lewat siap ataupun tidak mengikut tempoh dan kita tidak mahu projek yang tidak menepati spesifikasi. Jadi soalan saya kepada kerajaan ialah apakah tindakan siap siaga yang kita sudah sediakan untuk memastikan ibu segala bajet ini dapat dijalankan dengan sempurna dan mencapai sasaran yang diidamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita? Ini soalan saya kepada kerajaan.

Saya tidak tahu hendak mencadangkan cara mana tetapi contoh yang saya boleh beri adalah kadang-kadang latihan yang kita beri kepada pegawai yang menjalankan tugas. Contohnya, pegawai yang ingin menjalankan projek di nun jauh di Sabah dan di Sarawak dari Semenanjung, harus mempunyai latihan macam mana menjalankan projek di pedalaman Sarawak, yang sudah biasa di sana. Contoh juga, adakah sistem penyampaian kita dari segi peningkatan keberkesanan sekolah kita melalui bajet ini berkesan? Adakah kita sudah menyediakan jalur lebar yang sesuai, yang cekap untuk menyediakan supaya *this budget* dapat jalan dan berkesan kepada rakyat kita?

Perkara kedua, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin sentuh pada hari ini ialah berhubung dengan menutup sekolah yang kurang murid. Sekolah kurang murid atau sekolah SKM. Saya tidak tahu memang perkara ini berat di hati kita hendak buat kerana sekolah ini adalah satu institusi yang dekat pada hati semua rakyat. Kalau kita hendak tutup, memang menimbulkan rasa sedih, tidak puas hati dan akhirnya mempunyai implikasi politik yang tidak sihat kepada kerajaan yang memimpin. Jadi oleh sebab itu, saya cuma hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, apakah kriteria yang diambil kira oleh kementerian ataupun kerajaan sebelum dia berhajat hendak menutup sebuah sekolah? Itu satu.

Apa yang sedihnya lagi, saya menyaksikan perkara ini juga iaitu penyelenggaraan sekolah yang sudah ditutup. Ini kerana kampung saya berdekatan sebuah kampung di mana di kampung yang berdekatan itu ada sebuah sekolah yang sudah ditutup. Sekolah selalunya dekat di kampung. Bila mana ditutup dan tidak diselenggarakan, kampung semakin maju, meningkat kebersihannya tetapi hak milik kerajaan ini tadi semak samun, tidak ada penyelenggaraan. Jadi apakah, cara manakah sekolah yang ditutup itu akan diselenggarakan kemudian? Adakah kita hendak biarkan kawasan sekolah itu penuh dengan hutan rimba dan tidak diselenggarakan, apa terjadinya? Ini cabaran atau persoalan yang saya kemukakan kepada kementerian. Mungkin kementerian boleh menjelaskan kepada kita dalam Dewan yang mulia ini nanti. Itu perkara kedua.

Perkara ketiga. Tajuk yang keempat ini begini. Untuk menyelamatkan bumi yang tercinta ini, kita wajib memerangi pembaziran bahan makanan. Balik sahajalah kita di rumah ataupun balik sahajalah kita selepas satu-satu kenduri, kita boleh menyatakan bahawa rakyat Malaysia ini banyak membazir makanan. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Lihan Jok:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk.

**Datuk Lihan Jok:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah sampai.

**Datuk Lihan Jok:** Maksudnya, Tuan Yang di-Pertua, saya sambung sedikit petang nanti?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh sambung balik. Boleh. Banyak pun boleh.

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang sila duduk Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1. Dewan akan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang nanti.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

■1430

*[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung perbahasan. Silakan Yang Berhormat.

### 2.33 ptg.

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berhenti tadi menyatakan bahawa masyarakat ataupun rakyat Malaysia suka membazir makanan. Salah satu faktor yg menyebabkan dunia ini tidak selamat didiami akibat sisa ataupun makanan yang patut dimakan tetapi dibuang. Ini yang maksud saya. Bukan sisa-sisa yang sudah tidak dapat dibuang maksud saya itu, bukan sisa-sisa yang patut dibuang, bukan. Akan tetapi ini adalah makanan yang sesuai dimakan tetapi dibuang. Ini masalah dia.

Jadi mengikut kajian pada tahun 2050, jumlah manusia di dunia ini akan meningkat jumlah yang begitu besar iaitu 9.6 bilion. Jadi cabaran setiap negara di dunia ini adalah cara mana hendak memberi makanan yang cukup, secukupnya kepada semua orang ini. Jadi mengikut kajian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Tuan Yang di-Pertua, *to stop* untuk menghentikan pembaziran makanan ini adalah satu cara yang memadai yang sudah didapati mencukupi untuk menyediakan makanan yang cukup kepada orang ataupun rakyat dunia pada tahun 2050. Jadi bermaksud kehilangan ataupun pembaziran makanan ini amat penting diambil perhatian supaya kerajaan akan mencari jalan cara mana kita menangani masalah ini.

Mengikut kajian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga, bahawa satu pertiga daripada makanan yang kita dapati di dunia ini adalah dibuang sahaja Tuan Yang di-Pertua. Dibuang begitu sahaja. Makanan yang boleh dimakan, yang sesuai dimakan, yang masih berzat dibuang sahaja. Satu pertiga, yakni ialah kira-kira 1.3 bilion tan setahun. Antaranya adalah 45 peratus adalah buah-buahan dan sayur-sayuran dan 35 peratus adalah ikan atau makanan laut dan 30 peratus itu adalah makanan lain. Ini adalah yang dibuang oleh masyarakat dunia pada tiap-tiap tahun.

Kalau kita lihat Malaysia boleh tahan juga Tuan Yang di-Pertua. Setiap tahun negara kita Malaysia kerugian selebih RM1 bilion, banyak ini, akibat kehilangan dan pembaziran makanan. Di sini kita harus memahami apa maksud makanan yang hilang, pembaziran makan ataupun kehilangan makanan. Saya ambil contoh kalau sebiji epal yang jatuh pada dahannya itu jatuh ke tanah lepas itu buruk, tidak dikutip, itu diistilahkan hilang, okey. Patut dikutip tetapi tidak dikutip. Akan tetapi maksud saya yang membazir ini adalah sudah kita angkat, sudah diproses, kadang-kadang proses di ladang, bawa di rumah, diangkut di rumah dan disimpan lepas itu dimasak, dalam proses ini benda itu dibuang. Itu maksud pembaziran.

Jadi mengikut Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) negara kehilangan 28.5 peratus padi tiap-tiap tahun. Jadi nilainya dalam satu tahun adalah kehilangan ini dari bendang sampailah ke dapur ini padi beras 28.5 peratus. Dalam satu tahun nilainya adalah RM918 juta. Ini kehilangan negara. Ini padi sahaja ini. Jadi ikut MARDI juga lagi, 30 peratus sehingga 50 peratus buah-buahan sayur-sayuran di Malaysia ini tidak sampai kepada pengguna.

Walaupun wajar, sihat dan bersih dimakan, ini yang hilang 30 peratus ke 50 peratus. Hilang atau dibaja atau dibuang sahaja. Di Malaysia juga kira-kira Tuan Yang di-Pertua 3,000 tan makanan yang masih elok dimakan. Boleh dimakan berakhir di tapak pelupusan sampah. Setiap hari 3,000 tan. Bukan main-main ini, Malaysia ini, negara kita ini. Ini juga tanda negara memang kaya, maju dan sentosa tetapi pembaziran ini tidak sihat.

#### ■1440

Jumlah 3,000 tan itu tadi boleh menyediakan makanan untuk dua juta orang dalam satu hari, tiga kali hidangan sehari itu ini kritikal. Pada hemat sayalah Tuan Yang di-Pertua ini perlu kita tangani dengan serius. Jadi masalah kehilangan dan pembaziran makanan di Malaysia sudah sampai tahap yang kritikal. Satu...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Boleh mencelah?

**Datuk Lihan Jok:** Okey silakan.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bila saya amati perbahasan Yang Berhormat, dilihat yang hilang ini adalah satu jumlah yang cukup besar. Cuma mohon pandangan Yang Berhormat adakah kehilangan ini disebabkan oleh kecuaian sikap ataupun ada unsur lain mungkin ada campur tangan pihak orang tengah contohnya yang mengakibatkan kehilangan ini berlaku. Jadi apa pandangan Yang Berhormat adakah sikap kita rakyat kita sendiri ataupun sebaliknya mohon penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Lihan Jok:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan itu bagus. Sebenarnya malu saya hendak katakan memang sikap kita, sikap kita. Itu mengikut kajian Electrolux Malaysia yang membuat kajian sikap kita. Masalah ini berpunca di rumah, nombor dua di kedai-kedai makan. Akan tetapi yang besarnya 65 peratus pembaziran makanan ini adalah di rumah. Contohnya daripada masalah ini adalah kelupaan orang di rumah itu tentang makanan yang dia simpan di dalam peti ais, selepas dia buka dia rasa sudah lama dia buang saja tetapi boleh

makan. Itu jawapan saya secara sejujur-jujurnya Yang Berhormat. Jadi syarikat Electrolux Malaysia buat kajian bahawa rakyat Malaysia memang Tuan Yang di-Pertua, ‘suka membazir’.

Pembaziran banyak berlaku di rumah seperti saya kata tadi. Jadi mengikut kajian ini juga, ini kajian Electrolux Malaysia, 77 peratus rakyat Malaysia suka membazir. Kalau ada 10 orang tujuh orang itu suka, kalau ada 100 orang, 77 itu memang suka membazir. Kalau ada 1,000- 770 itu memang minat, dia tidak peduli membazir. Jadi pembaziran makanan yang berterusan akan menjelaskan jaminan bekalan makanan negara. Selain daripada memberi, membawa akibat yang tidak sihat kepada suasana alam sekitar negara ia juga akan membebankan import negara.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Boleh saya mencelah Yang Berhormat?

**Datuk Lihan Jok:** Ya silakan.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Saya mendengar dengan teliti Yang Berhormat penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi masalah kita. Kita yang membuat pembaziran. Kalau saya katakan begini Yang Berhormat setuju atau tidak dengan saya bahawa ibu-ibu di rumah perlu dididik kerana mereka ini *all the time in the house*. Mereka ini raja dapur dan yang berlaku pembuangan ini banyak berlaku di dalam dapur kita. Setuju atau tidak Yang Berhormat kalau kita kementerian khususnya Kementerian Wanita mengadakan kursus-kursus ataupun mengadakan maklumat-maklumat kepada ibu-ibu ini supaya mereka tidak membuang, tidak membazir makanan-makanan seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih silakan.

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Mohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mencelah lagi.

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Saya rasa pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat sebentar tadi memang elok untuk diguna pakai sebagai buah fikiran untuk membina satu kilang baja. Jadi kenapa tidak apakah pandangan Yang Berhormat setuju tidak agar makanan-makanan yang dibuang begitu sahaja ini di kumpul oleh pihak-pihak berkenaan untuk dijadikan baja dan mungkin baja ini pula boleh digunakan untuk tanaman-tanaman seperti bunga-bungaan dan mencantikkan landskap di kawasan-kawasan kita di bandar dan juga di kawasan-kawasan sekolah umpamanya dan bangunan-bangunan kerajaan. Apa pendapat Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Lihan Jok:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua Yang Berhormat mencelah yang pertama berhubung dengan ibu di rumah.

Yang Berhormat *is a wisdom*, itu bijaksana yang penting kita amalkan. Ini kerana mengikut satu kajian juga bahawa ada sebuah kota di Jepun, Kamitsu- macam itulah nama dia, bahawa cara mereka hendak buah *zero waste* ini berpunca dari rumah. Ibu-ibu itulah yang penting yang akhirnya akan mendidik suami, mendidik anak akan cara mana kita jimat tentang makanan ini.

Itu jawapan saya Yang Berhormat saya setuju, saya setuju dan kalau kementerian yang berkenaan boleh mengambil tindakan cabaran itu sebagai tanggungjawab dia apa salahnya. Ini kerana masalah ini kritikal dalam dunia moden ini inilah dia masalah bukan sahaja masalah makanan yang membazir tetapi sisa yang kita sudah buang itu di campur dengan yang ini tadi akan menimbulkan masalah yang lebih besar lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh mencelah lagi Yang Berhormat?

**Datuk Lihan Jok:** Saya hendak jawab kedua dulu. Maksudnya makanan yang elok tetapi kita tak hendak makan kita buat baja. Bukan sisa yang kita tidak mahu tetapi makanan yang masih elok kita tukar menjadi bahan yang lebih berguna lagi ya, apa salahnya betul itu saya setuju, saya setuju. Silakan.

**Tuan Ramli bin Shariff:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat rakan saya Tuan Yang di-Pertua. Perbezaan di antara yang disebutkan sebagai pembaziran makanan sama ada bahan mentahnya ataupun yang sudah diproses menjadi makanan. Itu sebab proses berikutnya seperti yang dicadangkan oleh rakan saya boleh dibuat tetapi apabila makanan itu sudah diproses bagaimana penjelasan Yang Berhormat?

**Datuk Lihan Jok:** Dalam waktu saya memikirkan perkara ini Yang Berhormat, sebenarnya benda yang mentah itu sehingganya yang sudah diproses itu sesuai dimakan tetapi kita buang ini maksud saya pembaziran ini. Dua-dua itu yang mentah contohnya sayur-sayuran, buah-buahan yang belum dimasak. Itu satu aspek, satu aspek lagi sudah masak simpan dalam peti ais sudah sejuk, sudah beku tak hendak buang itu pun, maksud saya pembaziran makanan ini adalah mengambil kira yang itulah bukan sisa makanan.

Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya kerajaan ambil tindakan yang tegas untuk menangani masalah ini untuk memastikan nombor satu, negara kita mempunyai makanan yang cukup. Perkara yang kedua rakyat kita mengamati nilai-nilai yang sayang pada makanan, jangan suka membazir. You hendak mencelah Yang Berhormat?

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Boleh saya?

**Datuk Lihan Jok:** Boleh.

#### ■1450

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih, kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat.

Saya mohon mencadangkan juga jika dipersetujui iaitu apakah langkah-langkah yang sewajarnya dilakukan supaya dapat kita mendidik modal insan yang lebih sempurna, tidak mengamalkan pembaziran yang dimaksudkan tadi, soal makanan berlebihan dan sebagainya. Kalau dilihat di negara Jepun, mereka mengadakan prasekolah selama tiga tahun sebelum masuk ke sekolah biasa dan perkara yang diajar hanyalah untuk disiplin anak-anak ini, tidak ada perkara lain. Apa yang telah dapat kita buktikan bahawa mereka menunjukkan contoh-contoh yang baik. Pertanyaan saya, apakah Kerajaan Malaysia elok melaksanakan perkara ini, bagaimana contoh-contoh yang telah dilaksanakan di negara Jepun? Terima kasih.

**Datuk Lihan Jok:** Tuan Yang di-Pertua, kerana ini satu cadangan yang baik, saya pun suka dan mencadangkan supaya pihak kementerian yang berkenaan boleh mengambil cadangan Yang Berhormat itu tadi. Pengajaran ini dimulakan di peringkat bilamana anak kita masih kecil lagi, yang sudah pasti berjaya. Kalau mungkin saya boleh mencadangkan juga, Tuan Yang di-Pertua, pegawai kita pergi melawat ke kampung yang saya maksudkan ini di Jepun ataupun pada keseluruhannya cara mana negara lain menangani masalah pembaziran makanan ini tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga, sebelum berhenti, mengambil kesempatan yang baik ini di dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua sebagai Speaker kita yang telah banyak memberi kesabaran dan tunjuk ajar khususnya kepada saya dan juga kerana saya selalunya pergi ke klinik dan Tuan Yang di-Pertua bagi kelulusan dengan begitu senang. Selama ini saya begitu senang. Demikian juga kepada rakan-rakan yang kita sudah bersama sejak lima, empat, tiga tahun yang sudah lalu dan saya, perhubungan kita waktu kita bersidang, waktu kita di *lounge* merupakan pengalaman yang begitu manis, indah yang saya sentiasa ingatkan.

Demikian juga, kepada rakan petugas seperti Bentara dan pegawai-pegawai lain yang bertugas di dalam Dewan yang banyak membantu saya dalam penyediaan teks kah ataupun pembungkusan bahan-bahan dan lainnya, menghantar surat dan kita- saya pun hendak ucap terima kasih. Pengalaman itu sangat saya hargai. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua saya menyokong Bajet 2018. Terima kasih... [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat akan saya berikan kemudian- lagi ada beberapa hari lagi.

Yang Berhormat Senator Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim, silakan.

## 2.54 ptg.

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** *Bismillahi Rahmani Rahim... [Mengucapkan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Perak Aman Jaya, juga salam negaraku, Malaysia.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bajet 2018 yang dibentangkan Dewan Rakyat pada 27 Oktober yang lalu oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan merupakan bajet yang terbaik untuk rakyat dan negara.

Bajet tersebut memperuntukkan belanjawan berjumlah RM280.25 bilion adalah bajet yang inklusif dan komprehensif untuk semua lapisan masyarakat dan dalam masa yang sama memacu pembangunan negara. Banyak yang telah diperkatakan oleh pelbagai golongan mengenai bajet ini. Termasuk di Dewan Rakyat golongan profesional dan pakar-pakar ekonomi, penganalisis syor-syor politik, para perancang, masyarakat perniagaan dan korporat termasuk sembang rakyat di kedai kopi dan majlis-majlis sosial.

Ini mencerminkan bahawa rakyat Malaysia amat prihatin tentang bajet dan dalam keprihatinan itu terdapat golongan yang membuat pelbagai tafsiran mengikut selera dan

kecondongan politik masing-masing. Tidak kurang juga tafsiran daripada golongan yang saya sebutkan berwatak tiga dalam satu ataupun, dalam izin, 3-in-1 iaitu watak yang pertamanya, “watak tukang karut”; keduanya, “watak tukang kalut”; dan ketiganya, “watak tukang mencarut” [Ketawa]

Mereka yang berwatak tiga dalam satu ini berlagak pandai, mahir, berilmu tapi biarlah mereka yang memikirkan sendiri di mana berhujah atas topik-topik terpilih secara mengarut menyampaikan penceritaan dengan kalut dan akhirnya memperlekehkan dengan mencarut. Ini berlaku di ceramah-ceramah di luar sana. Kadang-kadang mereka menjadi askar upahan iaitu golongan tertentu untuk jadi badut mengelirukan rakyat.

Saya pun tidak mahu hendak mengupas panjang dalam perkara ini kerana nanti sekiranya saya juga terhasut begini saya menjadi salah satunya dan mungkin saya masuk ke dalam tukang yang nombor tiga tadi [Ketawa] Tukang mencarut. Terdapat juga golongan yang berwatak sesumpah. Ini dia banyak *colour* iaitu golongan yang boleh bertukar warna mengikut keadaan dalam kumpulan mana mereka berada pada masa tertentu. Golongan ini akan memuji bajet tersebut sekiranya dia berada dalam kelompok penyokong Barisan Nasional dan sebaliknya akan mengutuk serta memperlekehkan bajet kalau mereka berada dalam kelompok penyokong pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun sudah menjadi *trend* dan juga *brand* di negara kita ini bahawa walau bagaimana baik sekali pun bajet yang disediakan oleh pihak kerajaan, pihak pembangkang mesti bangkang dan sanggah habis-habisan.

Saya difahamkan di kebanyakan negara-negara maju pihak pembangkang menentang atau berhujah atas isu-isu tertentu sahaja secara terpilih mengikut prinsip perjuangan dan kepartian masing-masing. Berbeza sama sekali dengan apa yang diamalkan oleh pihak pembangkang di negara kita ini di mana kaedah yang digunakan oleh pembangkang ialah cara borong iaitu apa jua yang ada di dalam bakul bajet tersebut diperburukkan, sekali pun terdapat banyak pengisian yang baik. Kemudian dilontarkan hujah dangkal bagi menghalalkan matlamat mereka hendak memperlekehkan dan menolak bajet yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Salah satu isu yang saya rasa amat terpanggil untuk mengupas ialah pernyataan pihak pembangkang bahawa Bajet 2018 ini adalah satu lagi bukti kegagalan Kerajaan Barisan Nasional membela nasib rakyat, sekali gus juga dikatakan negara di ambang muflis. Dan ini menjadikan negara sebagai *failed state*, dengan izin, dengan ekonominya merudum, dicari pelbagai helah serta alasan untuk menguatkan hujah dangkal mereka itu, termasuk pembohongan dan memanipulasikan data-data petunjuk ekonomi.

## ■1500

Saya yang bukan pakar ekonomi ini pun dapat sedikit sebanyak menjangkau tohmahan pembangkang yang mengatakan negara ini sedang diambang muflis. Saya jadi hairan apa yang terjadi pada pakar-pakar ekonomi dan pemikir-pemikir dalam pakatan pembangkang sehingga tidak nampak pada realiti ekonomi yang berlaku di negara ini.

Realiti pertamanya iaitu Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terus mencatatkan pertumbuhan, malah Bank Dunia meramalkan Malaysia akan mencapai pertumbuhan KDNK

pada kadar 5.2 peratus bagi tahun 2017. Seluruh dunia menggunakan angka KDNK sebagai petunjuk ekonomi sesebuah negara dan seluruh dunia tahu bahawa KDNK Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan. Oleh itu, mana mungkin ekonomi yang terus berkembang boleh dikatakan diambah muflis. Oleh sebab ekonomi negara terus berkembang, maka itu ia telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara kasar yang telah meningkat hampir 50 peratus semenjak tahun 2009.

Seterusnya juga, ini menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah bulanan yang meningkat daripada RM6,141 semasa 2014 kepada RM6,958 pada tahun 2016. Ekoran daripada peningkatan pendapatan isi rumah bulan ini, kadar kemiskinan tegar di Malaysia telah berkurangan daripada 3.8 peratus pada 2009 kepada hanya 0.4 peratus pada 2016. Satu lagi petunjuk positif ialah perbelanjaan penggunaan isi rumah rakyat Malaysia secara purata setiap bulan telah meningkat daripada RM3,578 pada 2014 kepada RM4,033 pada 2016.

Bagi tujuan rasionalisasi dan subsidi bersasar supaya mengurangkan beban sara hidup golongan bawahan, skim Bantuan Rakyat 1Malaysia ataupun yang disebut yang begitu popular iaitu BR1M untuk tahun 2018 dijangka kira-kira 7 juta penerima akan mendapat bantuan ini yang dianggarkan berjumlah RM6.8 bilion.

Jika negara ini diambah muflis dan tidak ambil peduli terhadap kesejahteraan rakyat, mana mungkin BR1M boleh diteruskan. Kalau pula kita lihat di sekeliling kita, pembangunan fizikal seperti pelbagai bangunan komersial dan kediaman, kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur seperti rangkaian jalan raya dan kemudahan pengangkutan awam seperti MRT, LRT, ETS dan sebagainya, gaya hidup pelbagai lapisan masyarakat dan corak mereka berbelanja juga tidak langsung mencerminkan apa yang ditohmah oleh pembangkang bahawa negara ini adalah negara yang gagal atau *failed state*, dengan izin, dan tidak-jangan menunjukkan tanda-tanda ini sedang diambah muflis ataupun bankrap.

Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Boleh mencelah?

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Boleh, silakan

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Daripada awal perbahasan Yang Berhormat sehingga salah baru suku perbahasan, hampir tiga kali Yang Berhormat menyebut pembangkang kerap kali menyatakan Malaysia ialah *a failed state*, dengan izin, tetapi realitinya ia nya tidak sedemikian. Saya hendak tanya dan minta pencerahan daripada Yang Berhormat, satu, kenapakah pembangkang berbalik-balik menuduh, memfitnah, menabur adu domba ini adakah kerana di dalam kecil mereka, mereka mempercayai bajet yang dibentangkan itu adalah sebenarnya bajet yang boleh membantu rakyat? Ini kerana di pihak mereka kita pun tidak boleh nafikan ada juga pakar-pakar ekonomi.

Mungkin dalam sudut jauh hati mereka, mereka mengakui inilah bajet yang terbaik, tetapi mereka tidak ada pilihan. Mereka bukanya pembangkang seperti negara-negara lain Yang Berhormat sebut tadi, jadi mereka terpaksa kerja dia bangkang,bangkang, bangkang. Macam A.R. Tompel sebut dahulu, “*Asyik bangkang sahaja, bila hendak selesai?*” Jadi, mereka

hanya terpaksa membangkang dan memfitnah tetapi jauh di sudut mereka, mereka mempercayai inilah bajet yang terbaik yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri yang cukup baik dan luar biasa. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim:** Terima kasih sahabat, Yang Berhormat Datuk Megat ini. Dalam kaedah pertanyaan tadi iaitu pembangkang masih mencari jalan melaksanakan usaha bagaimana untuk mengelirukan rakyat iaitu bahawa bajet yang diterangkan ini tidak baik dan banyak merugikan rakyat.

Dalam pandangan mengikut pengalaman saya iaitu bajet yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak ini dan lepas ini ada hendak saya sebut perkara itu iaitu bajet yang terbaik untuk rakyat. Oleh sebab ambang- ya lah, kalau kita lihat mungkin ada yang kata lagi beberapa bulan ataupun lagi beberapa minggu, ada yang kata lagi ada beberapa hari untuk memilih kerajaan semula. Jadi oleh sebab jawapannya dalam pandangan saya oleh sebab ini bajet terlalu pahit, maka mereka khuatir bahawa ia akan menyempurnakan kehidupan rakyat dan akhirnya rakyat akan memilih kerajaan yang sedia ada ini, bukan sekadar dengan Kerusi yang ada sekarang dan saya yakin akan bertambah lagi. Ini yang dikhuatirkan. Itu jawapan saya. Semoga ia dapat bersetuju dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping aspek-aspek yang saya sentuh, elok juga saya katakan dengan aspek-aspek perkembangan ekonomi yang mencerminkan negara ini bukan diambang muflis seperit yang ditohmahkan oleh mereka. Sekiranya kita melihat nilai eksport negara pada Mac 2017, mencecah RM82.63 bilion iaitu bulanan tertinggi dalam sejarah Malaysia. Jadinya kita ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, kepimpinan tertinggi kerajaan iaitu Yang Amat Berhormat Dato Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan barisan kementerian yang telah pun menjayakan perkara ini.

Bagi mengekalkan kelestarian trend yang positif itu, kerajaan yang diterajui Barisan Nasional mengambil langkah proaktif dari pelbagai dimensi untuk memperkasakan sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) supaya sektor ini dapat memainkan peranan semakin penting dalam pertumbuhan perniagaan domestik dan juga eksport, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan KDNK dan pendapatan negara.

#### ■1510

Untuk itu Bajet 2018, menyediakan peruntukan yang agak banyak, tinggi iaitu RM22.2 bilion yang merupakan jumlah peruntukan yang paling tinggi dalam sejarah pengembangan IKS. Soalnya, apakah petunjuk-petunjuk positif tersebut masih boleh dipesongkan daripada realiti? Pihak pembangkang masih beria-ria benar menyatakan negara kita ini diambang muflis dan merupakan *failed state*. Dilihat dari segi perancangan fizikal pula iaitu pada tahun 2009, defisit fiskal negara pada kadar 6.7 peratus daripada KDNK. Iaitu rasa saya kalau tidak silap sayalah, zaman yang sebelum ini, yang selalu cakap tidak elok sekarang ini, ha zaman dia, 6.7 peratus.

Manakala pada tahun 2017, ia telah berkurang kepada 3.0 peratus dan diunjurkan terus menurun lagi kepada 2.8 peratus pada tahun 2018. Justeru, baru-baru ini, tiga agensi penarafan kredit antarabangsa yang berwibawa telah mengekalkan kredit Malaysia pada

penarafan, saya sebut sini saya punya kajian ‘A’ tetapi semalam Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Mohd Najib kata ‘A-’ tetapi dijangka. Jikalau kita menang pilihan raya kali ini lebih baik, maka penarafan ini dari A- akan pergi ke ‘A’, ataupun ‘A+’, dengan prospek yang stabil.

Dari segi rizab antarabangsa ataupun *reserve fund*, dengan izin. Negara kita mencatat USD101.4 bilion atau RM428.7 bilion iaitu satu jumlah yang mampu menampung 7.5 bulan nilai import tertangguh. Sedangkan pada tahun 1997, hanya USD21.7 bilion. Itu yang dia kata terbaik. Akan tetapi pada kali ini yang terbaik itu sudah tidak betul, sudah pun diatasi oleh kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Apakah ini tanda negara bankrap?

Saya tidak terkejut kalau juak-juak pendatang baru dalam kotak pembangkang, memukul gendang fitnah untuk menghalalkan keberadaan mereka dalam politik pembangkang. Saya juga tidak berapa hairan kalau jurucakap-jurucakap DAP memperlekehkan bajet yang disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Ini kerana kita sudah lebih dari kenal watak-watak mereka selama ini. Walhal, melalui bajet-bajet yang disediakan oleh Barisan Nasional-lah mereka telah mampu hidup senang lenang di bumi bertuah Malaysia ini.

Akan tetapi saya paling rasa hairan dan terasa bengang juga, bengang tu maksudnya pening. Pening juga iaitu apabila mantan pemimpin UMNO, termasuk yang menerajui UMNO dan Kerajaan Malaysia selama 22 tahun bersekongkol dengan sekutu-sekutu baru. Mereka menyerang Bajet 2018. Serangan mereka itu pula bersalut kebencian terhadap Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Walhal, mereka itu pernah berada di dalam kapal UMNO dan yang seorang itu pernah jadi nakhoda kapal UMNO serta mengetuai Kerajaan Barisan Nasional selama 22 tahun dan merupakan mentor kepada Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Mohd. Najib. Pelik tetapi benar.

Apabila dendam kesumat bermotifkan kepentingan dan ego peribadi dibiarkan menguasai kewarasan fikiran, maka itulah jadinya. Seorang bertaraf negarawan boleh berpaling arah mengutuk negaranya sendiri, teman seperjuangannya sendiri, malah anak didiknya sendiri, semata-mata untuk menghalalkan matlamat peribadi yang ingin terus menunjangi persada perdana walaupun musim untuk beliau telah pun berlalu. Sudah lebih sangat, kita melihat umur pun sudah tidak mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, setahu saya kesejahteraan dan kemakmuran yang dinikmati rakyat Malaysia selama ini adalah hasil perancangan sosioekonomi yang mantap oleh kerajaan yang diterajui oleh Barisan Nasional. Tahap pembangunan yang kita capai sekarang ini bukan terjadi dengan sendiri. Kita juga tahu bahawa permohonan itu dibiayai melalui dana yang di peruntukan dalam bajet negara yang disediakan oleh kerajaan yang memerintah. Kita juga tahu bahawa kerajaan yang memerintah negara ini belum pernah bertukar kepada pihak lain.

Ini bermakna, apa yang kita capai selama ini adalah hasil perancangan rapi oleh kerajaan yang diterajui oleh Barisan Nasional. Siapa yang boleh manafikan hakikat ini? Jikalau Tun Dr. Mahathir dan sekutunya ingin manafikan hakikat ini, ia ibarat meludah ke langit. Secara mudah, saya ingin berhujah bahawa jika jumlah belanjawan bajet ditambah dan sekali gus belanja membangun ditambah dan permohonan itu adalah berpaksikan kesejahteraan rakyat,

apakah bajet yang sedemikian itu dianggap tidak baik dan wajar dikata, dikutuk, difitnah dan lain-lainnya lagi?

Jikalau saya boleh menukar watak kepada watak tiga, yang saya sebut tadi. Tiga dalam satu yang saya katakan tadi iaitu watak karut, watak kalut dan watak mencarut, mungkin saya gunakan watak yang ketiga. Ini jawapan tadi iaitu carut untuk menerjah tohmahan yang memperlekehkan Bajet 2018 ini. Walau bagaimanapun, itu bukan watak orang BN sejati. Betul Tuan Yang di-Pertua? [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung untuk menyentuh beberapa butiran yang terkandung dalam Bajet 2018. Dari jumlah belanjawan RM280.25 bilion yang disediakan, RM234.25 bilion untuk belanja mengurus dan RM46 bilion untuk pembangunan. Dari RM46 bilion untuk pembangunan itu, sebahagian besar digunakan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui pelbagai program sosioekonomi. Ini termasuklah RM1.249 bilion untuk bantuan kebaikan iaitu RM436 juta untuk golongan miskin, RM100 juta untuk orang kurang upaya, RM603 juta untuk warga emas dan RM110 juta untuk masyarakat Orang Asli. RM6.8 bilion untuk penerima BR1M, RM1.5 bilion untuk perumahan mampu milik, RM10 bilion untuk pelbagai subsidi dan macam-macam lagi.

Semalam saya pun ingin mengucapkan setinggi terima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang menjemput ke makan tengah hari, dan menyediakan apa yang telah diberikan peruntukan oleh kerajaan secara terperinci. Rasa saya boleh disebutlah mana negara yang menyediakan bantuan-bantuan yang sebegini dalam menyediakan modal insan. Kita boleh lihat sehingga bantuan makanan persekolahan RM92,933,400 untuk tahun 2018- RM90 juta. Lagi, kelas dewasa ibu bapa untuk Orang Asli dan Penan, itu pun disediakan. Bantuan pakaian seragam badan beruniform iaitu dulunya RM2,300,000, dah naik ke RM4,700,000. Bantuan jaket keselamatan, bantuan Wang Amanah Pelajar Miskin dan banyak lagi di sini yang saya rasa boleh kita dapati daripada Kementerian Pendidikan sendiri. Dan mana-mana yang pergi semalam, dapat. Dan terima kasih juga- apa namanya tu, tab kan? Semalam yang hadir dapat. Tab ya...

## ■1520

Jadi, sebenarnya inilah di antara faktor yang menakutkan pihak pembangkang, Yang Berhormat Datuk Haji Megat. Mana Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat tadi? Mereka menentang habis-habisan bajet ini bukan kerana bajet ini tidak baik tetapi kerana terlalu baik dan mampu menarik sokongan majoriti rakyat. Lantas, menimbulkan kesukaran buat pembangkang meraih populariti dan undi rakyat pada PRU Ke-14. Maka itu, mereka perlu kutuk, perlu kata- kadang-kadang saya kesian tengok watak-watak yang sedemikian itu kerana menjadikan diri masing-masing sebagai badut politik kepada golongan yang ingin melihat negara ini hancur.

Untuk melariskan peranan badut mereka itu, media sosial dijadikan pelantar utama untuk melancarkan serangan terhadap BN dan kepimpinan UMNO. Diupah *cyber troopers* untuk mengelirukan fikiran rakyat dengan bertubi-tubi memuat turun pelbagai fitnah dan

tohmah yang sebahagiannya tidak berkaitan dengan soal bajet tetapi berbentuk serangan peribadi dengan nada penuh kebencian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melestarikan pertumbuhan ekonomi, Bajet 2018 melonjakkan peranan pelaburan swasta kepada nisbah 70:30 dengan pelaburan awam. Untuk itu, pelaburan swasta dijangka mencecah RM260 bilion pada tahun 2018. Bagi mendorong kecapaian itu, persekitaran ekonomi domestik perlu menimbulkan minat pelabur. Dalam pada pihak kerajaan berusaha ke arah itu, pihak pakatan pembangkang menabur segala macam tohmah dan fitnah seolah-olah negara ini penuh dengan masalah dan berisiko untuk para pelabur. Bagi saya, golongan yang melakukan perkara jelik seperti ini wajar digelarkan penderhaka.

Rakyat perlu disedarkan tentang perbuatan mensabotaj negara oleh pihak tersebut. Jika segala perancangan kerajaan berjalan dengan lancar tanpa sabotaj, dijangkakan 3.3 juta peluang pekerjaan dapat diwujudkan menjelang tahun 2020. Ini akan memberi manfaat kepada rakyat terutama golongan muda. Akan tetapi, jika usaha murni ini juga disabotaj oleh golongan tertentu untuk mengisi agenda politik mereka, rakyat patut tahu menghukum golongan tersebut melalui peti-peti undi pada PRU yang ke-14 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 ini memerlukan dukungan dan sokongan rakyat jelata supaya segala yang direncanakan dapat berjalan lancar dan keberhasilannya dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat. Jangan disebabkan anasir politik, kebencian dan dendam kesumat, fikiran rakyat diracuni dan dalam keracunan itu diselitkan harapan yang tidak berpijak pada realiti. Lantas, sekutu yang menggelarkan diri mereka Pakatan Harapan menabur segala macam harapan yang melangit tanpa berpijak di bumi nyata yang akhirnya berkesudahan dengan cakap tidak serupa bikin dan rakyat jadi mangsanya.

Saya sangat-sangat berharap dan percaya bahawa rakyat semakin bijak membezakan antara realiti dan khayalan, antara pembuktian dengan omong-omongan dalam erti kata hanya jauhari yang mengenal manikam. Percayalah bahawa negara kita ini telah diletakkan di atas landasan yang betul serta kukuh oleh Kerajaan Barisan Nasional dan percayalah bahawa di atas landasan itu, kita akan bergerak maju mencapai taraf negara maju di mana setiap lapisan masyarakat akan hidup dalam aman dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhirkan perbahasan saya, ingin saya memohon ataupun mengangkat permohonan daripada rakyat negeri Perak iaitu kita amat memerlukan lapangan terbang untuk menggantikan Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah yang sudah tidak sesuai untuk memberikan perkhidmatan pengangkutan udara.

Jadinya, sekali lagi saya merayu kepada kementerian. Walaupun jawapan secara bertulis telah berada pada saya tetapi saya masih lagi merayu untuk rakyat negeri Perak. Ini kerana ini merupakan manifesto Kerajaan Barisan Nasional di negeri Perak yang telah pun memenangi Pilihanraya Umum Ke-13 dahulu. Jadinya, sekiranya perkara ini tidak dapat diperjelaskan ataupun tidak dapat dilaksanakan, bagaimana kita ini, bagaimanalah kami untuk menjawab kepada mereka? Jadi, saya pohon kementerian tersebut berilah jawapan yang agak memberangsangkan ataupun memberikan- ya lah, sebaiknya luluslah, Tuan Yang di-Pertua.

Jadinya, dengan kata-kata itu, saya mohon mengakhiri perbahasan saya ini. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Tadi nampaknya tidak ramai yang *dok tanya*, tidak susah saya hendak jawab. So, saya sudahi iaitu saya menyokong. Saya menyokong Bajet 2018. Saya sudahi dengan *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa.

### 3.27ptg.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Membaca sepotong doa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Bajet 2018 pada kali ini dan cuba berkongsi dan juga memberi sumbangan supaya bajet ini dapat dilaksanakan dengan baik. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan di atas kejayaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan di atas kejayaannya menyediakan bajet yang begitu baik dan membentangkannya kepada kita semua.

Satu bajet yang menyeluruh yang bertujuan untuk memberi kesejahteraan kepada kehidupan rakyat di dunia ini dan juga di akhirat nanti. Maknanya, tujuan bajet ini merentasi dua alam iaitu kesejahteraan di dunia ini dan juga kesejahteraan di akhirat nanti. Untuk mendapatkan kesejahteraan rakyat di dunia ini, sudah pasti memerlukan kepada suatu usaha yang gigih yang menjadi tanggungjawab kerajaan untuk melaksanakannya.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa kerajaan adalah merupakan suatu pemegang amanah yang besar di dunia ini. Bukan sahaja amanah rakyat tetapi amanah Allah SWT yang selalu kita sebut di dalam bacaan solat kita. "*Bismillahi Rahmani Rahim*"- dengan nama Allah yang amat pemurah lagi amat mengasihani. "*Alhamdulillah*"- segala puji dan sanjungan kita hanyalah kepada Allah. "*Rabbil 'alamin*"- Tuan dan Tuhan kepada seluruh alam. "*Ar-Rahmanir Rahim*"- Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

### ■1530

Ayat yang selalu diulang-ulang di dalam bacaan solat kita ini memberi gambaran atau memberi peringatan kepada kerajaan dan rakyat bahawa dunia ini ada tuannya dan ada pemiliknya yang bernama Allah yang sentiasa menjaga dan memelihara alam ini dengan membekalkan segala keperluan dan kemudahan alam kepada semua manusia dan sebahagian daripada hambanya itu dilantik menjadi kerajaan yang bertanggungjawab kepada orang-orang yang menjadi rakyatnya.

Ketuhanan Allah memang jarang-jarang disebut di dalam politik tetapi kita sentiasa diperingatkan supaya ketuhanan Allah itu sentiasa disebut kerana Dia lah segala-galanya. Dalam pelaksanaan terhadap bajet ini kita hendaklah sentiasa bersyukur kepada Allah SWT yang memberi rahmat dan nikmatnya kepada negara kita yang menjadikan Malaysia sebuah

negara maju, negara Islam yang dihormati di dunia hari ini. Ini semua kerana kesungguhan yang ditunjukkan oleh kerajaan dan juga rakyat dalam mencapai matlamat negara ini.

Untuk menyediakan satu bajet yang menyeluruh seperti ini merupakan suatu kerja yang bukan mudah dan untuk melaksanakannya sudah pasti ia lebih payah lagi. Walau bagaimanapun, sebagai kerajaan dan juga rakyat mestilah memohon kepada Allah SWT semoga diberikan pertolongan, petunjuk supaya apa yang dirancang kan itu berjalan dengan baik. Sebagai sebuah kerajaan yang menjadikan Islam sebagai agama rasminya, adalah sentiasa mengingati amanat Allah SWT dalam apa sahaja tindakannya khususnya dalam melaksanakan amanah peruntukan negara sebagaimana yang dibentangkan dalam bajet ini.

Allah SWT berfirman... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Antara maksudnya, berimanlah kamu dengan Allah dan RasulNya, dan berbelanjalah sebahagian daripada harta yang menjadikan kamu sebagai penguasaNya maka orang-orang yang beriman di antara kamu dan membelanjakan hartanya di jalan Allah mereka akan diberikan ganjaran pahala yang besar. Surah Al-Hadid, ayat ke-7.

Dalam melaksanakan Bajet 2018 ini juga, kita mesti mengingati amanah Allah SWT kepada para pemerintah iaitu firman Allah... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Maksudnya, Allah memerintahkan kamu supaya kamu menunaikan amanah-amanahNya kepada yang berhak yang menerimanya dan apabila kamu menghukum di antara manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil. Di dalam ayat ini terdapat dua prinsip kesejahteraan iaitu pertama menunaikan amanah, yang kedua melakukan keadilan.

Amanah yang dipertanggungjawabkan kepada kerajaan adalah terlalu amat besar di mana di dalam surah Al-Fatihah mengingatkan kita kepada suatu masa yang sedang menunggu sama ada kerajaan ataupun rakyat... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Iaitu Allah lah yang menguasai hari pembalasan. Maknanya segala apa yang dilakukan oleh kerajaan dan juga oleh rakyat akan mendapat balasan Allah SWT di akhirat nanti menurut amalan masing-masing.

Dua prinsip kesejahteraan ini perlu diberi peringatan oleh kerajaan kepada semua agensi-agensi kerajaan dan mendidik mereka supaya dapat menunaikan amanah kerajaan dengan sebaik-baiknya serta melakukan keadilan tanpa mengira bangsa dan juga agama. Allah juga memberi peringatan kepada kerajaan dan semua pihak dengan firmanNya... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Bermaksud, wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang-orang yang menegak kebenaran kerana Allah menjadi saksi dengan penuh keadilan. Janganlah kemarahan kamu kepada sesuatu kaum mendorong kamu tidak berlaku adil, berlaku adil lah kerana keadilan itulah yang lebih dekat kepada ketakwaan dan bertakwalah kamu kepada Allah. Itulah prinsip-prinsip yang perlu dipatuhi oleh kerajaan sebagai suatu prinsip universal untuk menjamin kesejahteraan yang menjadi matlamat kepada Bajet 2018 ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya semua rakyat sangat-sangat mengharapkan bajet ini dapat merealisasikan lima teras yang penting atau lima asas yang penting.

Pertama, mengekalkan segala kebaikan yang ada di negara kita ini. Banyak kebaikan yang sudah dilakukan di negara kita sekarang. Apa yang paling penting ialah kebaikan-kebaikan yang sedia ada seperti perpaduan rakyat, kemesraan di antara rakyat, bantu-membantu, tolong-menolong dan lain-lain perlu dikekalkan.

Kedua, dapat meningkat dan mengembangkan lagi segala kebaikan-kebaikan yang ada itu, *insya-Allah* dengan bajet ini segala kebaikan yang ada di negara kita ini dapat dikembangkan lagi sama ada dalam bidang pendidikan, ekonomi dan lain-lain.

Ketiga, dapat membuang segala kelemahan-kelemahan yang berlaku di dalam berbagai-bagai sektor kehidupan kita. Kita terpaksa mengaku bahawa negara kita juga mempunyai kelemahan-kelemahannya. Rakyat juga mempunyai kelemahan-kelemahannya, banyak isu-isu sosial yang terpaksa dihadapi.

Walau bagaimanapun, itu semua adalah ujian untuk kita atasi dengan sebaik-baiknya. Sebagai contoh gejala dadah yang menjadi musuh nombor satu negara sampai ke hari ini tidak dapat diselesaikan dengan baik. Ini merupakan satu bahaya yang sangat penting. Walau bagaimanapun, dengan Bajet 2018 ini kita mengharapkan segala kelemahan untuk menghadapi ancaman negara ini dapat diperkuatkan supaya kita benar-benar dapat mengatasi apa sahaja kelemahan dan ancaman kepada negara kita ini.

Keempat, kita mengharapkan Bajet 2018 ini dapat mencetuskan dan meneroka idea-idea yang baru yang baik dan memberi manfaat kepada rakyat. *Alhamdulillah* di Dewan yang mulia ini telah berlaku suatu percambahan idea-idea yang baru. Banyak pandangan yang diberikan, jadi kita harap semoga pihak kerajaan dapat mengumpulkan semua idea-idea baru ini dan dapat ditafsirkan secara amali dalam kehidupan atau dalam tindakan terhadap pelaksanaan bajet ini.

Kelima, dapat mengembangkan lagi idea-idea yang baru itu untuk kepentingan negara dan semua rakyat. *Insya-Allah* jika kelima-lima perkara ini dapat dilaksanakan dengan baik ia akan dapat menjana kekuatan dan kesejahteraan yang menjadi matlamat kepada bajet ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat sangat mengalu-alukan dasar transformasi negara. *Alhamdulillah* sudah banyak sektor telah dilakukan transformasi.

#### ■1540

Soalan saya, sudah berapa banyak sektor yang sudah berjaya ditransformasikan setakat ini? Sudah berapa banyak wang yang dibelanjakan atau digunakan dalam proses transformasi ini? Berapa banyak lagi sektor-sektor yang belum ditransformasikan lagi? Satu lagi soalan saya ialah, sejauh manakah kejayaan yang dicapai setakat ini hasil daripada proses transformasi negara ini? Di kesempatan ini juga saya ingin bertanya, bagaimana dengan transformasi dalam sektor undang-undang Islam? Kehakiman Islam dan juga mahkamah syariah di mana sektor ini tidak begitu mendapat perhatian dalam bajet ini.

Sektor ini sebenarnya terbiar dan dibiarkan begitu lama. Sudah sampai masanya sektor ini diberikan perhatian supaya kehakiman Islam dapat ditegakkan sebagaimana sepatutnya. Mahkamah syariah yang menjadi fardu kifayah kepada umat Islam dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Mahkamah syariah sudah sepatutnya diberikan kuasa

sepenuhnya untuk menjalankan tugasnya supaya semua undang-undang Allah atau undang-undang Islam dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Hukum Islam atau mahkamah syariah merupakan undang-undang yang pertama sekali semenjak Raja-Raja Melayu atau umat Melayu menerima Islam dalam sejarah mereka. Undang-undang Islam sudah dilaksanakan begitu lama sebelum kedatangan penjajah. Apabila datangnya penjajah, undang-undang dan juga sistem kehakiman Islam atau mahkamah syariah diganti dengan undang-undang barat dan undang-undang ini menjadi satu sektor yang sangat sempit dan sektor yang tidak diberikan perhatian sehingga mahkamah syariah pada hari ini hanya berperanan dalam undang-undang kekeluargaan atau dari sektor yang sangat sempit.

Sudah sampai masanya pihak kerajaan melalui bajet ini memberikan peruntukan yang sewajarnya kepada sektor ini supaya undang-undang Islam dapat dikembangkan dengan sebaik-baiknya dan mahkamah syariah mendapat peruntukan yang sepatutnya bagi menyelesaikan segala masalah di mana sektor ini begitu terbiar sudah begitu lama. Sekali lagi, saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah yang telah sedang dan akan diambil oleh kerajaan untuk merealisasikan transformasi dan institusi kehakiman dan mahkamah syariah agar institusi ini mempunyai bidang kuasa yang cukup untuk melaksanakan undang-undang Islam sepenuhnya sebagai mana yang dituntut oleh Allah dan rasul.

Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk melakukan transformasi undang-undang negara supaya tidak ada undang-undang negara yang bercanggah dan bertentangan dengan agama negara itu sendiri iaitulah Islam demi kesejahteraan dunia dan akhirat sebagai mana yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Almarhum Profesor Ahmad Ibrahim, Syeikh Kuliah Undang-undang Islam satu masa dahulu pernah mencadangkan kepada kerajaan supaya menyelaraskan undang-undang negara dengan undang-undang Allah yang Maha Agung supaya negara kita tidak mengamalkan undang-undang yang bercanggah dengan undang-undang universal iaitu undang-undang Allah SWT.

Dalam konteks ini, saya bercadang supaya kerajaan memberikan perhatian yang serius dalam penyelarasan undang-undang negara dengan undang-undang syariah supaya tidak berlaku sesuatu pertembungan demi menjamin kesejahteraan rakyat di dunia ini dan juga di akhirat nanti. Jika undang-undang negara ini bercanggah dengan undang-undang Allah, sudah pasti ia akan berlaku suatu kemalangan yang sangat merbahaya. Allah SWT telah memberikan amaran... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Antara maksudnya, apabila Kami (Allah) hendak menghancurkan sesebuah negara, Kami perintah orang-orang yang mewah dalam negara itu supaya mematuhi Allah. Akan tetapi apabila mereka berdegil dan meneruskan keburukannya dan sampailah pada satu tahap untuk Kami mengambil tindakan terhadapnya, maka Kami hancurkan negara itu sehancur-hancurnya. *Nauzubillahiminzaliq.*

Semoga perkara ini tidak berlaku kepada negara kita Malaysia yang tercinta ini. Oleh yang demikian, kerajaan hendaklah sentiasa menjaga hubungan dengan yang Maha Berkuasa iaitu Allah SWT. Jika kita boleh menjaga hubungan dengan negara-negara di dunia dan juga

hubungan sesama manusia dengan baik, maka hubungan yang paling penting yang kita mesti jaga ialah hubungan kita dengan Allah SWT.

Oleh yang demikian, Allah menjanjikan pertolongan kepada orang-orang yang sentiasa mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT. *Alhamdulillah*, negara kita Malaysia mempunyai hubungan yang baik dengan Allah. Oleh yang demikian, maka negara kita diberikan rahmat oleh Allah dan mencapai kemajuan sebagaimana yang berlaku sekarang ini.

Walau bagaimanapun, hubungan ini perlu diteruskan dan diberikan perhatian supaya hak-hak Allah itu diberi atau ditunaikan sebagai mana kita menunaikan hak-hak rakyat dan juga hak-hak manusia. Allah berfirman... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Antara maksudnya, sesungguhnya Allah akan menolong orang-orang yang menolongnya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat dan Maha Berkusa.

Orang-orang yang menolong Allah itu ialah... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* laitut orang-orang yang diberikan kuasa kepada mereka untuk memerintah di bumi ini. Mereka mendirikan solat, menunaikan zakat... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bermaksud, orang-orang yang dijanjikan oleh Allah untuk menolongnya itu ialah orang yang diberikan kedudukan oleh Allah di bumi. Termasuklah Kerajaan Malaysia.

Mereka meluru mendirikan solat dan menunaikan zakat. Solat merupakan hubungan kita dengan Allah, sama ada kerajaan ataupun rakyat. Dia mungkin juga menunaikan zakat, menyuruh makruf dan melarang mungkar. Ini merupakan tanggungjawab kerajaan yang diberikan kuasa oleh Allah SWT untuk memerintah dan mentadbir di bumi ini termasuklah Kerajaan Malaysia.

Mendirikan solat merupakan tanggungjawab kerajaan supaya solat ini tidak putus atau hubungan rakyat dengan hubungan kerajaan dengan Allah dan juga hubungan rakyat melalui solat ini tidak putus. Oleh hal yang demikian, ada satu suasana yang sangat membimbangkan apabila gejala meninggalkan solat ataupun mengabaikan solat di kalangan rakyat berlaku dengan begitu hebat di akhir-akhir ini. Oleh yang demikian, saya mencadangkan semua pihak supaya mengambil berat isu meninggalkan solat ini dengan isu tidak menunaikan zakat, tidak menyuruh makruf dan melarang mungkar. Hal ini kerana akan menjadi suatu ancaman kepada keamanan dan keselamatan negara kita ini. Sekali gus akan menempah bala apabila Allah memurkainya.

Menurut satu kajian terhadap orang-orang yang meninggalkan solat di negara kita ini, didapati bahawa gejala meninggalkan solat ini begitu banyak dan begitu berat sekali. Hal ini kerana solat dianggap sebagai satu urusan peribadi dan tiada satu undang-undang yang menjaganya. Oleh hal yang demikian, manusia dengan sewenang-wenangnya meninggalkan solat dan mereka tidak merasa bahawa meninggalkan solat itu merupakan satu tindakan memutuskan hubungan dengan Allah SWT. Ia lebih bahaya daripada memutuskan hubungan kita dengan makan minum, elektrik, kesihatan dan sebagainya.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada pihak kerajaan demi untuk menyejahterakan rakyat supaya mereka juga mengambil berat tentang kewajipan fardu ain dan

fardu kifayah di dalam kehidupan mereka supaya negara kita tidak terancam dengan gejala-gejala ini.

■1550

Bermula daripada meninggalkan solat, dengan sendirinya mereka itu akan melakukan kejahatan-kejahatan yang lain. Berlakunya penyalahgunaan dadah sebenarnya bermula dengan penyalahgunaan manusia. Apabila manusia sudah berani menderhaka kepada Allah, dengan sendirinya dia akan berani menderhaka kepada kerajaan dan pemerintah dan dia berani menderhaka kepada kedua-dua ibu bapa dan berani menderhaka kepada apa sahaja kerana mereka sudah tidak ada hubungan lagi dengan Allah. Mereka tidak mengenal lagi siapa itu Allah dan mereka tidak mengenali lagi masa depan yang sedang menunggu mereka di akhirat nanti.

Oleh hal yang demikian, adalah sangat penting demi menjaga keamanan dan keselamatan negara kita dengan kita melaksanakan tanggungjawab kerajaan supaya tidak ada rakyat yang memutuskan hubungan dengan Allah dan sekali gus membawa mereka kepada melakukan kemungkaran-kemungkaran yang merosakkan keamanan dan keselamatan negara kita ini. Kita jangan melihat bahawa meninggalkan solat itu suatu tindakan peribadi yang hanya berkesan kepada peribadi sahaja. Malah, ia merupakan satu gejala yang sangat berbahaya, lebih merbahaya daripada gejala dadah dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan hasrat Kerajaan Pusat untuk mengembalikan semua hak negeri Sabah dan Sarawak menurut perjanjian negeri Sabah dan Sarawak dengan Kerajaan Pusat. Semoga apa yang dijanjikan ini benar-benar berlaku kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Memang kerajaan yang adil adalah kerajaan yang memberi hak kepada yang berhak dan menarik hak daripada yang tidak berhak dengan menggunakan kuasa yang ada.

Dalam kesempatan ini, saya ingin bertanya kepada Kerajaan Pusat, apakah kerajaan berhasrat untuk mengembalikan semua hak kepada negeri Sabah dan Sarawak sahaja? Bagaimana dengan hak-hak negeri lain, termasuklah hak negeri Kelantan? Pertama sekali ialah hak mendapat royalti minyak di negeri Kelantan yang sudah dinafikan begitu lama. Apakah hak ini dibiarkan begitu sahaja ataupun hak ini akan dinafikan selama-lamanya? Sesungguhnya pemberian wang ihsan kepada negeri Kelantan tidak boleh mengugat ataupun tidak boleh membantalkan perjanjian hak royalti negeri Kelantan.

Oleh hal yang demikian, saya juga mencadangkan supaya Kerajaan Pusat mengembalikan hak ini kepada negeri Kelantan supaya negeri Kelantan dapat membangun seperti negeri-negeri yang lain juga. Adalah tidak adil menuduh negeri Kelantan tidak maju ataupun miskin atau berbagai-bagai tuduhan lagi sedangkan hak yang sepatutnya mereka dapat untuk pimpinan negeri membina negeri ini dan memajukan negeri ini tidak dapat. Oleh hal yang demikian, sekali lagi saya merayu kepada pihak Kerajaan Pusat supaya menilai balik perjanjian ini dan memberi hak kepada yang berhak sebagaimana yang dijanjikan kepada Kerajaan Sabah dan Sarawak.

Sama juga hak lebuh raya di mana rakyat sangat menderita kerana satu-satunya negeri yang tidak ada lebuh raya ialah negeri Kelantan. Satu-satunya negeri yang tidak ada lebuh raya di Malaysia ini ialah negeri Kelantan. Rakyat sudah begitu lama menderita. Oleh hal yang demikian, saya ingin bertanya dalam kesempatan ini, bagaimanakah tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah lebuh raya yang menghubungkan Kelantan dengan Kuala Lumpur supaya rakyat tidak menderita lagi dan supaya rakyat tidak lama menunggu lebuh raya ini kerana penantian adalah merupakan satu penyeksaan. Sudah lama rakyat Kelantan terseksa dengan masalah ini.

Demikian juga dengan hak-hak yang telah dipersetujui dalam kontrak sosial yang termaktub dalam Perlembagaan. Hak-hak negeri dalam Persekutuan, hak-hak yang dijanjikan melalui perjanjian-perjanjian yang ditandatangani di antara Kerajaan Pusat dengan juga kerajaan negeri, demikian juga hak-hak mendapat bantuan dan pertolongan kerajaan dalam sektor-sektor yang tertentu kerajaan negeri dan kerajaan tempatan, hak-hak yang dijanjikan melalui bajet negara yang dibentangkan setiap tahun dan banyak lagi hak-hak yang lain.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Pusat yang membantu Kerajaan Negeri Kelantan dan, *insya-Allah*, dengan kerjasama yang baik di antara negeri Kelantan dengan Kerajaan Pusat, negeri ini akan dapat dimajukan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2018 juga telah memberi suatu perhatian kepada kelas ataupun pusat-pusat tahniz al-Quran di mana sejumlah besar bajet diberikan kepada mereka ini untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pusat-pusat tahniz. Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya tahniz ini dijadikan sebagai salah satu daripada aliran di sekolah menengah kerajaan sebagaimana aliran sains, aliran perdagangan dan lain-lain kerana sambutan kepada aliran tahniz sekarang ini begitu baik sekali.

*Insya-Allah*, jika aliran tahniz ini dibuka ataupun diadakan oleh pihak kementerian di peringkat sekolah menengah, ia akan menjadi suatu aliran yang memberikan kemudahan kepada ibu bapa untuk anak-anak mereka dan memenuhi minat dan hasrat mereka untuk menjadikan anak mereka sebagai tahniz. Ini adalah lebih selamat dan lebih menjamin masa depan anak-anak mereka kerana kita tengok institusi-institusi tahniz ini mengalami banyak masalah terutama bagi pusat-pusat tahniz yang tidak mempunyai keupayaan kewangan.

Walau bagaimanapun, saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya memperuntukkan satu peruntukan khusus kepada pusat-pusat tahniz ini supaya mereka juga dapat membantu kerajaan melalui institusi ataupun pusat-pusat tahniz ini.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh soal gejala sosial yang berlaku di negara kita sekarang ini. Bermula daripada penyalahgunaan dadah, penyalahgunaan manusia dan berbagai-bagi penyalahgunaan lagi. Oleh hal yang demikian, adalah sangat penting demi menjaga kesejahteraan rakyat ini supaya rakyat mendapat kesejahteraan dunia dan akhirat, maka kerajaan dengan kerjasama semua pihak perlu mengadakan suatu usaha yang sunggu-

sungguh supaya rakyat mendapat bekalan bukan sahaja daripada segi makanan dan keperluan jasmani tetapi juga keperluan rohani secara sepadu.

Rakyat memerlukan suatu pendidikan agama yang mencukupi kerana pendidikan agama ialah menjadi teras dan asas kepada kehidupan manusia. Kalau seseorang itu mempunyai pendidikan yang lain daripada agama ataupun pendidikan akademik yang cukup tetapi agamanya tidak cukup, sudah pasti dia tidak akan menjadi insan yang mulia atau insan yang dapat menjamin dirinya bagi menjana kesejahteraan dalam hidupnya. Oleh kerana itu, pendidikan agama adalah satu pendidikan yang sangat penting kerana kelemahan dalam pendidikan agama ini adalah menjadi faktor penting, faktor utama dalam penyalahgunaan manusia yang berlaku di negara kita sekarang ini.

#### ▪ 1600

Isu rasuah juga memang berpunca daripada kelemahan dalam agama selain daripada kelemahan-kelemahan yang lain. Isu dadah dan berbagai-bagai-bagai isu yang menjadi gejala sosial sekarang semuanya berpunca daripada kelemahan dalam pendidikan agama.

Oleh hal yang demikian, saya mengharapkan kerajaan memberi tumpuan yang khusus bagaimana untuk mendidik rakyat ini dengan agama. *Alhamdulillah*, kita Malaysia telah meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan, agama negara, agama yang dijamin oleh Allah SWT bagi menjana kesejahteraan dunia dan akhirat. Inilah merupakan satu kekuatan yang ada pada kita sekarang ini.

Oleh hal yang demikian, marilah kita sama-sama berusaha supaya pendidikan agama ini menjadi teras kepada semua pendidikan-pendidikan yang lain supaya kesejahteraan yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajet ini dapat dicapai.

Sebenar dan sesungguhnya tidak akan tercapai kesejahteraan yang sebenar kalau sekiranya pendidikan agama ini yang berdasarkan kepada keimanan kepada Allah, syariat Allah SWT dan juga ajaran-ajaran Islam yang menjamin kesejahteraan. Jika ia tidak dapat dilakukan dengan sempurna, sudah pasti ia akan membawa masalah kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, maka saya mengakhiri ucapan saya ini dengan memohon menyokong Bajet 2018. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff.

#### 4.02 ptg.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya hendak ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan kesempatan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan yang melibatkan pembentangan Bajet 2018 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 27 Oktober yang lalu.

Saya hendak maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua, saya dalam dua tiga hari ini saya kurang sihat sedikit sebab saya tidak ada perlindungan di bawah *aircond* ini kerana rambut tidak ada. Saya pun tertanya-tanya kenapa saya selesesa dalam dua tiga hari ini.

Rupanya ada *aircond blower* terus kepada kepala saya. Saya rasa selesa itu datang. Akan tetapi macam mana pun saya minat kerusi ini kerana saya takut perebutan kerusi akan mengakibatkan keadaan yang tidak baik. Jadi saya tetap akan duduk di sini dan terima kasih kerana ada *aircond* yang begitu sejuk sekali pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut berasa gembira dan berbangga kerana mendapat peluang untuk membahaskan Bajet 2018 yang dianggap bajet terbaik dalam tempoh kemerdekaan negara. Saya merumuskan bajet tersebut sebagai bajet prihatin yang menyaksikan tiada mana-mana kelompok...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah di atas pelantikan semula tempoh hari. Saya merumuskan bajet tersebut sebagai bajet prihatin yang menyaksikan tiada mana-mana kelompok masyarakat dipinggirkan dan adalah yang paling komprehensif serta menyeluruh meliputi pelbagai aspek pembangunan yang terbaik pernah diumumkan.

Sama ada mereka menyokong kerajaan atau pembangkang, bayi atau kanak-kanak, ibu atau warga emas, lelaki maupun wanita, pelajar ataupun mahasiswa, Melayu atau pun Cina, India ataupun bumiputera semuanya dirangkum bersama untuk menikmati faedah melalui pelbagai inisiatif yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Malah langkah ketara daripada pengumuman bajet itu juga, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menunjukkan keprihatinan amat tinggi terhadap kos sara hidup dan kesejahteraan rakyat melalui pengumuman penghapusan tol di tiga plaza tol iaitu Plaza Tol Batu 3 Shah Alam, Plaza Tol Sungai Rasau dalam negeri Selangor, Plaza Tol Bukit Kayu Hitam, Kedah, dan *Eastern Dispersal Link Expressway*, Johor; cuti bersalin; dan pengambilan pembantu rumah melalui talian; yang begitu menjimatkan kos juga pengurangan cukai individu, bantuan khas kepada pelbagai kelompok termasuk kakitangan awam dan beberapa inisiatif lain yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah merangka dan membentangkan bajet itu ketika beliau dan Kerajaan Barisan Nasional saban hari terpaksa merenangi lautan fitnah ciptaan parti-parti pembangkang. Ketika bajet itu mendapat sokongan dan respons yang amat baik daripada seluruh lapisan masyarakat termasuk pakar ekonomi, pemimpin-pemimpin pembangkang mula dijangkiti sindrom, lembu punya susu, sapi dapat nama.

Saya hendak beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua, saya beritahu lautan fitnah ini kerana hari ini terbukti, saya baca dalam surat khabar, Wan Azizah, dua lagi diarah bayar RM2 juta ganti rugi artikel fitnah FELDA FGVH disiarkan PKR tujuh tahun dahulu. Ini bukti sebagaimana yang kita ketahui, fitnah-fitnah yang dilemparkan.

Mereka mendabik dada kononnya beberapa inisiatif dan tindakan kerajaan melalui Bajet 2018 adalah hasil usaha dan perjuangan mereka tetapi semua orang tahu bagaimana keadaan negeri-negeri di bawah pemerintahan mereka. Di negeri-negeri itu, indah khabar dari rupa dan dipenuhi janji-janji kosong. Mereka berjanji mahu menghapuskan tol di negeri mereka tetapi sehingga ke hari ini tidak dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun terpaksa berhadapan dengan panahan fitnah dilemparkan dengan pelbagai tohmahan dan kata-kata nista, namun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetap berjiwa besar dan memastikan negeri-negeri di bawah parti pembangkang tetap mendapat pembelaan. Ia termasuklah di antaranya, menyediakan peruntukan bagi membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan juga negeri Kelantan demi untuk kesejahteraan rakyat Malaysia.

Malah ketika bencana banjir melanda Pulau Pinang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turun sendiri ke Pulau Mutiara itu untuk meninjau keadaan rakyat dan mengarahkan jentera Kerajaan Pusat termasuklah Angkatan Tentera Malaysia membantu mangsa-mangsa banjir. Tahniah Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia serta agensi-agensi lain yang terlibat.

Jiwa besar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini membuktikan walaupun kita mahu berpolitik, biarlah ada had dan sempadannya. Ada ketikanya kita perlu bersatu biar pun berbeza fahaman politik demi kesejahteraan rakyat dan juga negara. Saya difahamkan bajet yang disediakan ini, semasa disediakan harga minyak mentah setong sekitar USD50 dan harga pada hari ini USD57.42 setong.

Soalan saya kepada pihak kerajaan, apakah kerajaan bercadang untuk menaikkan BR1M atau lain-lain insentif jika kerajaan memperoleh hasil-hasil daripada kenaikan harga minyak yang berterusan.

#### ■1610

Saya nyatakan ini kerana saya terbaca artikel beberapa hari yang lepas, ada mengatakan kerajaan akan lihat perkara ini sama ada ia boleh diberikan kepastian. Saya minta dalam Dewan nanti dapatkan penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana terus memberi peruntukan besar kepada pasukan keselamatan termasuklah Polis Diraja Malaysia. Bercakap soal Polis Diraja Malaysia ini, pada kesempatan ini saya mengalungkan ucapan tahniah kepada pengurusan baru pasukan itu di bawah kepimpinan Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Sri Mohamad Fuzi Harun yang berusaha bersungguh-sungguh untuk membanteras dan berjaya mengurangkan kegiatan judi haram terutamanya di bandar raya Kuala Lumpur dan di tempat-tempat yang lain. Saya harap usaha baik ini akan berterusan dan amat yakin dengan kemampuan Tan Sri serta pasukan Polis Diraja Malaysia.

Namun, sejak kebelakangan ini sudah ada dadah yang dijual di dalam talian media sosial seperti *Facebook*, *WeChat* dan aplikasi yang lain. Saya hendak bertanya kepada

Kementerian Dalam Negeri, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi membanteras penyalahgunaan media-media sosial ini untuk mempromosi dan menjual dadah dalam talian yang semakin berleluasa ini? Saya hendak tanya, apakah langkah-langkah dan kaedah yang dapat dibuat oleh kementerian?

Kerana ini antara perkara yang cukup bahaya dan cukup penting untuk kita lihat kerana ini antara punca-punca masalah gejala sosial yang melanda. Saya bercakap ini kerana dalam bandar raya kebanyakannya *video-game* ini berhampiran dengan kawasan perumahan terutamanya Orang-orang Melayu. Jadi sebab itu saya bangkitkan perkara ini.

Menyentuh soal kejayaan, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada pihak pengurusan akhbar *Utusan Malaysia* khususnya wartawan kanannya, Saiful Haizan Hasam yang melalui laporan eksklusifnya mengenai nasib rakyat Malaysia yang menjadi hamba abdi moden di Australia telah mendapat perhatian dunia serta Parlimen Kerajaan Australia sehingga berlakunya penggubalan undang-undang mengenai buruh asing dan pemerdagangan manusia di negara tersebut.

Penghargaan juga saya ucapkan kepada akhbar-akhbar aliran Bahasa Melayu seperti *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* yang sentiasa berjuang untuk mempertahankan perlembagaan dan memperjuangkan bahasa Melayu walaupun sehingga hari ini, Menteri Besar Selangor mengarahkan pejabat-pejabat kerajaan negeri tersebut jangan melanggar akhbar-akhbar Bahasa Melayu itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap soal kejayaan ini bagi mengaitkan bagaimana dalam apa juu perkara yang kita lakukan jika ia dilaksanakan bersungguh-sungguh, jujur, ikhlas, ia pasti membawa hasil. Begitulah juga perancangan yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Bajet 2018 yang lepas. Hakikatnya dari segi peruntukan bagi kesejahteraan rakyat dan memakmurkan negara, tiada siapa pun boleh menafikan. Segala-segalanya sudah ada dalam Bajet 2018. Bagaimanapun, kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara tidak harus diukur berdasarkan pendapatan rakyat yang meningkat atau bertambahnya bangunan pencakar langit serta peningkatan kehadiran pelabur asing di negara ini. Apa yang lebih penting daripada itu ialah bagaimana kesemua kejayaan itu dicapai seiring dengan melahirkan modal insan yang berkualiti dan warganegara Malaysia yang berdisiplin tanpa mengira latar belakang, agama dan juga kaum.

Tuan Yang di-Pertua, membina jati diri manusia lebih utama daripada segala binaan-binaan lain. Inilah yang kita perlu lakukan untuk anak-anak dan pelajar-pelajar kita tanpa mengira kaum dan agama untuk kesejahteraan generasi kita bagi menuju aspirasi TN50 yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seorang orientalis berkata, kalau hendak runtuhkan sebuah tamadun atau masyarakat, maka ada tiga cara. Pertama, runtuhkan ikatan kekeluargaan. Kedua, runtuhkan sistem pendidikan. Ketiga, jatuhkan idola-idola masyarakat yang berwibawa.

Untuk meruntuhkan ikatan kekeluargaan, ketepikan peranan ibu dalam keluarga. Biarkan para wanita merasa diri mereka tidak sempurna apabila mereka digelar suri rumah.

Untuk meruntuhkan sistem pendidikan, berikan tekanan kepada para guru. Jangan berikan mereka kedudukan dalam masyarakat, hilangkan rasa hormat mereka dalam kalangan pelajar.

Untuk menjatuhkan idola dalam masyarakat yang berwibawa, jatuhkan kedudukan para pemimpin dan ulama sehingga masyarakat sekeliling tidak menghormati mereka. Maka apabila peranan ibu hilang, peranan guru diperlekehkan dan peranan para pemimpin dan ulama tidak menjadi sumber rujukan dan idola masyarakat, maka siapakah yang akan mengajar masyarakat itu erti kehidupan yang hakiki.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet yang lepas, Perdana Menteri memperuntukkan bajet berunsur modal insan dan jati diri yang memfokuskan kekeluargaan, kanak-kanak dan juga anak yang bakal dilahirkan.

Peruntukan untuk wanita hamil, cuti bersalin, Amanah Dana Anak Malaysia, malah suami juga boleh pulang awal sekiranya isteri sudah sarat mengandung. Jolokan “bajet keluarga” yang diumumkan baru-baru ini walaupun dilihat hanya peruntukan kecil, tetapi sebenarnya bakal membawa perubahan yang besar kepada cara dan suasana kerja di negara ini jika berjaya dilaksanakan di seluruh negara.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mewajibkan semua bangunan pejabat perlu menyediakan sebuah pusat jagaan kanak-kanak. Ini sebenarnya adalah suatu perubahan yang sangat besar dan dijangka memberi impak yang lebih besar kepada sistem sosioekonomi rakyat dan juga ekonomi negara berbanding inisiatif-inisiatif lain sebelum ini.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya kerana bertindak dengan segera mengarahkan semua pemaju-pemaju menyediakan pusat jagaan kanak-kanak. Kajian menunjukkan manfaat yang sangat besar kepada sesebuah negara organisasi jika kakitangan mereka gembira bukan sahaja melalui imbuhan tunai dan menjaga kebaikan, malah lebih utama lagi impak tugas di pejabat kepada perhubungan kekeluargaan.

Tuan Yang di-Pertua, kajian Yayasan Kanak-kanak *Bright Horizons* di negara Britain dan Ireland menunjukkan impak besar pusat asuhan kanak-kanak terhadap kerja dan hubungan kekeluargaan, malah mungkin menjadi penentu sama ada mereka berhenti atau berpindah ke tempat kerja yang lain. Kajian itu mendapat 96 peratus ibu bapa merasakan penyediaan pusat asuhan kanak-kanak menjadi titik tolak untuk menerima tawaran dan kekal di sesebuah premis pekerjaan.

## ■1620

Sebanyak 85 peratus pekerja mengakui situasi di pusat asuhan luar atau jauh dari tempat kerja boleh menjaskan tumpuan dan produktiviti kerja. Kira-kira 75 peratus responden merasakan majikan mereka mengutamakan kebaikan pekerja, khususnya dalam mengimbangi antara hidup serta pekerjaan sekiranya pusat asuhan disediakan di pejabat. Malah, 63 peratus sanggup bekerja lebih masa dan lebih keras jika anak mereka ada berhampiran.

Suka saya hendak nyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca dalam surat khabar beberapa hari yang selepas bajet, ada pihak swasta yang tidak mahu menyahut langkah-langkah yang dibuat ini. Saya cadangkan ataupun saya minta kepada kementerian-kementerian yang telah terbabit supaya membuat surat pekeliling kepada semua syarikat-syarikat yang ada dalam negara ini untuk mematuhi pusat jagaan kanak-kanak dan juga cuti bersalin yang ditambahkan.

Oleh kerana mereka menganggap bahawa ini adalah satu kerugian yang besar kepada mereka kalau dikirakan keseluruhan masa yang diberi. Tiga perempat pekerja yang ditemui turut yakin dapat memenuhi tuntunan kerja kerana beban kewangan dan keimbangan sebagai ibu bapa jauh lebih rendah jika anak mereka berada di pusat asuhan di pejabat mereka. Ini adalah antara perkara yang dapat menjimatkan kos-kos untuk mendapatkan pembantu rumah.

Saya hendak tanya kepada Kementerian Pembangunan Wanita, apakah statistik pusat jagaan yang berdaftar atau tidak berdaftar yang dikesan? Berapa yang telah diambil tindakan? Apakah SOP mereka untuk menguruskan pusat-pusat jagaan ini? Tuan Yang di-Pertua, inilah juga misi tersirat yang cuba disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika membentang Bajet 2018 apabila lapan daripada tunjang utama bajet tersebut iaitu turut merangkumi menuju aspirasi Transformasi Nasional 2050, mengungguli pendidikan, latihan, kemahiran serta bakat dan mengimbangi kecemerlangan dunia ni dan ukhrawi.

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib dalam Bajet 2018 baru-baru ini juga menegaskan bahawa penekanan akan diberi kepada usaha memperkuatkan institusi kekeluargaan dan juga mencari penyelesaian kepada masalah-masalah sosial melalui penubuhan SERI dan juga untuk memperkasakan agenda nasional negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh penubuhan Institut Penyelidikan Sosio-Ekonomi (SERI) serta menaik taraf Institut Kajian Etnik (KITA) di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kewujudan entiti ini amat penting kerana ketika kerancakan kita menuju negara maju berpendapatan tinggi, masalah sosial rakyat sama sekali tidak boleh dilupakan. Ini memandangkan ketika ini masalah sosial di negara kita boleh diibaratkan sebagai bom jangka dan semakin parah yang mana sekiranya langkah pencegahan dan pemulihian tidak dilakukan dengan lebih awal, negara terpaksa menanggung segala kos akibat keruntuhan serius moral serta akhlak masyarakat hari ini.

Terlalu banyak statistik menunjukkan masalah gejala dadah, jenayah, jenayah juvana, ponteng sekolah, buli, anak luar nikah, penceraian dan sebagainya. Dalam soal ini kita secara jujur perlu bertanya di mana silapnya? Apakah sistem pendidikan kita salah? Apakah institusi kekeluargaan kita tempang? Adakah kita menganggap apa yang berlaku sememangnya harga yang perlu dibayar untuk menjadi sebuah negara yang maju. Kita perlu berani untuk mengakui bahawa ada program yang kita lakukan tidak berjaya. Kita perlu kepada pendekatan dan pemikiran yang segar dan jangan berpegang kepada program-program yang mungkin sudah lapuk keberkesanannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut gembira ada beberapa elemen-elemen yang diumumkan oleh Perdana Menteri yang boleh membantu menangani isu sosial serta

memperkuatkan institusi kekeluargaan. Antaranya penambahan cuti bersalin, pulang awal kerja kepada isteri, malahan suami juga turut diberi kesempatan bersama untuk pulang awal dan diwajibkan juga setiap bangunan mempunyai pusat jagaan kanak-kanak. Agenda sosial ini bukan hanya masalah juvana ataupun dadah tetapi juga soal bagaimana untuk memperkuatkan institusi kekeluargaan agar ibu bapa mempunyai masa yang cukup untuk bersama anak-anak.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang paling saya bimbang adalah masalah ini semakin susah kita bendung kerana kemajuan teknologi. Memang dari dulu wujudnya gejala sosial tetapi hari ini gangguan dan juga tekanan serta mungkin umpanan yang datang daripada mereka yang terlibat dalam media sosial terhadap belia yang lain sangat bahaya sebab boleh terus kepada telefon mereka. Penjualan dadah seperti yang saya beri tahu di dalam aplikasi *Whatsapp* ataupun *WeChat* ini amat bahaya sebab yang menjadi sasaran adalah pelajar-pelajar sekolah dan juga remaja kita.

Saya difahamkan di peringkat sekolah rendah sudah mula menjual gula-gula yang ada sedikit bahan dadah supaya ketagihan. Ini melibatkan remaja dan kanak-kanak yang seusia dengan anak-anak kita ataupun cucu-cucu kita. Kalau kita tidak serius dalam perkara ini, sampai TN50 mungkin kita akan ada sebahagian yang berjaya tetapi sebahagian lain jauh ketinggalan. Bagi saya, ukuran negara maju bukan hanya dari segi ekonomi atau prasarana tetapi juga dari sejauh mana kita boleh menjadi negara dan bangsa yang bertamadun.

Kita ambil contoh kes kebakaran pusat tahfiz di Keramat baru-baru ini, yang ditangkap adalah remaja. Kita tidak boleh bayangkan insiden kebakaran ini dibuat secara terancang oleh mereka. Masalah sosial ini sangat tersebar luas, bukan hanya di kawasan bandar, malahan di luar bandar. Oleh itu, kita tidak boleh membiarkan semua keistimewaan ini musnah akibat dibaham oleh gejala sosial yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Apakah kita mahu berbangga menjadi negara maju jika statistik Agensi Anti Dadah Kebangsaan menunjukkan sepanjang Januari hingga September tahun ini sejumlah 1,731 pelajar sekolah positif dadah menerusi pelaksanaan ujian saringan air kencing ke atas 36,664 pelajar di seluruh negara? Apakah kita berbangga dengan kemajuan yang dicapai ketika program keselamatan jalan raya yang dijalankan gagal berdasarkan kepada jumlah kemalangan jalan raya tahun lalu yang mencatat sebanyak 960,569 kes, manakala kadar kemalangan maut meningkat mele过asi angka 7,000?

### ■1630

Secara purata terdapat 20 kematian sehari atau satu kematian setiap 78 minit. Ini adalah satu statistik yang amat membimbangkan. Saya hendak tanya sedikit kepada Kementerian Pengangkutan berkaitan dengan *statement* yang dinyatakan oleh Menteri sendiri tentang kempen keselamatan jalan raya yang gagal. Saya melihat kita punya kempen, kita tidak pergi kepada sasaran yang sebenar. Saya nyatakan ini kerana saya melihat ibu bapa yang menghantar anak ke sekolah tidak pakai topi keledar, pakai *handphone* sambil naik motor, hantar anak pergi sekolah tidak pakai topi keledar. Jadi bagaimana kempen ini hendak berjaya

sedangkan idola mereka, mak bapa mereka itu tidak menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak sama ada hantar ke sekolah ataupun di tempat-tempat yang lain.

Mereka jalan ikut suka. Remaja-remaja hari ini dan ada juga orang yang bukan remaja lampu hijau dia jalan, lampu kuning dia jalan, lampu merah dia jalan dan akhirnya dia jalan. Bagaimana kita hendak memberi contoh ini, kempen hendak berjaya kalau kita tidak ada, di mana kita hendak fokus untuk kejayaan itu. Oleh sebab itu saya hendak tanya, baru-baru ini saya baca surat khabar tentang kemalangan jalan raya. Kemalangan jalan raya terutamanya bas yang begitu dahsyat. Ramai yang meninggal tetapi kita difahamkan bahawa SPAD ada buat makmal bas. Saya hendak tahu apa jadi dengan makmal ini, apa keputusannya, apa hasilnya kerana masalahnya tetap kita nampak, makin teruk dan teruk.

Jadi sebab itu kalau kita tengok kepada statistik yang dibuat kajian oleh MIROS- 80 peratus daripada kemalangan jalan raya Malaysia adalah disebabkan oleh kesilapan pengguna jalan raya. Dengan erti kata lain banyak nyawa terkorban dan masyarakat mengabaikan peraturan lalu lintas dan had laju dan apabila pengguna jalan raya bertindak melulu dan secara tidak berdisiplin. Jadi disiplin itu datang daripada mana? Kita tidak boleh buat kempen di tempat lain. Saya punya pendapat, saya punya pandangan dan saya cadangkan supaya semua benda-benda ini hendaklah dimulakan daripada peringkat sekolah tadika lagi, di peringkat sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

Saya hendak tanya kepada Kementerian Pengangkutan ataupun SPAD tentang satu kes baru-baru ini. Pada 12 November 2017, Mohd Hanapiyah Yeop Shaharudin yang berumur 49 tahun, seorang lelaki cacat penglihatan telah jatuh atas rel stesen monorel di KL Sentral. Dia jatuh di situ di atas rel, nasib baik tidak ada kereta api yang datang. Apabila kejadian itu berlaku, masing-masing hendak lepas tangan dan saya ucap terima kasih kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hadir untuk melawat mangsa itu tadi.

Jadi saya hendak tanya dengan SPAD ataupun KTM, apakah SOP kepada orang-orang seperti ini, penglihatan yang tidak nampak ini. Padahal yang saya tahu sepatutnya mesti ada orang yang menjaga di situ, polis bantuan ataupun sebagainya kerana itu adalah kegunaan *public*. Tidak guna kita ada prasarana pengangkutan yang baik kalau kita tidak ada perkara yang boleh menyelamatkan nyawa kerana ini adalah kes yang ketiga belas kalinya. Jadi saya mohon penjelasan apakah SOP ataupun apakah kaedah-kaedah yang dibuat oleh pihak-pihak yang mengendalikan untuk menguruskan rakyat kita di dalam bandar raya.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada masalah gejala sosial. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Wilayah dan juga Dewan Bandaraya supaya mereka ini bergabung untuk menguruskan, untuk mendapatkan setiap Parlimen yang ada di dalam Bandaraya Kuala Lumpur, setiap sekolah sama ada satu ataupun dua sekolah dipilih sebagai tempat untuk memberikan kemudahan untuk bersukan, riadah bermula daripada hari Jumaat, Sabtu dan juga Ahad.

Saya juga memohon kepada Tenaga Nasional Berhad supaya menguruskan sekolah yang dipilih ini, setiap sekolah ini ataupun sekolah yang dipilih, satu ataupun dua sekolah yang

lengkap dengan prasarana padangnya diuruskan oleh Dewan Bandaraya, tiang lampunya disponsori oleh TNB dan tempatnya dijaga baik oleh Kementerian Pendidikan supaya mereka-mereka, anak-anak ini boleh ada tempat untuk beriadah, bersukan dengan dikawal oleh guru-guru yang ada lesen-lesen contohnya lesen bola sepak daripada FAM dan melatih mereka daripada peringkat umur yang kecil.

Saya nyatakan ini kerana di wilayah kita sedia maklum keadaan kita makin kekurangan tanah tetapi dalam waktu yang sama kita memerlukan pembangunan untuk mendirikan rumah dan sebagainya. Kalau kita boleh jadikan sekolah yang dipilih sebagai tempat untuk perhimpunan, perjumpaan, bersukan secara tidak langsung kita boleh memberi kemudahan kepada anak-anak ini yang di peringkat kecil datang di sekolah dengan dikawal oleh guru-guru tertentu, ibu bapa yang hantar anak ke sekolah boleh bersempang, boleh berjumpa dan boleh mewujudkan satu suasana harmoni yang baik di kalangan masyarakat kita kerana kita sekarang ini kehilangan banyak sentuhan.

Saya nyatakan ini Tuan Yang di-Pertua kerana di Iceland, ini data yang betul yang saya dapatkan. Di Iceland, Iceland adalah negara yang melayakkan diri ke Piala Dunia pada tahun depan. Penduduknya 400,000 orang lebih kurang dan dia telah menguruskan satu program remaja bermula hampir dua dekad yang lepas dan dia telah mendapat kejayaan pada hari ini disebabkan ada di antara perkara yang saya nyatakan dalam ucapan bahas saya, dia pilih padang-padang tertentu kerana di Iceland tidak memiliki padang yang sesuai. Padang di waktu panas suhunya antara 5 ke 10 derjah.

Jadi dia mencipta satu teknologi untuk panaskan permukaan padang dan akhirnya budak-budak bermain di tempat itu, ada gurunya, ada jurulatih UEFA kelas B, gurunya dihantar pergi dapatkan lesen dan mengajar sukan. Akhirnya disebabkan itu Iceland layak ke Piala Dunia dengan penduduknya tidak sampai lebih kurang 500,000 orang.

Jadi antara perkara yang mereka lakukan, pada tahun 1980-an, 42 peratus golongan remaja telah terlibat dalam gejala alkohol dan menjurus kepada masalah sosial. Namun sekarang ini cuma lima peratus sahaja selepas 20 tahun punya program dan ia mendapat kejayaan. Ia dibuat antara kerjasama dengan cikgu, NGO, ibu bapa berganding bahu dan mereka mengeluarkan idea-idea dan antara idea yang mereka bawa di dalam mereka punya kaedah bagaimana hendak menyelesaikan masalah gejala sosial ialah perintah berkurung kepada yang berumur bawah 15 selepas pukul 10 malam.

#### ■1640

Mereka tetapkan satu kaedah perintah berkurung kepada mereka yang kanak-kanak umur 15 tahun ke bawah tidak boleh keluar rumah selepas pukul 10 malam dan ini telah dilaksanakan di Ireland dan Iceland dan akhirnya memberikan kejayaan yang baik. Remaja di bawah umur 18 tahun tidak dibenarkan untuk membeli tembakau atau rokok dan had umur untuk membeli alkohol adalah 20 tahun ke atas. So, ini antara perkara-perkara yang dilaksanakan di negara Iceland yang boleh kita lihat, mana yang baik kita boleh laksanakan demi untuk mengatasi masalah sosial seperti mana yang telah pun kita tahu bagaimana

masalah ini menjadi satu bom jangka yang cukup dahsyat untuk negara kita menghadapi tahun-tahun terutamanya pada tahun 2050.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu gejala *gadget* ini, masalah telefon, yang bawa kereta pakai telefon, yang bawa bas pun jawab telefon, bawa lori pasir pun jawab telefon. Membahayakan dan terbukti bahaya. Saya minta kepada pihak Kementerian Pengangkutan ataupun pihak SPAD supaya tindakan kompaun yang diberi ini diseriuskan lagi supaya kita dapat fikir tentang keselamatan orang lain.

Saya nak beritahu contoh satu, di negara Singapura, kawan saya kerja *driver bas*. *Driver bas* Singapura ini kalau dia pegang sahaja telefon, dia akan dibuang kerja. Bukan jawab, pegang sahaja telefon. So, undang-undang tentang keselamatan orang lain, dia begitu tegas sekali dibuat di negara Singapura dan saya rasa ini satu perkara yang boleh kita tengok untuk kita fikirkan bagaimana kita nak lihat balik tentang saman ataupun kompaun yang telah diberikan.

Saya juga nak tanya kepada Menteri KPKT berkaitan dengan soal dana RM120 juta berkaitan dengan *Food Truck 1Malaysia* kerana di Kuala Lumpur, kita ada 50,000 ke 60,000 peniaga-peniaga yang bermiaga di tepi jalan yang ada lesen dan tak ada lesen. Kita tidak boleh membuat satu keputusan yang boleh menjaskan pendapatan mereka. Akan tetapi apa yang saya baca di dalam laporan bajet mengatakan ada RM120 juta bajet untuk *Food Truck 1Malaysia* dengan gerannya ada diletakkan di Bank Rakyat dan Bank Simpanan Nasional dan kerajaan beri subsidi dengan kadar faedah empat peratus.

Saya nak minta kepada KPKT, apakah ada peruntukan seperti di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana kita memiliki peniaga yang ramai dan masalah penduduk yang ramai. Apakah bajet ataupun peruntukan ini akan diberi kepada Kementerian Wilayah Persekutuan ataupun sebagainya untuk memudahkan kita untuk menguruskan perjalanan ataupun permohonan kepada pinjaman kerana kita mahu meningkatkan taraf hidup mereka ke keadaan yang lebih baik.

Satu perkara yang saya hendak tanya kepada kementerian yang sama, berapa ramai kah yang telah memohon dan mendapat kelulusan Skim *MyDeposit* untuk pembelian-pembelian rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan oleh warga Wilayah Persekutuan? Sebabnya ramai yang mengeluh dan ramai juga yang tidak dapat membayar deposit untuk membeli rumah sedangkan mereka mampu untuk membayar bulanan rumah dengan mudah tetapi untuk dapatkan deposit kerana pemaju memohon, meminta deposit itu didahulukan. Berapakah ramai yang mohon serta berapa lama setiap permohonan yang kita buat?

Saya nak bertanya kepada Kementerian Sumber Manusia sebabnya Institut Latihan Perindustrian Jalan Kuchai Lama berada di dalam Parlimen saya, Parlimen Seputeh. Saya dengar khabar akan dipindahkan ke tempat lain. Saya tak pasti, cuma saya hendak kepastian daripada Kementerian Sumber Manusia, apakah benar saya dengar berita ini? Adakah Institut Latihan Perindustrian Jalan Kuchai Lama ini akan dipindahkan di tempat lain atas dasar *swap land*? Tolong maklumkan kepada saya ataupun jika ianya ada apa-apa perbincangan ataupun perubahan, tolong beritahu saya sebagai seorang Ketua UMNO Bahagian di sana. Beritahu

supaya saya boleh jawab perkara-perkara ini kepada cikgu-cikgu ataupun penduduk-penduduk yang sekitarnya.

Sama juga pertanyaan saya kepada Kementerian Pendidikan sebab baru-baru ini saya pergi ke Sekolah Rendah Seri Indah di Taman OUG, ada cikgu mengatakan bahawa sekolah ini akan diambil tanahnya oleh pihak pemaju yang buat projek di sebelah dan akan ditempatkan di mana? Saya, menjadi satu kebingungan sebab ditanya oleh guru-guru ini dan saya tanya dalam Dewan ini kepada Kementerian Pendidikan, tolong maklumkan kepada saya apa perkembangan dan tolong bawa bincang bersama di dalam program-program yang kita hendak buat ataupun kementerian ataupun pihak pemaju buat di dalam Parlimen Seputeh.

Saya nak tanya jugalah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan walaupun saya daripada Wilayah Persekutuan. Saya tahu Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah dituduh oleh puak-puak pembangkang terutamanya DAP dengan tuduhan-tuduhan yang begitu dahsyat. Menuduh Menterinya rasuah, Datuk Bandarnya rasuah. Semuanya dituduh dengan tanpa periksa. Saya amat kecewa dengan sikap Ahli Parlimen DAP ini dan juga pembangkang yang ada di dalam Wilayah Persekutuan. Tuduhan-tuduhan yang dilemparkan adalah satu bentuk tuduhan yang tidak diperiksa.

Saya sebagai Ketua UMNO Bahagian Seputeh, saya lihat banyak *banners* naik di Taman Desa menghasut penduduk-penduduk Taman Desa untuk tidak memberikan kerjasama, untuk memberitahu kepada penduduk bahawa kita kena menentang apa sahaja bentuk pembangunan yang dibuat di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terutama di kawasan-kawasan di Taman Desa dan di kawasan sekitar. Jadi saya hendak tanya Menteri, saya pun kasihan dengan Menteri Wilayah Persekutuan dan juga Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana rumah mampu milik yang diuruskan telah berjalan dengan baik walaupun tidak ada subsidi daripada pihak Kerajaan Pusat.

Satu perkara, satu idea yang diuruskan dengan baik dan ianya telah berjaya memberikan kelegaan kepada mereka yang berpendapatan sederhana yang mampu untuk membeli. Jadi saya minta- sekejap ya, tertinggal...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan, teruskan.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Apakah perancangan dan kaedah pihak Kementerian Wilayah Persekutuan kepada kawasan hijau di dalam Wilayah Persekutuan untuk memastikan pembangunan diteruskan? Kawasan hijau pun ada kerana saya tahu kita kesempitan dalam bentuk banyak ruang tanah yang hendak dimajukan.

Begitu juga apakah perancangan kepada pihak kementerian dan kaedah kepada pihak Kementerian Wilayah Persekutuan bagi menaiktarafkan gerai-gerai penjaja di Kuala Lumpur ke tahap yang lebih baik? Ini kerana itu juga satu perkara yang perlu dilihat oleh kementerian, bagaimana hendak membantu mereka yang mempunyai pendapatan yang rendah dengan kaedah-kaedah gerai yang lebih baik.

Satu lagi soalan yang sama kepada Kementerian Wilayah Persekutuan tentang kepadatan penduduk. Apakah perancangan kementerian dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mengatasi masalah kepadatan penduduk ini? Oleh kerana di tempat saya, saya tengok

banyak rumah-rumah naik dan ini satu perkara yang baik tetapi bagaimana hendak mengatasi tentang kepadatan itu kepada kaedah jalan rayanya dan juga perkara-perkara yang lain.

■1650

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat bercakap banyak. Cuma di hujung-hujungnya saya memohon kepada pihak kerajaan untuk melihat bajet yang telah dibentangkan dengan baik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan menegaskan penekanan untuk membaiki dan mengukuhkan jati diri rakyat Malaysia supaya bajet itu dapat ditingkatkan demi untuk kebaikan dalam bentuk gejala sosial, mengatasi masalah gejala sosial. Saya juga doakan supaya bajet ini dapat diurus dengan baik supaya ia sampai ke peringkat golongan sasaran.

Saya juga memohon pihak kerajaan memastikan tiada ketirisan berlaku dalam menyalurkan segala bentuk bantuan dan saya mohon pihak kerajaan agar sentiasa memantau serta menyemak segala proses-prosesnya kepada rakyat dan saya cadangkan pada pihak kerajaan agar menubuhkan satu unit atau agensi khusus yang bersifat kecuali untuk memantau semua perjalanan bajet sehingga berjaya ke peringkat akar umbi.

Jadi saya sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh bajet yang telah pun dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Oktober yang lalu. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff dari segi penerangan daripada akar umbi sampai luruhnya saya rasa. Diperincikan satu-persatu.

Dan tadi, saya masuk tadi, Yang Berhormat pernah cakap dia kata, saya ingat dia tegur sebab *aircond* itu saja. Saya ingat adakah ini menyebabkan kepala dia itu sudah kurang rambut. Tidak dia kata, dia kata tidak dan dia pun tidak sanggup meninggalkan kerusi itu dia kata. Takut tiada sambutan. Cantik dia punya alasan ya dan juga saya rasa dia telah mengatakan bahawa, kerajaan BN tidak akan lupa pada janjinya dia kata. Betul ya, Yang Berhormat ya. Dia kata itu janji ditepati. Bak kata orang tua-tua tadi.

*Anak ayam di atas pagar,  
Turun ke tanah memakan padi,  
Kalau ber hutang wajib dibayar,  
Kalau berjanji wajib ditepati.*

Itu dia kata ya. Terima kasih banyak. Nanti kita pegang pada janji itu.

Sekarang saya beralih kepada Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif. Dipersilakan.

**16.53 ptg.**

**Puan Sopiah binti Sharif:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang membenarkan saya membahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan ataupun Bajet 2018.

Sebelum memulakan perbahasan saya pada hari ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih, penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Dato' Sri Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang mana saya ini merupakan kali yang pertama selepas saya dilantik sebagai Ahli Dewan Negara dan juga saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ketua Wanita UMNO Malaysia dan juga Dato' Sri Zainal Abidin Haji Osman selaku Pengurus Badan Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang.

Sebelum saya mulakan ucapan, saya ingin berpantun macam Tuan Yang di-Pertua berpantun tapi berpantun budak-budak.

*Buah cempedak di luar pagar,  
Ambil galah tolong jolokkan,  
Saya Senator baru hendak belajar,  
Kalau salah tolong tunjukkan.*

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan bajet yang membuktikan keprihatinan kerajaan membela rakyat. Pada hari pembentangan bajet, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan satu sejarah kepada kita yang dapat bersama pada hari pembentangan pada 27 Oktober yang lalu yang dianggapkan sebagai bajet ibu segala bajet. Ini kerana berdasarkan kepada habuan disediakan meliputi semua aspek dalam lapisan masyarakat daripada bayi dalam kandungan kepada pekerja swasta, seterusnya penjawat awam sehingga kepada masyarakat umum. Saya merasa habuan ini tidak kira dan terdiri daripada perbezaan agama, bangsa yang ada di Malaysia ini.

Dengan bertemakan, "Memakmurkan Ekonomi Inklusif, Menyumbangkan Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahterakan Kehidupan Rakyat Menuju Inspirasi TN50." Bajet membabitkan peruntukan sebanyak RM280.25 bilion. Dari angka itu RM234.25 bilion dibelanjakan mengurus dan RM46 bilion bagi perbelanjaan pembangunan. Kerajaan telah berjaya menaikkan pertumbuhan ekonomi negara kepada 5.2 peratus sehingga 5.7 peratus. Pada 2017, ekonomi negara terus berkembang positif pada keseluruhan pertama 2017. Dengan perkembangan sebanyak 5.7 peratus, langkah reformasi ekonomi yang dilaksanakan kerajaan membawa hasil dengan 2.26 juta pekerjaan baru berjaya diwujudkan.

Import negara juga pertama kali mencapai antara paras tertinggi dengan melebihi RM80 bilion. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, setelah saya ingat peralihan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengenai isu perumahan yang saya menganggapkan begitu runcing di Malaysia. Saya khawatir melihat pemilikan perumahan bumiputera semakin merosot di negara kita ini khususnya warga

bumiputera amnya Pulau Pinang. Pemilik harta tanah telah termaktub di dalam Perlembagaan kita tetapi kini saya lihat di Pulau Pinang banyak kondo-kondo mewah dibina di atas bukit yang begitu mahal dan tidak mampu dibeli oleh terutama rakyat tempatan dan bumiputera.

Itulah yang menyebabkan berlakunya keruntuhan ataupun berlaku tragedi tanah runtuh di atas bukit dan juga di lereng bukit. Sebagai contoh di Balik Pulau, begitu banyak rumah mewah dibina swasta dengan kelulusan kerajaan negeri terutamanya kawasan yang majoritinya orang Melayu. Jadi di sini macam hendak sabotajkan pendudukan masyarakat di kawasan Balik Pulau kebanyakannya majoriti Melayu di situ. Saya risau sekiranya keadaan dibiarkan berlarutan, bumiputera di Pulau Pinang, di manakah tempat mereka hendak tinggal. Jadi kebanyakannya sebahagian daripada penduduk khasnya generasi muda, pekerja-pekerja kilang telah beralih di kawasan Kedah dan Perak menyebabkan nanti majoriti penduduk di Pulau Pinang akan berkurangan.

#### ■1700

Dengan keadaan semasa berlaku di Pulau Pinang, kementerian ada membuat kajian mengenai harta tanah di Pulau Pinang. Adakah ini mampu kepada bumiputera seterusnya adakah wujud sebarang bantuan daripada kerajaan milik harta tanah bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih dari segi kos sara hidup masa kini yang mana melibatkan dari segi harga barang. Saya merujuk kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri saya khuatir harga barang pada hari ini berkala kadang-kadang melambung begitu tinggi yang mana masyarakat pada hari ini, generasi muda yang mana mereka sebahagiannya mempunyai pendapatan tidak tinggi, mempunyai keluarga yang ramai menyebabkan kita takut apabila dekat dengan pilihan raya ini merupakan satu masalah yang akan diperkatakan oleh generasi muda pada hari ini.

Padahal alasan telah diberi oleh peniaga dan syarikat besar antaranya harga minyak yang di ampung naik dan turun menjadikan punca harga barang mentah meningkat dan paling utama adalah GST. Walau apa pun alasan dan helah, saya yakin dan percaya bukan penentu kepada harga barang pasaran sebaliknya apa yang berlaku adalah golongan peniaga dan pemborong serta syarikat besar yang mengambil kesempatan dan memanipulasikan harga barang pasaran.

Antara tunjang utama dalam Bajet 2018 adalah mengutamakan kesejahteraan rakyat dan peluang menjana pendapatan. Walau bagaimanapun, janganlah dengan alasan GST harga barang naik dengan mendadak dan golongan peniaga sahaja mendapat untung, keseimbangan harga pasaran harus di wujud. Sekiranya kita rujuk kepada Bajet 2018, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri akan menerima imbuhan sebanyak RM1.4 bilion. Soalan saya dari peruntukan ini berapa yang telah diagihkan untuk mewujudkan penguatkuasaan dan latihan untuk pegawai serta kos bagi penentuan barang-barangan di pasaran.

Apakah kaedah dan strategi lautan biru yang telah dilaksanakan oleh kementerian untuk mengawal harga pasaran. Saya rasa sekiranya kita membiarkan golongan tidak

bertanggungjawab ini menguasai pasaran, mengaut keuntungan sewenang-wenangnya kelak akan membebankan rakyat dan merugikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada Kementerian Dalam Negeri, isu mengenai jenayah dan juga keselamatan negara kita. Isu keselamatan pasti menjadi keutamaan kepada kementerian ini terutamanya di bahu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri dan juga Timbalan Menteri.

Isu samseng terutamanya saya lebih suka mendedahkan daripada kawasan ataupun dalam negeri Pulau Pinang. Isu samseng, jenayah terancang, gengster masih lagi berleluasa di negara kita. Terdiri daripada ah long yang memberi pinjaman wang haram hingga kepada rumah pelacuran malah sehingga aktiviti pendedahan pengedaran dadah, kegiatan jenayah di negara kita seolah-olah tidak berkesudahan. Pada pandangan saya, kekuatan dan aset untuk memerangi jenayah harus dipertingkatkan. Kementerian ini bakal menerima imbuhan sebanyak RM13 bilion daripada Bajet 2018. Dari angka tersebut saya ingin tahu aset-aset kelengkapan baru yang bakal dibeli untuk memerangi jenayah dari negara kita. Perisikan juga jenayah diutamakan bagi mengenal pasti lubang-lubang jenayah dan menghalang mereka dari bermaharajalela di negara kita.

Saya juga ingin tahu mengenai kadar jenayah di negeri Pulau Pinang, adakah masih berada di tahap yang terkawal. Ini kerana saya lihat rumah-rumah urut yang menjadi sarang pelacur semakin berleluasa di Pulau Pinang. Sekiranya benar apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian dalam menangani perkara ini. Ada ura-ura panas yang berlegar di Pulau Pinang mengenai rancangan membina kasino di negeri ini. Adakah ini benar? Saya khuatir sekiranya benar bakal mengundang lebih banyak masalah kepada negeri ini. Apa tindakan dan pendirian kementerian mengenai perkara ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh di bawah kementerian mengenai pengambilan kakitangan polis yang mana saya ada mendengar ura-ura daripada yang menemu duga dan juga yang membuat permohonan, mengatakan pengambilan temu duga ini keutamaan kepada keluarga ataupun orang dalam yang berjawatan polis. Saya cuma ingin mendapat penjelasanlah berkaitan dengan ini. Ini bermaksud sekiranya ada saudara mara atau rakan di dalam polis sendiri. Adakah perkara ini benar ataupun tidak untuk saya dapat penjelasan sebab ini dibangkitkan oleh anak-anak muda apabila membuat permohonan dalam perjawatan sebagai kakitangan polis.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengalih soalan ini kepada isu nasional iaitu mengenai pelancongan. Kementerian Pelancongan bakal menerima imbuhan kurang dari RM1 bilion dari Bajet 2018. Pandangan saya seolah-olah berlaku sedikit penurunan perbandingan dari peruntukan tahun yang lepas. Pelancongan merupakan industri yang harus diperkasakan, pelancongan bukan saja merancak ekonomi tempatan malah menambah pendapatan negara dengan penambahan kemasukan bilangan pelancong di negara kita. Saya faham setiap tahun Kementerian Pelancongan akan menjalankan promosi pelancongan domestik ataupun MATTA di setiap di bulan Februari.

Saya ingin tahu perancangan MATTA bagi tahun 2018 dan apakah pemberian yang bakal dianjurkan pada tahun ini berbanding pada tahun lepas.

Saya juga ingin mencadangkan kementerian dapat menjemput lebih banyak syarikat-syarikat kecil, sederhana, syarikat besar dalam industri pelancongan khasnya bagi negeri Pulau Pinang untuk menyertai MATTA dalam tahun hadapan. Saya berharap walaupun kementerian mengalami sedikit pengurangan bajet pada tahun 2018 tapi janganlah batalkan penganjuran MATTA ini demi kelangsungan industri pelancongan domestik negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2018 juga dianggapkan sebagai tahun memperkasakan wanita. Pelbagai insentif telah pun disediakan oleh kerajaan dalam bajet bagi tahun 2018 yang bertujuan untuk meningkat peranan wanita di dalam negara yang mana pada hari ini pun dikatakan wanita tulang belakang.

#### ■1710

Antaranya cuti bersalin untuk pekerja wanita swasta dinaikkan kepada 90 hari, dulunya 60 hari dan juga pengecualian cukai pendapatan individu yang diperoleh dalam tempoh 12 bulan bagi wanita yang kembali selepas bercuti selama 2 tahun. Saya ingin bertanya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai peluang-peluang wanita memegang jawatan terutamanya dalam kerajaan. Sejauh mana rancangan ini akan menjadi realiti pada tahun 2018? Saya juga ingin bertanya tentang Strategi Lautan Biru yang bakal dirancang ataupun dilaksana bagi memperkasakan kaum wanita dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, banyak usaha telah dijalankan oleh Perdana Menteri kita demi rakyat Malaysia secara amnya. Sifat rendah diri dan amalan kesederhanaan cuba dianjurkan oleh beliau untuk menambat hati tokoh-tokoh terkenal dari luar negara. Sebelum ini hubungan akrab di antara Presiden Amerika Syarikat menjadi lebih erat dan kukuh. Bayangkan lah Raja Salman memberi keyakinan dan percaya penuh kepada Yang Berhormat sehingga membawa kepada kejayaan iaitu perlepasan visa bagi mereka yang mengerjakan haji di Mekah. Tiada negara lain yang diberi penghormatan seumpama ini selain Malaysia. Serta tidak dilupakan Presiden Amerika Syarikat yang sanggup mengetepikan protokol antarabangsa apabila berjumpa dengan Perdana Menteri kita baru-baru ini.

Di bawah kepimpinan Perdana Menteri pendapatan per kapita rakyat meningkat, inflasi menurun, Ringgit kini lebih kukuh, perhubungan Malaysia dengan Amerika semakin akrab. Kadar cukai pendapatan diturunkan 2 peratus.

Empat tol negara kita bakal dimansuhkan. Kita menikmati semua di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Belanjawan kali ini meliputi semua aspek kehidupan rakyat, lapisan masyarakat. Ia juga sebagai bukti bahawa kerajaan tidak bankrap, yang di war-war kan oleh sebahagian daripada masyarakat kita am nya pemimpin tertentu di negara kita.

Akan tetapi ini semua berjaya ditepis dengan kebijaksanaan dan juga ketegasan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri serta barisan Kabinet memakmurkan ekonomi eksklusif menuju aspirasi TN50. Saya doakan negara kita akan makmur dan melimpah rezeki

apabila kita berjaya menghadapi PRU Ke-14 ini. Saya ingin berpantun sebelum saya akhiri sebab saya orang baru ini, dia tidak pandai reka banyak lagi.

*Ahli Parlimen Pekan menabur jasa bakti,  
Membawa sinar cahaya penuh harapan,  
Bajet 2018 lambang dedikasi murni,  
Membawa Malaysia maju ke hadapan.*

Dengan kata-kata ini, saya menyokong penuh pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2018, ataupun Bajet 2018. Sekian *wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Puan Sopiah binti Sharif. Dah habis kan? Baik.

Tadi saya nampak Yang Berhormat Puan Sopiah binti Sharif dapat membuat persiapan yang baik dalam ucapannya. Keinsafannya tentang perjuangan kita dan kebimbangan dia tentang peristiwa yang berlaku di Pulau Pinang. Nampak ya. Jadi saya ucapkan tahniah. Terima kasih kerana Yang Berhormat Senator buat persiapan yang baik dalam ucapan itu ya. Saya berharap supaya kita terus berjuang untuk memperkasakan orang-orang kita ya.

Jadi dengan ini saya mempersilakan pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed

### **5.15 ptg.**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Sambung esoklah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa *insya-Allah* perbahasan saya ini boleh disambung sehingga esok lah. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terlebih dahulu terima kasih diucapkan sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan Bajet 2018 pada kali ini. Saya kira pembentangan Bajet 2018 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengundang pelbagai reaksi dan persepsi. Saya mengira dan saya menganggap ia sebagai suatu bajet yang berfokuskan pilihan raya di mana ia mengimbangi antara agenda jangka pendek iaitu Pilihanraya Umum Ke-14 untuk meraih undi dan mandat rakyat dan dalam masa yang sama memiliki agenda jangka panjang iaitu Rancangan Malaysia Kesebelas.

Hakikatnya saya merasakan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana terus tertekan kerana jika kita soroti statistik yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan yang mana ia mendapat pendapatan isi rumah purata negara ini meningkat 6.2 peratus sebagai mana yang telah disebut tadi daripada tahun 2014 ke 2016. Pendapatan bulanan isi rumah purata negara memang meningkat 6.2 peratus. Namun jika dilihat kepada perbelanjaan isi rumah bulanan purata, ia turut meningkat sebanyak 6 peratus dalam tempoh yang sama iaitu daripada tahun 2014 ke 2016. Maka peningkatan pendapatan isi rumah tidak membawa kepada lebihan pendapatan yang boleh disimpan dan sebagainya kerana perbelanjaan isi rumah bulanan purata juga turut meningkat pada kadar yang sama.

Seterusnya berkait dengan perculaian GST. Saya ingin menyentuh di sini suatu alternatif kepada perculaian GST. Pendapatan kerajaan daripada GST adalah berjumlah RM41.2 bilion pada tahun 2016 dan pada tahun 2018 anggaran pendapatan melalui GST adalah sebanyak RM43.8 bilion. Kutipan GST ini melibatkan semua golongan rakyat sama ada mereka rakyat miskin ataupun kaya. Ia sangat membebankan rakyat kerana ia menyebabkan kenaikan harga barang dan juga kos sara hidup. Ia juga melemahkan kuasa beli dan menguncupkan pendapatan boleh guna rakyat.

Di sini saya ingin mengutarakan dua cadangan cukai alternatif menggantikan GST. Pertamanya iaitu cukai atas simpanan syarikat dan korporat iaitu *taxation on deposit*. Hari ini simpanan syarikat dan korporat tidak dikenakan apa-apa cukai oleh pihak kerajaan sedangkan ia bersifat lebih dari konsep pengaliran wang atau *velocity of money*. Ia perlu dialirkan ke bawah khususnya kepada golongan miskin untuk meningkatkan kuasa beli mereka seterusnya membantu pertumbuhan negara dari segi meningkatkan kuasa permintaan. Secara *conservativenya* jumlah simpanan korporat dan syarikat adalah sekitar RM566 bilion dan dengan potongan cukai pada kadar 2.5 peratus setahun. Kerajaan berpotensi memperoleh pendapatan sebanyak RM14 bilion setahun.

#### ■1720

Kadar tersebut, kadar 2.5 peratus adalah dicadangkan pada kadar yang maksimum. Kemungkinan kerajaan boleh memikirkan kadar yang lebih rendah dan ini adalah berpandukan kepada kaedah bayaran zakat di dalam Islam iaitu 2.5 peratus.

Seterusnya, cukai perdagangan keuntungan saham di Bursa Saham Malaysia iaitu *tax on share trading gain*. Saham yang diperdagangkan di Bursa Saham Malaysia dianggarkan sebanyak RM350 bilion setiap tahun, sementara jumlah nilai saham di Bursa Saham ialah sekitar RM1.66 trilion. Sehingga kini, pegangan saham dan keuntungan bagi pedagang-pedagang saham tidak dikenakan apa-apa cukai oleh kerajaan. Adalah wajar perdagangan saham ini, *share trading* turut dikenakan cukai dengan kaedah-kaedah perculaian yang sesuai.

Kaedah perculaian ini mampu menggantikan jumlah yang dikutip melalui GST. Juga, kaedah pengutipan cukai hanya kepada golongan kaya ini juga boleh merapatkan jurang antara golongan kaya dan miskin secara lebih *significant*. Seyogia, kemampuan perbelanjaan serta kekuatan modal golongan B40 akan dapat ditingkatkan. Sehubungan itu, saya mohon bertanyakan khususnya kepada pihak Kementerian Kewangan, adakah pihak kerajaan telah mengkaji aspek-aspek perculaian lain selain daripada perculaian berbentuk GST ini dan khususnya dua cadangan aspek perculaian yang saya utarakan tadi. Apakah pandangan kerajaan berhubung pemakaian sistem perculaian ini?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang penyalahgunaan dadah dan jenayah kanak-kanak. Sebagaimana yang telah disebut dua tiga kali sebelum ini, kita membincangkan satu senario klimaks kepada jenayah kanak-kanak yang berhubung kait dengan dadah iaitu Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang menyebabkan kematian 23 nyawa. Kita dikejutkan dengan penahanan tujuh remaja berusia 11 hingga 18 tahun dipercayai mempunyai kaitan dengan unsur khianat yang menjadi punca kebakaran. Enam daripadanya

berusia 18 tahun ke bawah dan seorang berusia 11 tahun. Kanak-kanak yang ditahan ini positif penggunaan dadah dan kesemuanya tercicir daripada arus pendidikan.

Berdasarkan statistik daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), sehingga Ogos 2017, sebanyak 1,256 orang pelajar dikesan terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan ia meningkat daripada tahun sebelumnya. Ini adalah berdasarkan ujian saringan air kencing. Berdasarkan kajian yang turut dilakukan oleh Kementerian Pendidikan ke atas 35,755 orang pelajar, 1,457 orang positif dadah iaitu merupakan 4 peratus daripada jumlah yang dikaji. Nilai 4 peratus ini saya kira satu jumlah yang agak banyak.

Berikut daripada kes dadah dan jenayah kanak-kanak ini, saya kira kerajaan perlu mengambil suatu tindakan yang lebih responsif, lebih drastik agar tindakan tersebut dapat mengurangkan gejala-gejala sosial dan bukannya tindakan-tindakan yang kita sebut itu lebih berbentuk retorik. Saya di sini ingin bersetuju dengan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal tadi iaitu kita membuat suatu peraturan ataupun ibu bapa memastikan anak-anak berada di rumah dan tidak berlegar-legar, berkeliaran pada waktu malam. Saya kira ia adalah suatu peraturan yang baik untuk mewujudkan *curfew* kepada kanak-kanak yang di bawah umur 18 tahun.

Ini sebenarnya telah pun dibuat di negara-negara maju dan sebenarnya kita di Malaysia pun, kita ada peraturan ini. Di sekolah, di asrama-asrama di sekolah, ada *curfew*. Tidak dibenarkan anak-anak, pelajar-pelajar berkeliaran pada waktu malam. Di asrama dan di universiti-universiti pun kita ada *curfew*, tidak boleh berkeliaran pada waktu malam. Ini kerana berkeliaran pada waktu malam lebih-lebih lagi kepada anak-anak di bawah usia 18 tahun akan memberi persekitaran yang sangat negatif.

Bagi ikatan kekeluargaan, pada waktu malam adalah waktu untuk keluarga. Ibu bapa berehat di rumah, anak-anak berehat di rumah. Di situlah ikatan kekeluargaan dibina, remaja dan anak-anak dibentuk dengan ikatan kekeluargaan, jati diri, bina sahsiah. Maka sekiranya keadaan ini, waktu ini tidak dimanfaatkan dengan baik, itulah yang menyebabkan anak-anak ini yang sebenarnya anak ini ibarat kain putih, sebenarnya yang mencorakkan mereka tentu sekali keluarga. Mereka tidak ingin sebenarnya terjebak dengan dadah, tidak ingin terjebak dengan jenayah tetapi suasana persekitaran yang menyebabkan mereka terjebak.

Jadi saya kira sudah tiba masanya kerajaan mengambil tindakan yang lebih agresif untuk memastikan generasi pelapis negara ini berada dalam keadaan yang cukup bersedia, berada dalam keadaan yang cukup baik untuk menjadi pemimpin pada masa akan datang. Saya juga berpandangan dan mencadangkan agar ibu bapa hendaklah beraku janji untuk memastikan anak-anak berada di rumah pada waktu malam dan juga perlu beraku janji untuk memastikan anak-anak tidak menghisap rokok atau *vape*, mahupun meminum arak atau minuman beralkohol.

Semua ini perlu mendapat pemantauan daripada ibu bapa. Di samping itu, pewujudan guru-guru kaunseling di sekolah dan juga kelab kaunseling serta pembimbing rakan sebaya di sekolah perlu diperkuuhkan. Kelab dan guru kaunseling seharusnya tidak tertumpu kepada pengurusan kaunseling kerjaya pelajar, malah isu-isu psikologi dan sosial remaja di sekolah.

Kaedah ini diharap boleh membanteras gejala penyalahgunaan dadah, gejala sosial dan masalah-masalah jenayah di peringkat awal. Perjawatan guru tetap sebagai kaunselor sepenuh masa ataupun kaunselor-kaunselor tetap di sekolah hendaklah diisi.

Kerajaan juga hendaklah memastikan kewujudan dan keaktifan pusat-pusat belia dan kanak-kanak di setiap Parlimen. Pastikan penglibatan Ahli-ahli Parlimen dan ADUN di tempat masing-masing dan memastikan kajian keberkesanan aktiviti di pusat-pusat belia dijalankan dalam membanteras aktiviti jenayah dan sosial di kawasan-kawasan berkenaan. Pusat-pusat belia dan kanak-kanak ini hendaklah melibatkan secara langsung pihak polis, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi kerajaan lain yang berkaitan dan berdekatan.

Seterusnya saya ingin menyentuh berkait dengan solat berjemaah di sekolah. Sekolah bukan setakat berperanan memberikan pendidikan memenuhi sukatan pelajaran...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya bagi dua minit ya.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Ya. Saya habis satu topik sahaja, sambung esok.

Sekolah bukan setakat berperanan memberikan pendidikan melalui sukatan pelajaran, malah pendekatan yang lebih holistik adalah membentuk sahsiah, kepimpinan, disiplin dan jati diri para pelajar. Sebagai seorang Islam, pembentukan aspek ini adalah antaranya melalui solat berjemaah. Justeru, tindakan Pegawai Pendidikan Daerah Kuantan, Encik Mohd Razali bin Mustafar yang mewajibkan solat berjemaah sebelum pulang adalah sangat positif. Ia merupakan suatu langkah berani yang ringkas, namun mempunyai impak yang besar ke arah pembinaan disiplin dan kepimpinan serta pembinaan sahsiah Muslim pelajar.

Solat berjemaah adalah sebahagian daripada aspek pengajaran dan pembelajaran subjek Pendidikan Islam. Maka, ia amat bertepatan dengan peruntukan Akta Pendidikan 1966 yang mengatakan bahawa pihak sekolah wajib mengadakan kemudahan bagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam apabila terdapat lima orang murid Islam atau lebih di sesbuah sekolah. Solat berjemaah ini sangat dianjurkan dalam Islam oleh kerana kelebihannya yang sangat besar. Kekuatan Islam ada pada solat berjemaah. Justeru, Rasulullah tidak pernah meninggalkan solat berjemaah pada solat-solat fardu melainkan saat-saat akhir kewafatannya. Sekian, saya mohon untuk sambung perbahasan saya esok pagi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu nampak gayanya Yang Berhormat kita tahu dan dia ceritakan tadi, maksudnya tadi anak-anak kecil diajar dia benar, ikhlas dan juga macam-macam lagi. Pada kita wajib diajar itu. Bak kata pantun orang Melayu.

*Dari rumah terus ke pasar,  
Ambil dibeli buah tembikai,  
Dari kecil sampai ke besar,  
Benar dan ikhlas wajib dipakai... [Dewan tepuk]*

Itu dia tadi. Terima kasih banyak Yang Berhormat.

Saya senang hati. Ramai tokoh kita ada. Datuk Haji Megat sudah masuk, juga termasuk Datuk Haji Abbas. Pengerusi ada juga. Itu baguslah. Saya senang hatilah, nampak anak buah saya *respect* kita punya. Terima kasih banyak ya. Saya kata kawan kita, Tan Sri Nalla- tidak ada. Semalam dia punya *birthday*, kita ucap ya. Tidak ada, dia tidak ada ya.

Jadi dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 7 Disember 2017. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang]**